

Selamat Hari Raya Aidilfitri Maaf Zahir & Batin

PERCUMA



JUN 1-15- 2019

BULETIN MUTIARA



www.buletinmutiara.com



buletinmutiara | ChowKonYeow



chowkonyeow



@ChowKonYeow

Pulau Pinang terus cemerlang ke arah rakyat capai mutu kehidupan berkualiti, keluarga bahagia

Oleh : **SUNARTI YUSOFF**

PENTADBIRAN Kerajaan Negeri Pakatan Harapan (PH) Pulau Pinang terus memperlihatkan prestasi cemerlang di bawah kepimpinan Ketua Menteri baru, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow.

Selain memperkenalkan beberapa dasar baharu, Kerajaan Negeri juga begitu komited melaksanakan 68 akujanji dalam manifesto ‘Saya Sayang Pulau Pinang’ yang dilancarkan sempena Pilihan Raya Umum Ke-14 (PRU14).

Kon Yeow berkata, sebanyak 43 atau kira-kira 63.2 peratus daripada janji tersebut telah berjaya ditunaikan dalam tempoh setahun pentadbiran Kerajaan Negeri sejak 9 Mei lalu.

“Janji-janji yang masih belum ditunaikan sebagiannya masih dalam perancangan, ada yang sedang dikaji semula serta ada juga masih dalam proses menunggu kelulusan.

“Jadi, kita berharap agar kita ada masa untuk menunaikan kesemua janji ini dan sekiranya ada janji yang tidak dapat ditunaikan maka kita perlu jelaskan sebabnya,” katanya kepada Buletin Mutiara dalam wawancara khas sempena satu tahun beliau sebagai Ketua Menteri, dekat Komtar baru-baru ini.

Pencapaian terbaik

Menurut Kon Yeow, pencapaian terbaik Pakatan Harapan Pulau Pinang bagi dirinya dalam tempoh setahun adalah had tempoh jawatan Ketua Menteri selama dua penggal yang diluluskan melalui pindaan Perlembagaan Negeri pada November tahun lepas.

“Had tempoh Ketua Menteri merupakan satu proses untuk membolehkan pucuk pimpinan diganti dengan yang baru selepas berkhidmat selama dua penggal.

“Hal ini kerana saya berpendapat bahawa tempoh dua penggal (10 tahun) adalah mencukupi bagi seorang ketua menteri atau menteri besar melaksanakan visi untuk membawa perubahan yang lebih baik kepada negeri dan juga rakyat.

“(Dan) sekiranya ada perkara yang tidak dapat dilaksanakan dalam tempoh tersebut



KETUA MENTERI, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow mempengerusikan Mesyuarat MMK yang pertama selepas mengangkat sumpah sebagai Ketua Menteri Pulau Pinang kelima pada tanggal 14 Mei 2018. (Gambar: ALVIE CHENG).

diharapkan ia diteruskan oleh pimpinan baharu dengan menyerapkan perkara-perkara yang baik ke dalam visi seterusnya,” ujarnya.

Selain itu, tambah beliau, pelantikan Ketua Pembangkang, Mohamad Yusoff Mohd. Noor sebagai Pengurus Jawatankuasa Kira-Kira Wang (PAC) Negeri juga merupakan suatu pencapaian yang boleh dibanggakan.

“Pelantikan tersebut menjadi lebih mudah apabila Ketua Pembangkang memberikan kerjasama yang baik dalam hal pelantikan ini,” jelasnya yang juga ADUN Padang Kota merangkap Ahli Parlimen Tanjong.

Cabar utama

Kon Yeow berpendapat, cabaran terbesar dalam usaha menunaikan seluruh janji manifesto adalah untuk merealisasikan pelaksanaan Pelan Induk Pengangkutan Pulau Pinang (PTMP).

Namun, beliau suka berpegang kepada prinsip kesabaran selain yakin bahawa setiap isu melibatkan kepentingan rakyat pasti membawa hasil yang baik biarpun terpaksa mengambil masa agak panjang.

“Sejak jadi Exco lagi, saya amalkan pendekatan ini kerana tidak ada gunanya kalau kita tertekan hanya kerana mahukan penyelesaian dalam kadar segera.

“Dalam pelaksanaan PTMP contohnya,

kita (Kerajaan Negeri) tidak ada pilihan lain kerana kita bukanlah pihak yang membuat keputusan.

“Tanggungjawab kita adalah untuk memenuhi segala syarat yang ditetapkan dalam setiap permohonan dan kita berharap agar keputusan terbaik dapat dicapai dalam tempoh terdekat atau sebelum penggal ini berakhir,” ulasnya yang tidak menafikan bahawa komitmen kerjanya kini banyak mengubah rutin harian beliau.

PTMP merupakan inisiatif Kerajaan Negeri yang akan merangkumi pembinaan terowong dasar laut, lebuh raya serta transit aliran ringan (LRT) dan monorel selain jaringan perhubungan bas yang luas termasuk di Seberang Perai.

Pembangunan masyarakat Melayu dan luar bandar

Menyentuh mengenai aspek ini, Kon Yeow menyatakan bahawa bagi memastikan masyarakat Melayu khususnya di kawasan luar bandar mampu menyesuaikan diri dalam pembangunan pesat Pulau Pinang, Kerajaan Negeri memberi perhatian serius khususnya membabitkan bahagian Seberang Perai.

“Buktinya adalah apabila Kerajaan Negeri memperuntukkan sebanyak 70 peratus daripada belanjawan negeri untuk membangunkan kawasan Seberang Perai.

“Kerajaan Negeri juga memandang berat aspek pembangunan pertanian yang dilihat sinonim dengan masyarakat Melayu.

“Buat masa ini, kita sedang menarik pelaburan syarikat asing untuk menghasilkan benih-benih pertanian bernilai tinggi sekaligus menjadikan Pulau Pinang sebagai hab benih.

“Jadi, kita berharap agar usaha untuk menambah nilai pertanian dihasilkan dari kilang dapat membawa manfaat kepada petani yang mengusahakan tanah mereka.

“Kita tidak muahu sektor pertanian bertambah maju tetapi gagal memberi manfaat kepada para petani dan ini suatu keadaan yang perlu diberi perhatian serius oleh Kerajaan Negeri,” jelasnya.

Mengulas lanjut, Kon Yeow menerangkan bahawa isu paling mencabar dalam aspek pembangunan masyarakat Melayu dan luar bandar adalah apabila ia melibatkan pengusiran penduduk asal dari kampung-kampung yang terlibat dengan pemajuan.

“Pendekatan Kerajaan Negeri adalah memastikan dalam mana-mana projek yang melibatkan pengusiran penduduk asal dari kampung-kampung perlu ada penempatan semula ditawarkan kepada mereka.

“Kita muahu memastikan penduduk asal dapat pembelaan daripada segi kemudahan

(Sambungan di muka 2). ►

Anggota perkhidmatan Pulau Pinang terima BKK 0.5 bulan gaji, minimum RM1,000

Oleh : AINUL WARDAH SOHILLI
Gambar : ALISSALA THIAN

GEORGE TOWN — Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow mengumumkan pemberian 0.5 bulan gaji atau kadar minimum RM1,000 kepada 3,905 anggota perkhidmatan awam negeri sempena sambutan Hari Raya Aidilfitri tahun ini.

Bayaran bagi Bantuan Khas Kewangan (BKK) berkaitan dibuat pada 28 Mei 2019 dengan melibatkan perbelanjaan sebanyak RM5.27 juta.

“Kerajaan Negeri telah bersetuju untuk memberi BKK kepada kakitangan awam negeri dengan bayaran sebanyak 0.5 bulan gaji atau minimum RM1,000,” ucapnya pada Majlis Perhimpunan Anggota Perkhidmatan Awam Bersama-sama Y.A.B. Ketua Menteri dekat sini 13 Mei lalu.

Hadir sama, Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri, Dato' Law Choo Kiang; Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Ir. Ahmad Zakiyuddin Abdul Rahman; Timbalan Ketua Menteri II, Prof. Dr. P. Ramasamy; barisan Exco Kerajaan Negeri, Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri; ex-officio serta semua anggota perkhidmatan awam negeri dan Persekutuan.

Dalam pada itu, Kon Yeow turut menzahirkan penghargaan atas komitmen dan kerjasama daripada semua penjawat awam negeri yang dilihat mampu menjayakan inisiatif bagi membentuk Pulau Pinang sebuah negeri yang ‘A Family-



KETUA Menteri, barisan kepimpinan Kerajaan Negeri dan para anggota perkhidmatan awam merakam gambar kenangan sejurus Majlis Perhimpunan Anggota Perkhidmatan Awam Bersama-sama Y.A.B. Ketua Menteri di sini baru-baru ini.

focused Green and Smart State that Inspires the Nation’.

“Di Pulau Pinang, Kerajaan Negeri cukup bertuah kerana mempunyai sistem sokongan sangat kuat yang mana semua kejayaan yang dikehendaki bukanlah kejayaan Ketua Menteri atau wakil rakyat tetapi kejayaan kita semua sebagai penjawat awam.

“Kepimpinan negeri tidak mampu melaksanakan segala dasar sekiranya tiada penjawat awam yang menjadi tulang belakang dalam melaksanakan segala perancangan.

“(Dan) bagi memastikan kita semua berada di landasan yang betul, Kerajaan Negeri telah melancarkan visi *Penang2030* pada 29 Ogos 2018 lalu dan kini, menjadi tugas kita (selaku penjawat awam) untuk merealisasikan.

“Marilah kita bekerja dengan lebih kuat lagi bagi menterjemahkan dasar negeri dalam pelbagai bentuk

sama ada melalui projek, program mahupun inisiatif bagi memastikan 1.7 juta rakyat Pulau Pinang mendapat manfaat,” serunya yang turut meletakkan harapan tinggi kepada anggota perkhidmatan awam negeri di bawah kepimpinan Setiausaha Kerajaan Negeri, Dato’ Seri Farizan Darus.

Menyentuh mengenai janji-janji yang terkandung dalam Manifesto Pilihan Raya Umum Ke-14 (PRU14), Kon Yeow memaklumkan bahawa 43 daripada 68 janji telah dilaksanakan.

“Manakala, 11 janji sedang diusahakan, 10 masih di peringkat perancangan dan empat lagi masih menunggu kelulusan daripada Kerajaan Persekutuan.

“Tanggal 9 Mei 2019 baru-baru ini juga merupakan ulang tahun pertama bagi saya selaku Ketua Menteri, dan ia merupakan suatu perjalanan yang baru meskipun

telah 10 tahun bergelar Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri sejak 2008.

“Baki empat tahun lagi untuk pentadbiran penggal ini, pastinya fokus Kerajaan Negeri adalah untuk menyempurnakan projek-projek untuk rakyat baik dalam aspek perumahan, infrastruktur, pengangkutan, pelancongan, telekomunikasi, industri dan sosio-ekonomi rakyat di negeri ini.

“Saya akui, apabila berada di bawah ‘payung’ pentadbiran yang sama dengan Kerajaan Persekutuan, rakyat mengharapkan prestasi

Kerajaan Negeri lebih cemerlang berbanding sebelumnya dan itu merupakan cabaran baru yang perlu dipikul sebaik mungkin.

“(Dan) sebagai Ketua Menteri baru, sudah tentu tanggungjawab ini saya galas dengan hati yang terbuka dan penuh iltizam untuk membawa negeri ini ke tahap yang lebih baik terutama dalam aspek taraf hidup, persekitaran yang hijau dan mampan serta keharmonian rakyat,” ujarnya sambil berharap semua pihak dapat menghayati visi *Penang2030* yang digagaskannya untuk negeri ini.

► (Sambungan dari muka 1).

atau alternatif lebih baik berbanding keadaan sedia ada terutamanya pada aspek hak pemilikan rumah.

“Justeru, isu ini amat mencabar kerana terdapat sesetengah pihak mahu melihat penempatan orang-orang Melayu itu kekal di suatu tempat tetapi itu bermakna mereka akan berterusan menumpang di tanah-tanah milik pihak lain,” ulasnya.

Pulau Pinang pada masa hadapan

Selepas mengambil alih tumpukan pentadbiran negeri, Kon Yeow lantas memperkenalkan visi *Penang2030 A Family-Focused Green and Smart State that Inspires the Nation* yang akan membentuk hala tuju Pulau Pinang dalam tempoh 11 tahun akan datang.

Visi *Penang2030* dilihat unik kerana turut memberi tumpuan terhadap pembangunan kekeluargaan yang mana Kon Yeow menyifatkan ia sebagai titik permulaan yang membawa perubahan lebih besar kepada negeri dan masyarakat.

Justeru, demi pembangunan masa depan negeri, beliau berharap agar visi yang digarap beliau dapat dicapai sebelum tahun 2030.

“Tetapi harapan terbesar saya adalah supaya Pulau Pinang lebih

Fakta menarik tentang Ketua Menteri yang tidak diketahui ramai:

► Minat untuk menyanyi selain menghilangkan tekanan, beliau berpendapat ia adalah sebagai salah satu sumbangan melalui ‘suara’ terutamanya dalam program-program amal.

► Lagu yang didendangkan pernah berjaya memungut derma amal berjumlah puluhan ribu.

► Suka menonton drama bersiri kantonis sejak kecil dan belajar mengenal huruf-huruf Cina daripadanya.

► Pernah mengambil pengajian dalam jurusan undang-undang tapi tidak melanjutkan ia ke peringkat lebih tinggi.



maju yang mana rakyat mencapai mutu kehidupan lebih tinggi, selesa, mempunyai pekerjaan dan pendapatan serta keluarga yang bahagia,” katanya yang merupakan lepasan graduan dalam jurusan Sosiologi dan Antropologi serta pernah mengambil pengajian dalam jurusan undang-undang.

Pelan Induk Kesalinghubungan Pulau Pinang diharap lonjak Negeri bandar gigabit pertama

Oleh : NORSHAHIDA YUSOFF

Gambar : NOOR SITI NABILAH NOORAZIS

GEORGE TOWN – Kerajaan Negeri mewujudkan Pelan Induk Kesalinghubungan Pulau Pinang dalam usahanya melonjakkan negeri ini sebagai bandar gigabit pertama dalam negara yang menawarkan internet berkelajuan tinggi dan sambungan jalur lebar lebih kukuh.

Exco Kerja Raya, Utiliti dan Tebatan Banjir, Zairil Khir Johari berkata, pelan induk ditubuhkan bersama-sama dengan semua tujuh syarikat telekomunikasi negara adalah demi memenuhi permintaan umum serta industri.

“Bagi memastikan Pelan Induk Kesalinghubungan Pulau Pinang ini menjadi kenyataan, satu pasukan jawatankuasa khas dengan struktur tiga peringkat akan ditubuhkan.

“Ia akan menjadi satu pelan induk yang jelas bagi penyelaras, perancangan serta pelaksanaan semua perkara berkaitan telekomunikasi di negeri ini, dan ia disesuaikan dengan dasar Persekutuan iaitu Pelan Gentian Optik dan Kesalinghubungan Negara (NFCP),” ujarnya pada sidang media bersama-sama Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow di sini baru-baru ini.

Bagi merealisasikan impian menjadi bandar gigabit, Zairil memberitahu bahawa pihak Kerajaan Negeri bersedia untuk



KETUA Menteri dan Zairil Khir Johari (lapan dari kiri) merakam gambar kenangan bersama-sama semua tujuh pegawai tertinggi syarikat telekomunikasi negara selepas berlangsungnya mesyuarat pertama Pelan Induk Kesalinghubungan Pulau Pinang di sini baru-baru ini.

membantu semua syarikat telekomunikasi berkenaan menubuhkan infrastruktur mereka di negeri ini.

“Kebanyakan daripada syarikat telekomunikasi menghadapi pelbagai masalah daripada pihak berkuasa tempatan (PBT) untuk memperoleh kebenaran membangunkan infrastruktur telekomunikasi masing-masing.

“Di samping itu, Pulau Pinang juga sebenarnya perlu bersedia dengan

infrastruktur yang sesuai dalam tempoh dua tahun akan datang untuk menerima rangkaian 5G ini, meskipun menurut SKMM (Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia) kita telah mencapai 100 peratus penembusan litar rangkaian 3G dan 97.7 peratus (4G LTE).

“Peratusan ini sekaligus menjadikan Pulau Pinang melebihi purata negara iaitu masing-masingnya sebanyak 81.6 peratus (3G) dan 79.6 peratus (4G LTE),”

jelasnya.

Terdahulu, mesyuarat pertama pelan induk berkaitan telah dipengerusikan Kon Yeow bersama-sama dengan semua tujuh ketua pegawai eksekutif (CEO) syarikat telekomunikasi berkaitan serta pihak SKMM.

Antaranya, Penggerusi SKMM, Al-Ishsal Ishak; Albern Murty (CEO Digi); Gokhan Ogut (CEO Maxis); Idham Nawai (CEO Celcom); Shazril Imri Mokhtar (CEO Kumpulan Bertindak Telekom Malaysia); Afzal Abdul Rahim (*TIME Commander in Chief*); Ali Tabasi (Ketua Pegawai Operasi YTL) dan Wooi Ooi Yuen (Ketua Pegawai Teknikal U Mobile).

Mengulas lanjut mengenai pelan terbaru tersebut, Zairil yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Tanjong Bunga menyatakan bahawa Pulau Pinang ingin menerajui pembangunan infrastruktur telekomunikasi negeri selaras dengan visi *Penang 2030*.

Menurut Zairil, Pulau Pinang perlu mempunyai infrastruktur rangkaian yang mantap dan kukuh untuk menyokong inisiatif bandar pintar.

“Semua pihak telah komited untuk menjayakan rancangan ini menjelang akhir tahun ini dengan harapan Pulau Pinang bukan sahaja terus menerajui tetapi juga menjadi contoh buat negeri-negeri lain di Malaysia,” katanya.

Rayu Pusat segerakan kelulusan SPRWTS demi jamin keselamatan air sehingga 2050

BATU LANCANG - Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow berharap Kerajaan Persekutuan hari ini dapat meluluskan pelaksanaan Skim Pemindahan Air Mentah Sungai Perak (SPRWTS) yang tertangguh sejak tahun 2011, demi menjamin bekalan air sehingga tahun 2050 kelak.

Katanya, Kerajaan Negeri amat memerlukan sumber air mentah alternatif kerana Sungai Muda hanya dapat memenuhi keperluan Kedah dan Pulau Pinang sehingga tahun 2025 sahaja.

“Penyelesaian terbaik kami (Pulau Pinang) adalah mendapatkan air mentah dari Sungai Perak seperti yang dicadangkan dalam SPRWTS.

“Pulau Pinang telah memohon kelulusan SPRWTS ini sejak tahun 2011, bagaimanapun Kerajaan Persekutuan sebelum ini gagal melaksanakan projek itu.

“Sekarang, dengan Kerajaan Persekutuan yang dipimpin oleh Pakatan Harapan, kami (Kerajaan Negeri Pakatan Harapan Pulau Pinang) berharap dapat kelulusan untuk pelaksanaan SPRWTS,” jelas Kon Yeow yang juga Exco Hal Ehwal Tanah & Pembangunan Tanah, Pengangkutan dan Komunikasi merangkap Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Padang Kota dan Ahli Palimen Tanjong.

Beliau berkata demikian ketika berucap dalam Persidangan Sekuriti Air di sini 25 April lalu.

Dalam perkembangan lain, Kon Yeow turut menyeru seluruh rakyat Pulau Pinang supaya berhemah dalam menggunakan air



IR. Jaseni Maidinsa.

terawat di negeri ini.

Walaupun tarif air negeri adalah paling rendah, menurutnya, permintaan bekalan sumber itu yang kian meningkat turut menyumbang kepada peningkatan kos pembangunan PBAPP untuk membina lebih banyak loji rawatan air pada masa hadapan.

“Kita (PBAPP) dapat mengurangkan kos pembekalan air dengan menjimatkan lagi penggunaan air, (maka) PBAPP tidak perlu membina lebih banyak loji rawatan air atau memasang lebih banyak sistem paip air.

“(Kelak,) jika kos meningkat, maka peningkatan kos ini akan mempengaruhi tarif air yang kita (Kerajaan Negeri) memang

tidak mahu lakukan.

“Oleh itu, kita (Kerajaan Negeri dan PBAPP) mempunyai pendekatan membina serta pemikiran yang baharu demi menyelamatkan sumber air, (yang mana) kita (Pulau Pinang) boleh mempunyai sistem air yang baik dan cekap dengan kos yang dikurangkan,” ujarnya sambil mengharap lebih banyak program kesedaran mengenai pentingnya penggunaan air secara berhemah dianjurkan oleh semua pihak.

Sebelum itu, Ketua Pegawai Eksekutif Perbandaran Bekalan Air Pulau Pinang (PBAPP), Dato’ Ir. Jaseni Maidinsa memberitahu bahawa pentadbirannya sendiri sedang berusaha untuk mencapai tahap keselamatan air di negeri ini sehingga tahun 2050.

Menurutnya, penggunaan air terawat di Pulau Pinang meningkat sebanyak 56.7 peratus, daripada 536 juta liter sehari (MLD) pada tahun 1999 kepada 840 MLD pada tahun 2018.

“Untuk tahun 2019 hingga 2021, PBAPP merancang untuk melabur sebanyak RM501 juta bagi projek bekalan air.

“Ia, termasuk bagi Projek Ketiga Paip Berkembar Bahau Dasar Laut Butterworth Ke (Bahagian) Pulau, SPRWTS dan (kerja-kerja) penarafan sembilan pusat loji rawatan ada di Pulau Pinang.

“PBAPP perlu melabur berjuta-juta ringgit dalam projek infrastruktur bekalan air untuk meminimumkan risiko krisis air pada masa depan dan keutamaan nombor satu kami (PBAPP) adalah mengelak

sebarang langkah catuan air dalam apa jua keadaan,” ulas beliau.

Tambah Jaseni, berdasarkan Pelan Induk Bekalan Air Minuman di Pulau Pinang hingga Tahun 2050, menunjukkan bahawa permintaan air terawat akan meningkat sehingga 1,884 MLD pada tahun 2050 kelak.

Mengambil kira hasil kajian itu, jelas beliau lagi, Fasa 1 SPRWTS harus dilaksanakan pada tahun 2025.

“Pada 1 Mac (2019), wakil Kerajaan Negeri (Pulau Pinang) dan Kerajaan (Negeri) Perak bertemu dengan pegawai dari Kementerian Air, Tanah dan Sumber Asli (KATS) di Putrajaya.

“Kedua-dua pihak iaitu Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan Perak berminat untuk memanfaatkan Sungai Perak sebagai sumber air mentah pada masa akan datang.

“Walaupun (Kerajaan Negeri) Pulau Pinang sedang mencari sumber air mentah dari Sungai Perak, namun, Kerajaan Negeri Perak lebih berminat untuk menjual air terawat dari Sungai Perak ke negeri Pulau Pinang.

“Susulan itu, KATS telah bersetuju untuk menjalankan kajian teknikal bagi menentukan pilihan terbaik untuk faedah bersama.

“Pilihan mereka adalah: cadangan air mentah Pulau Pinang; cadangan air terawat Perak atau cadangan ketiga (secara ‘hybrid’ dengan memasukkan pemindahan air mentah serta air terawat ke infrastruktur bekalan air Pulau Pinang dan Perak,” katanya.

Galeri arkeologi Kota Cornwallis tarikan baru pelancong kelak

Oleh : NORSHAHIDA YUSOFF
Gambar : DARWINA MOHD. DAUD

BATU UBAN - Dua laras meriam yang ditemui semasa kerja-kerja ekskavasi di Kota Cornwallis pada Februari tahun lalu siap dikonservasi dan diserahkan semula kepada pihak Kerajaan Negeri baru-baru ini.

Meriam yang dianggarkan berusia kira-kira 200 tahun masing-masingnya berukuran 2.35m (meter) dan 2.2m itu dipercayai digunakan pada era King George III ditemui sepasukan penyelidik arkeologi Universiti Sains Malaysia (USM) ketika menjalankan kerja ekskavasi di dinding pertahanan kota berkenaan.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow berkata, Kerajaan Negeri berhasrat untuk membuka satu tapak atau galeri arkeologi di Kota Cornwallis sebagai satu tarikan baharu kepada pelancong.

Walau bagaimanapun, beliau menyatakan bahawa perkara itu akan dibincangkan selanjutnya bagi mengenal pasti kawasan yang sesuai untuk dipamerkan kepada orang awam.

"Kerajaan Negeri sememangnya berhasrat untuk menempatkan kembali meriam-meriam ini di tapak asal ia ditemui, tetapi masih belum diputuskan bila dan di kawasan mana," ujarnya pada sidang media sejurus Majlis Penyerahan Laporan Akhir Konservasi Meriam dekat Pusat Penyelidikan Arkeologi Global (PPAG) USM di sini baru-baru ini.

Laporan berkenaan diserahkan kepada Kon Yeow oleh Naib Canselor USM, Prof. Datuk Dr. Asma Ismail.

Hadir sama, Exco Pembangunan Pelancongan, Warisan, Kebudayaan dan Kesenian, Yeoh Soon Hin; Teh Lai Heng (Setiausaha Politik Kepada Ketua Menteri merangkap Ahli Dewan Undangan Negeri, ADUN-Komtar); ADUN-ADUN; Dr. Ang



CHOW Kon Yeow (dua dari kanan), Yeoh Soon Hin (tiga dari kanan) mendengar penjelasan Dr. Asma Ismail (depan, tiga dari kiri) pada Majlis Penyerahan Laporan Akhir Konservasi Meriam di sini baru-baru ini.



SALAH seorang pengamal media memerhatikan peluru yang turut ditemui.

Ming Chee (Pengurus Besar George Town World Heritage Incorporated (GTWHI) dan Prof. Datuk Dr. Mokhtar Saidin (Pengarah PPAG USM).

Proses memulih dan memelihara kedua-dua meriam tersebut mengambil masa setahun dan untuk tujuan itu, Kerajaan Negeri melalui GTWHI memperuntukkan

sebanyak RM32,100 bagi melaksanakan kerja-kerja berkaitan.

Dalam pada itu, Mokhtar ketika ditemui memberitahu bahawa kerja-kerja konservasi terhadap meriam dan mortar ketiga yang juga ditemui awal tahun ini dijangka akan bermula bulan hadapan.

"Ia juga dijangka mengambil masa setahun untuk dibersihkan, bagaimanapun bergantung kepada keadaan artifak dan proses yang perlu dilaksanakan.

"Kita juga masih lagi menjalankan kajian di tapak berkenaan dan sehingga kini telah menemui pelbagai lagi bahan bukti sejarah termasuk berek, mortar dan juga peluru.

"Penemuan-penemuan ini akan melengkapkan kajian mengenai Kota Cornwallis khususnya dalam aspek penceritaan sejarahnya serta aktiviti di situ suatu ketika dahulu," jelasnya sambil menyifatkan semua penemuan berkenaan memberi nilai tambah yang cukup tinggi buat sektor arkeopelancongan negeri.

NFCP, platform pengusaha PKS ceburi perniagaan menerusi e-dagang

PULAU BETONG - Kerajaan Pusat kini memfokuskan kepada penyediaan Pelan Gentian Optik dan Kesalinghubungan Negara (NFCP) yang bakal menjadi platform untuk usahawan menjadi sebahagian daripada rantaian perdagangan dunia.

Kenyataan tersebut dinyatakan Exco Perdagangan Antarabangsa & Dalam Negeri, Hal Ehwal Pengguna dan Pembangunan Keusahawanan, Dato' Abdul Halim Hussain bersempena Majlis Perasmian Pasar CO-OP Pulau Pinang dekat Perkarangan Masjid Titi Teras di sini 4 Mei lalu.

Menurut beliau, dengan adanya pelan NFCP, lebih ramai pengusaha PKS (Perusahaan Kecil dan Sederhana) dapat menceburi bidang perniagaan menerusi e-dagang selaras perkembangan terkini Revolusi Industri 4.0 yang berteraskan teknologi digital.

"Sudah sampai masanya produk-produk koperasi diketengahkan kepada pasaran terbuka agar ianya mampu menembusi pasaran ekonomi digital 4.0.

"Justeru, usahawan serta koperasi bumiputera harus merebut peluang dan celik

akan manfaat yang cuba diwujudkan oleh kerajaan dalam merubah landskap e-dagang dan transaksi dalam talian pada masa kini," katanya pada majlis berkaitan.

Hadir sama, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pulau Betong, Mohd. Tuah Ismail.

Mengulas lanjut, Abdul Halim memaklumkan bahawa Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) Pulau Pinang telah mengambil inisiatif untuk memperkenalkan Pasar CO-OP Pulau Pinang sebelum ini yang menawarkan barang berkualiti dengan harga lebih murah berbanding pasaran di kawasan-kawasan tumpuan secara berperingkat.

"Menerusi program ini, sinergi pelbagai pihak dilihat dapat mewujudkan keadaan seimbang di antara kerjasama koperasi-koperasi dan komuniti kariah yang terlibat,"



ABDUL Halim Hussain (berkemeja putih) meramahi salah seorang usahawan yang mengambil bahagian dalam pengjuran Pasar Co-op Pulau Pinang di sini baru-baru ini.

jelasnya.

Difahamkan, Program Pasar CO-OP Pulau Pinang kali ini melibatkan kolaborasi bersama di antara Kerajaan Negeri, Pejabat Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pulau Betong, SKM, Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK) Kawasan Parlimen Balik Pulau dan Jawatankuasa Kariah Masjid Titi Teras.

Pembangunan semula skim perumahan lama, Exco optimis dapat sokongan Pusat

GEORGE TOWN - Kerajaan Negeri mempunyai rancangan untuk pembangunan semula atau memberikan nafas baru terhadap skim-skim perumahan awam lama di negeri ini.

Namun, menurut Exco Perumahan, Kerajaan Tempatan dan Perancangan Bandar & Desa, Jagdeep Singh Deo, tidak ada undang-undang tunggal yang jelas berhubung pelaksanaan projek pembaharuan semula di negara ini.

"Kekangan paling ketara adalah apabila kita (Kerajaan Negeri) perlu mempertimbangkan dari sudut perundangan proses pembaharuan semula ini.

"Tiada garis panduan yang jelas sama ada perlu persetujuan sebulat suara daripada penduduk yang terlibat dengan projek pembangunan semula atau tidak.

"Jadi, saya berpandangan perlu ada satu undang-undang jelas sebelum proses (pembangunan semula) bermula, dan jika perlu wujudkan pindaan atau undang-undang baharu mengenai perkara ini," ujarnya sebagai respons terhadap penerbitan sebuah artikel yang bertajuk 'Flet ibarat sarang burung' di sini pada 24 April lalu.

Mengulas lanjut, Jagdeep memaklumkan bahawa dalam peruntukan Akta Hakmilik Strata 1985, tidak ada klausau atau frasa yang merujuk kepada proses pembangunan semula ini.

"Sebab itu, saya sangat berharap agar Kerajaan Pusat dan Kementerian Perumahan dapat melihat isu ini dengan lebih serius kerana proses pembangunan semula skim perumahan lama ini mampu mengurangkan kos penyelenggaraan.

"Pada masa sama, melalui proses ini juga kita (Kerajaan Negeri) dapat mewujudkan lebih banyak unit perumahan untuk rakyat pada masa hadapan.

"(Dan) di Pulau Pinang, sejak 2015 lagi, kita telah menubuhkan Jawatankuasa Pembaharuan Bandar (URC) bagi merancang projek-projek pembangunan semula di negeri ini.

"Malah, URC juga telah mengenal pasti sekurang-kurangnya lima skim perumahan awam yang berpotensi untuk dilaksanakan projek pembangunan semula ini iaitu rumah pangsa di Padang Tembak, Lengkok Mahsuri, Taman Free School, Mak Mandin dan berdekatan Taman Siakap, Seberang Jaya," jelasnya.

Dalam pada itu, Jagdeep yakin dan optimis bahawa harapan Pulau Pinang untuk pembangunan semula skim perumahan awam lama di negeri ini akan disokong oleh Kerajaan Pusat dan kementerian berkaitan.

"Saya berharap Kerajaan Pusat dan pihak berkaitan seperti Kementerian Perumahan dan Majlis Tanah Negara dapat memberi panduan sewajarnya bagi membolehkan pelaksanaan projek pembangunan semula skim perumahan lama di negeri ini," katanya.

Smart Bus Stop tingkat keselamatan, pertama dalam negara

Oleh : SITI HUMAIRA MOHAMED YASIN
Gambar : NOOR SITI NABILAH NOORAZIS

SEBERANG JAYA — Exco Perumahan, Kerajaan Tempatan dan Perancangan Bandar & Desa, Jagdeep Singh Deo melancarkan projek perintis Smart Bus Stop pertama di negeri Pulau Pinang pada 13 Mei lalu.

Projek berkaitan merupakan usahasama Bahagian Kerajaan Tempatan, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang, Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) dan Syarikat edotco Malaysia Sdn. Bhd..

“Projek Smart Bus Stop ini sememangnya selari dengan hasrat Y.A.B. Ketua Menteri dalam wawasan Penang2030 yang mengintegrasikan perkhidmatan perbandaran dengan teknologi pintar.

“Projek ini menggabungkan pelbagai elemen seperti kamera litar tertutup (CCTV) dengan ciri analitis, penggunaan tenaga solar, struktur telekomunikasi, papan iklan digital, pengelas telefon bimbit, butang kecemasan, papan pemakluman waktu ketibaan bas melalui Bus Integrated System (BIS) yang dimiliki oleh Rapid Penang (Sdn. Bhd.).

“Oleh itu, kita akan melihat lebih banyak pondok perhentian bas yang akan dilengkapi dengan ciri-ciri seperti ini supaya aspek keselamatan rakyat Pulau Pinang khususnya yang menggunakan pengangkutan awam



JAGDEEP Singh Deo (tiga dari kanan), barisan kepimpinan Kerajaan Negeri dan wakil-wakil berkaitan pada Majlis Perasmian Projek Perintis Smart Bus Stop di sini baru-baru ini.

dapat ditingkatkan,” katanya semasa merasmikan projek berkenaan di Lengkok Tenggiri dekat sini.

Turut hadir, Exco Pertanian & Industri Asas Tani, Pembangunan Luar Bandar dan Kesihatan, Dr. Afif Bahardin yang juga Ahli

Dewan Undangan Negeri (ADUN) Seberang Jaya; Yang di-Pertua MPSP, Dato’ Sr. Rozali Mohamud dan Ketua Penolong Setiausaha Kanan, Bahagian Kerajaan Tempatan, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang, Nur ‘Aishah Md. Norodin.

Turut serta, Ketua Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia Wilayah Utara, Rizal Malek dan Pengarah Urusan edotco Sdn. Bhd., Wan Zainal Adileen Wan Puteh.

Mengulas lanjut, Jagdeep memberitahu bahawa projek berkaitan merupakan salah satu inisiatif pembangunan ke arah merealisasikan perancangan ruang yang berkesan untuk kegunaan awam selain menggalakkan orang ramai menggunakan pengangkutan awam di negeri ini.

“Pemasangan CCTV dan panic button di Smart Bus Stop ini adalah ciri-ciri penting yang menitikberatkan aspek keselamatan pengguna awam, malah kedua-dua elemen tersebut disambung terus kepada pihak Polis Diraja Malaysia (PDRM) untuk memantau keselamatan orang ramai.

“Hal ini kerana terdapat penduduk kawasan sini yang bekerja di industri-industri hingga lewat malam dan terpaksa bergantung dengan pengangkutan awam,” jelasnya.

Dalam pada itu, Rozali menyatakan bahawa reka bentuk Smart Bus Stop adalah inovasi baru yang bukan sahaja berfungsi sebagai tempat mengambil dan menurunkan penumpang, malah juga berupaya menyediakan kemudahan berteknologi tinggi untuk keselamatan serta keselesaan pengguna.

Polisi larangan didik perokok peka keadaan sekeliling diteruskan

PULAU BETONG — Polisi kerajaan berhubung larangan merokok di premis makanan merupakan tindakan mendidik perokok ke arah kehidupan lebih positif dan peka dengan keadaan sekeliling mereka, ujar Exco Pertanian & Industri Asas Tani, Pembangunan Luar Bandar dan Kesihatan, Dr. Afif Bahardin.

Menurut beliau, polisi tersebut juga secara tidak langsung mampu mengubah tabiat dan tanggapan pengamalnya bahawa amalan merokok di premis makanan bukan tingkah laku ‘normal’.

“Ada orang tanya kenapa penguatkuasa tidak datang ke kedai-kedai buat pemeriksaan, saya cakap polisi Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) ini bukan nak tangkap orang, tetapi kita cuba jadikan satu kebiasaan yang baharu.

“Ambil contoh di Jepun, saya dan delegasi saya ke sana, ada (delegasi) yang merokok tetapi tanpa disuruh atau dipaksa oleh polis Jepun pun, mereka ini boleh merokok di kawasan khas bahkan bawa paket kecil ke mana-mana untuk buang puntung rokok.

“Itu beza dia, kita buat bukan untuk tangkap orang tetapi nak ubah kebiasaan perokok ini, kita pun tidak bernalang perokok daripada nak merokok,” katanya ketika merasmikan Sambutan Hari Tanpa Tembakau Sedunia 2019 & Pelancaran Nafas Baru Bermula Ramadan Peringkat Negeri



DR. Afif Bahardin.

Pulau Pinang di sini 5 Mei lalu.

Hadir sama, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Teluk Bahang, Zolkifly Md. Lazim dan Pegawai-pegawai dari Jabatan Kesihatan Negeri (JKN) Pulau Pinang.

Menurut Afif yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Seberang Jaya, kira-kira 123 kawasan di seluruh negara telah diwartakan sebagai kawasan larangan merokok.

“Daripada pemerhatian, saya rasa pematuhan larangan tiga meter merokok dari premis makanan ini memuaskan, banyak perokok akur dengan arahan tersebut, malah jika ada pun selalunya yang orang mengadu lepas pukul 12 malam,” jelasnya.



KETUA Menteri bergambar kenangan dengan wakil-wakil syarikat penerima dana Penang Industry 4.0 Seed Fund Stream #2 pada majlis penyampaian di sini baru-baru ini.

Penang i4.0 Seed Fund, harap penerima manfaatkan sebaik mungkin

GEORGE TOWN — Kerajaan Negeri melalui @CAT Penang menyalurkan dana sebanyak RM1.35 juta dalam menjayakan Penang Industry 4.0 (i4.0) Seed Fund Stream #2.

Dana tersebut disampaikan Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow dalam majlis di Wisma Yeap Chor Ee dekat sini 30 April lalu.

Ketika berucap, Kon Yeow menyatakan harapan agar syarikat penerima dana tersebut dapat memanfaatkannya sebaik mungkin.

“Saya berharap syarikat-syarikat penerima dapat memanfaatkan keseluruhan potensi mereka menggunakan dana yang tersedia ini serta mampu menyediakan perniagaan berskala besar untuk diceburi yang memenuhi kehendak pelanggan dengan lebih efisien.

“Saya difahamkan terdapat 11 syarikat

penerima kesemuanya yang melibatkan diri dalam beberapa bidang penting di era Revolusi Industri 4.0 seperti penjagaan kesihatan, *artificial intelligent* (AI), haiwan peliharaan, perdagangan melalui perisian, produk sensor, *commercial fleet control system* dan pertanian,” ucapnya semasa merasmikan majlis berkaitan.

Hadir sama, Ketua Pegawai Eksekutif investPenang, Dato’ Loo Lee Lian dan Pengarah Program @CAT Penang, Howie Chang.

Difahamkan 11 syarikat penerima tersebut menerima suntikan dana bermula daripada RM50,000 sehingga RM250,000 masing-masing.

Pada majlis sama, Kon Yeow turut mengumumkan pelancaran dua program lain iaitu *LeapSprint Star-Ups Founder Program* dan *LeapSprint Mentoring Program*.

Robomania, pendedahan STEM kepada generasi muda

GEORGE TOWN — Kerajaan Negeri menyumbang sebanyak RM50,000 bagi menjayakan program Robomania yang bakal berlangsung di Tech Dome Penang (TDP) dekat sini.

Sumbangan tersebut disampaikan Exco Perdagangan Antarabangsa & Dalam Negeri, Hal Ehwal Pengguna dan Pembangunan Keusahawanan, Dato' Abdul Halim Hussain kepada Ketua Pegawai Eksekutif TDP, Dr. Khong Yoon Loong.

Abdul Halim berkata, pengajuran program tersebut adalah untuk mendedahkan generasi muda terhadap cabang ilmu sains, teknologi, kejuruteraan dan matematik (STEM) bagi membolehkan mereka bersaing dalam era digital dengan lebih kompetitif.

“Kita amat memerlukan bakat-bakat dalam bidang ini, justeru kita perlu persiapkan generasi muda kita ini dengan pendedahan kepada robotik.

“Pada tahun 2016, seramai 90,000 pelajar menduduki Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dalam aliran sains, dan saya difahamkan angka tersebut semakin menurun.

“Sedangkan pada hari ini kita bergerak ke era digital namun generasi muda dilihat seakan-akan kurang bersedia untuk itu,” katanya.

Beliau berkata demikian dalam Majlis Menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) di antara TDP, Ubtech Robotics Ltd. dan Fame International Mobile Technology Sdn. Bhd. pada 22 April lalu.

Difahamkan, jalinan kerjasama tersebut adalah untuk memberi pendedahan kepada masyarakat dan para pelajar di negeri ini mengenai industri robotik.

Maklumat lanjut berkaitan program Robomania 2019 boleh layari, www.techdomopenang.org/robomania2019.



ABDUL Halim Hussain (tengah) dan wakil-wakil syarikat berkaitan menunjukkan pelbagai robot yang dipamerkan bersempena pengajuran Robomania sejurus majlis menandatangani MoU di sini baru-baru ini.



ZAIRIL Khir Johari (empat dari kanan), Soon Lip Chee (tiga dari kanan) dan M. Satees (dua dari kanan) pada sidang media sejurus lawatan ke lokasi banjir kilat di sini baru-baru ini.

Projek RTB Mak Mandin bantu tangani banjir, jangka siap 2020

Oleh : SITI HUMAIRA MOHAMED YASIN

Gambar : CHAN KOK KUAN

BAGAN JERMAL — Kerajaan Negeri sedaya-upaya akan menyegerakan penyempurnaan projek Rancangan Tebatan Banjir (RTB) di Mak Mandin dalam usaha menangani masalah banjir pada masa hadapan.

Exco Kerja Raya, Utiliti dan Tebatan Banjir, Zairil Khir Johari berkata, projek RTB Mak Mandin yang menelan kos RM40 juta itu sedang dilaksanakan dan dijangka siap mengikut jadual menjelang tahun 2020.

“Buat masa ini, saya meminta penduduk di sekitar kawasan Mak Mandin untuk bersabar kerana kita (Kerajaan Negeri) sedaya-upaya menyegerakan projek terbabit dan apabila siap sepenuhnya kelak, barulah penduduk boleh melihat impak daripada projek RTB ini,” ujarnya sejurus selesai lawatan ke Sekolah Kebangsaan (SK) Mak Mandin di sini 9 Mei lalu.

Turut sama, Exco Belia dan Sukan, Soon Lip Chee yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Bagan Jermal; ADUN Bagan Dalam, M. Satees; Ahli Majlis bagi Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP), Khong Chee Seong serta beberapa pegawai daripada Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Pulau Pinang.

Mengulas lanjut, Zairil memaklumkan bahawa selain pelaksanaan projek RTB Mak

Mandin, langkah-langkah mitigasi jangka pendek turut dilakukan serentak.

“Tiga pam mudah alih ditempatkan di persimpangan stesen minyak Petronas, Jalan Permatang Pauh; di SK Mak Mandin dan satu lagi di Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT) Mak Mandin bagi mengepam keluar air ke parit monsun berdekatan sekaligus meredakan keadaan (banjir) apabila hujan lebat ataupun ketika air (laut) pasang.

“Maka, apabila siap kelak projek RTB Mak Mandin ini, akan ada satu rumah pam di Sungai Perai yang berkapasiti tinggi berbanding yang ada kini,” katanya.

Difahamkan, terdapat lima komponen dalam projek tersebut iaitu menaik taraf sungai dan parit monsun, membina sebuah rumah pam baru di Sungai Perai, menaik taraf perparitan dan saliran dalaman di Taman Cantik dan di Taman Bagan.

Zairil mengadakan lawatan ke SK Mak Mandin ekoran kawasan sekitar dinaiki air berikutan intensiti hujan yang dicatatkan mencapai 111 milimeter (mm) pada 8 Mei lalu.

Dalam hal berasingan, Zairil memaklumkan bahawa sembilan notis penguatkuasaan telah dikeluarkan oleh Pejabat Daerah dan Tanah Seberang Perai Utara (SPU) kepada pemilik struktur yang menduduki atas parit dan sungai berkaitan secara tidak sah.

Pelihara penyu, Exco saran tingkat penguatkuasaan cemar pantai

SUNGAI PINANG — Exco Perumahan, Kerajaan Tempatan dan Perancangan Bandar & Desa, Jagdeep Singh Deo menyarankan kepada Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) supaya meningkatkan penguatkuasaan terhadap mana-mana pihak yang melakukan pencemaran pantai.

Menurut beliau, langkah tersebut adalah perlu bagi mengatasi masalah pencemaran pantai yang dilihat telah mengancam hidupan laut terutamanya spesies penyu di perairan negeri ini.

“Pantai kita (Pulau Pinang) tercemar kerana tidak ada kesedaran dalam diri masyarakat tentang pentingnya menjaga kebersihan alam sekitar.

“Oleh itu, selain pendidikan yang juga dilihat penting dalam memberi kesedaran kepada masyarakat tentang amalan kitar semula, tindakan lain yang boleh diambil adalah melalui penguatkuasaan.

“Jadi, saranan saya sebagai Exco Kerajaan Negeri adalah supaya Datuk Bandar (MBPP) dapat meningkatkan lagi penguatkuasaan terhadap mereka yang mencemarkan pantai-pantai kita (Pulau Pinang),” tegasnya semasa merasmikan Program Recycle @Shell: Save Our Turtle dekat stesen minyak Shell di sini 22 April lalu.

Turut hadir, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Sungai Pinang, Lim Siew Khim; Datuk Bandar MBPP, Dato' Ar. Yew Tung Seang; Pengarah Jabatan Perikanan Negeri Pulau Pinang, Noraisyah Abu Bakar; Pengurus Shell Wilayah Utara, Lucy Loo; Ahli-Ahli Majlis bagi MBPP serta para pengusaha stesen minyak Shell Malaysia.

Difahamkan, Program Recycle @Shell: Save Our Turtle merupakan salah satu kesinambungan daripada Kempen ‘Katakan Tak Nak Straw’ dan ‘Tak Nak

Plastik Sekali Guna’ oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang.

Program tersebut adalah anjuran MBPP dengan kerjasama Shell Malaysia Trading Sdn. Bhd. (Shell) Wilayah Utara dan Jabatan Perikanan Malaysia.

Melalui program tersebut juga, pihak Shell turut menawarkan diskain kepada semua pelanggan yang menyertai kempen kitar semula dengan menyumbang botol air minuman plastik terpakai.

Mengulas lanjut, Jagdeep menjelaskan bahawa program tersebut merupakan satu lagi usaha dilaksanakan Kerajaan Negeri dalam merealisasikan hasrat untuk menjadikan Pulau Pinang sebagai negeri bersih, sihat, hijau dan selamat.

“Pada peringkat awal pelaksanaan kempen ini, kita (Kerajaan Negeri) menghadapi banyak rintangan bukan hanya di Pulau Pinang malah satu negara melihat program tersebut tidak akan berjaya.

“Tetapi hari ini kita lihat kempen ini bukan sahaja berjaya malah telah menjadi ikutan di seluruh negara,” ujarnya yang juga ADUN Datuk Keramat.

Dalam pada itu, Noraisyah dalam ucapannya sebelum itu menekankan bahawa Kempen ‘Katakan Tak Nak Straw’ adalah penting dalam usaha pemeliharaan penyu yang merupakan spesies terancam.

“Straw kecil tetapi impaknya besar terhadap alam sekitar termasuk penyu sekiranya dibuang ke laut.

“Oleh itu, saya menyeru agar kita semua dapat mendidik diri kita bermula daripada keluarga dengan membersihkan pantai yang merupakan kawasan utama untuk penyu bertelur,” serunya.

Sasaran produk dan pasaran betul, Komtar boleh kembali pada zaman kegemilangannya

Oleh : NORSHAHIDA YUSOFF

Gambar : NOOR SITI NABILAH NOORAZIS

GEORGE TOWN - Kerajaan Negeri percaya dengan sasaran produk dan pasaran yang betul, Komtar boleh kembali kepada zaman kegemilangannya sekaligus menjadi destinasi serta tarikan utama penduduk setempat.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow memberitahu bahawa usaha Kerajaan Negeri merejuvenasikan semula Komtar menjadikan bangunan ikonik tersebut kini telah dipulihkan sebagai ikon yang sinonim dengan Pulau Pinang.

“Malah, transformasi menara Komtar, *The Top* kini telah membawa hasil dan menyumbang kepada peningkatan jumlah pelancong ke negeri ini saban tahun.

“Saya percaya dengan meningkatkan lagi usaha daripada semua pihak, Komtar boleh terus kekal sebagai tarikan utama, tambahan pula terdapat cadangan untuk membina Pusat Transformasi Bandar (UTC) di dalam Komtar, ia bakal menambahkan lagi banyak tarikan kepada pengunjung,” ujarnya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Padang Kota merangkap Ahli Parlimen Tanjung ketika merasmikan Karnival Komtar

di sini 4 Mei lalu.

Hadir sama, ADUN Komtar merangkap Setiausaha Politik Kepada Ketua Menteri, Teh Lai Heng, Soon Lip Chee (Exco Belia dan Sukan), Daniel Gooi Zi Sen (ADUN Pengkalan Kota), Ahli-ahli Majlis bagi Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) dan Datuk Pua Khien Seng (Pengerusi Phison).

Karnival Komtar yang dianjurkan buat julung kalinya menyaksikan lebih 200 gerai mengambil bahagian selama tiga hari termasuk *e-sport*, *cosplay*, promosi jualan, ruang pameran, booth perkhidmatan agensi kerajaan dan pelbagai lagi.

Ditanya mengenai perancangan Kerajaan Negeri selain merejuvenasikan semula Komtar, Kon Yeow dalam responsnya memberitahu bahawa pada hemah beliau, kajian dan penyelidikan pasaran perlu dilaksanakan.

“Pihak PDC (Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang) dan PDC Urus Setia sememangnya telah mengambil pelbagai inisiatif untuk merejuvenasikan semula Komtar, mungkin impaknya belum nampak tetapi ia telah banyak berubah berbanding beberapa tahun lalu.

“Walau bagaimanapun, banyak perkara perlu dilaksanakan lagi,” jelasnya.



KETUA Menteri bersama-sama barisan kepimpinan Kerajaan Negeri mencuba cabaran *e-sport* yang diadakan bersempena penganjuran Karnival Komtar di sini baru-baru ini.

Penumpang PIA Q1 2019 meningkat 9.14%

GEORGE TOWN - Jumlah penumpang melalui Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang (PIA) bagi suku pertama tahun ini (Q1 - 2019) meningkat sebanyak 9.14 peratus berbanding tempoh sama pada tahun lepas.

Mengulas lanjut, Ketua Menteri Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow berharap cadangan memperbesar lapangan terbang sedia ada dapat dipercepat oleh Kerajaan Persekutuan.

Exco Pembangunan Pelancongan, Warisan, Kebudayaan dan Kesenian, Yeoh Soon Hin; Exco Pembangunan Wanita & Keluarga, Keterangkuman Gender dan Agama Selain Islam, Chong Eng dan Ketua Pegawai Eksekutif Penang Global Tourism (PGT), Ooi Chok Yan turut serta sidang media yang berlangsung di sini pada 6 Mei 2019.

Menurut Chok Yan, seramai 2,017,693 penumpang dicatatkan melalui PIA dalam tempoh tiga bulan pertama 2019, berbanding 1,848,789 sahaja direkodkan dalam tempoh sama bagi tahun 2018.

“Jumlah penumpang masuk melalui (pintu) ketibaan antarabangsa bagi tempoh Januari hingga Mac tahun ini (2019) adalah seramai 451,421 orang, berbanding 407,050 penumpang yang direkodkan dalam tempoh sama pada tahun lepas (2018),” jelasnya sambil memetik laporan statistik terbaru yang dikeluarkan oleh Malaysia Airports Holdings Berhad (MAHB).

Memetik sumber sama, tambah Chok Yan, jumlah penumpang sepanjang tahun 2017 adalah seramai

7,232,097 orang dan meningkat pada kepada 7,786,849 orang bagi tahun 2018.

Melihat statistik terbaru MAHB, beliau menyatakan bahawa kemungkinan pertambahan jumlah penerbangan terus dari dalam dan luar negara yang menyumbang kepada lambakan penumpang ke PIA.

“Ketika ini, banyak penerbangan antarabangsa keluar dan masuk ke negeri ini, termasuk dari bandar-bandar dunia seperti Doha, Banda Aceh, Hanoi, Phuket, Nanning dan Surabaya.

“Awal bulan lalu (April), *Firefly* memulakan penerbangan empat kali seminggu dari Kuantan, manakala *AirAsia* akan terbang tujuh kali seminggu dari Melaka mulai 1 Julai tahun ini,” jelasnya.



OOI Chok Yan.

PERLUKAN MODAL TAMBAHAN?
INGIN KEMBANGKAN PERNIAGAAN?

DAPATKAN PINJAMAN PERNIAGAAN SEGERA!!!
TANPA CAGARAN DAN PENJAMIN

MUDAH DAN TIDAK MEMBEBANKAN
TERBUKA KEPADA SEMUA KAUM

**SKIM PINJAMAN HARAPAN
NEGERI PULAU PINANG**

PINJAMAN
PERNIAGAAN DARI
RM 1 000.00
HINGGA
RM 25 000.00

**tertakluk kepada terma
dan syarat kelayakan yang
ditetapkan

SYARAT KELAYAKAN

- Warganegara Malaysia berumur 18 hingga 60 tahun
- Pengundi di Pulau Pinang
- Berniaga dan menetap di Pulau Pinang
- Mempunyai tempat perniagaan
- Menjalankan perniagaan melebihi 6 bulan
- Mempunyai lesen perniagaan/Sijil Pendaftaran Syarikat (SSM)
- Nama tidak disenaraikan hitam (CTOS)

HUBUNGI SEGERA:
BAHAGIAN PEMBANGUNAN USAHAWAN, PDC
Tel. 04-6340111 samb. 141/125/182/354/159/366

Tingkatkan pembangunan mutu dan kepelbagaian produk herba, saran Ahmad Zakiyuddin

Teks & Gambar : **SITI HUMAIRA MOHAMED YASIN**

BERTAM – Pihak Jabatan Pertanian Negeri Pulau Pinang memilih kawasan Dewan Undangan Negeri (KADUN) Bertam sebagai lokasi bagi pembangunan Taman Herba di negeri ini.

Exco Pertanian & Industri Asas Tani, Pembangunan Luar Bandar dan Kesihatan, Dr. Affif Bahardin menyatakan bahawa Taman Herba Bertam bakal menjadi ikon pelancongan baru Pulau Pinang selain membantu meningkatkan ekonomi golongan petani.

“Matlamat utama pelaksanaan pembangunan taman ini adalah untuk menjadikan ia sebagai destinasi pelancongan yang menarik di Pulau Pinang.

“Justeru, dengan adanya aktiviti pelancongan berdasarkan kegiatan pertanian seperti ini, ia dijangka

dapat menjana aktiviti ekonomi serta mewujudkan peluang pekerjaan sekaligus meningkatkan pendapatan penduduk.

“Malah, langkah ini juga selaras dengan hasrat Kerajaan Negeri yang memberikan penekanan kepada lima teras utama pembangunan negeri serta mendukung Agenda Hijau sebagaimana digariskan dalam visi *Penang2030*,” katanya pada majlis perasmian Taman Herba Bertam di sini 26 April lalu.

Hadir sama, Timbalan Ketua Menteri I, Dato’ Ir. Ahmad Zakiyuddin Abdul Rahman; Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Bertam, Khalil Mehtab Mohd. Ishaq; Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang, Dato’ Seri Farizan Darus; Timbalan Ketua Pengarah Jabatan Pertanian Pusat, Mohd. Nasir Waris serta Pengarah Pertanian Negeri Pulau Pinang Mohamad Muhammin Ibrahim.

Dalam pada itu, Ahmad Zakiyuddin

dalam ucapannya memberitahu bahawa pelbagai usaha dilaksanakan Kerajaan Negeri bagi memberi kesedaran kepada masyarakat mengenai kepentingan herba dalam kehidupan seharian.

“Pembangunan Taman Herba Bertam memang tepat dan selari dengan teras utama ekonomi Daerah Seberang Perai Utara iaitu berteraskan aktiviti pertanian dalam menjadikan Pulau Pinang bersih, hijau dan selamat.

“Dari tahun 2013 hingga 2017, tanah seluas 42 hektar telah dibangunkan melibatkan 25 usahawan dengan catatan nilai pengeluaran kini berjumlah RM102,200, namun ia perlu ditingkatkan dari semasa ke semasa.

“Oleh itu, saya menyarankan agar pihak jabatan di bawah Pembangunan Industri Asas Tani (berkaitan hasil herba) perlu meningkatkan lagi usaha dalam pembangunan mutu dan kepelbagaian produk,” saran ADUN Pinang Tunggal itu.



IR. AHMAD ZAKIYUDDIN ABDUL RAHMAN (BERKEMEJA HIJAU) memerhatikan sebahagian tanaman herba yang terdapat di Taman Herba Bertam sejurus majlis perasmianya di sini baru-baru ini.



ZAIRIL KHIR JOHARI (DUA DARI KANAN) DAN **LEE CHUN KIT (KANAN SEKALI)** PADA SIDANG MEDIA PENGUMUMAN PERUBAHAN NAMA BEBERAPA JALAN DI SINI BARU-BARU INI.

Tiga jalan ditukar nama baharu

GEORGE TOWN – Sebanyak tiga jalan di bahagian pulau negeri ini telah ditukar kepada nama-nama baharu berkuat kuasa sejak April lalu.

Perkara tersebut diumumkan Exco Kerja Raya, Utiliti dan Tebatan Banjir, Zairil Khir Johari ketika mengadakan lawatan ringkas di jalan terlibat.

Jelasnya, jalan-jalan terlibat adalah Jalan Muntri di George Town, Lorong Kucing di Pulau Tikus serta Lorong Lembah Permai 9 dekat Tanjong Bunga.

“Penukaran nama-nama jalan terbabit adalah disebabkan beberapa faktor termasuk kesukaran dalam urusan surat-menyurat.

“Jalan Muntri kini dikenali sebagai Lebuh Muntri kerana nama asalnya Muntri Street, jadi terjemahan street itu sebenarnya adalah lebuh dan bukannya merujuk kepada jalan.

“Kedua, Lorong Kucing dekat Jalan Burma yang pada asalnya diambil daripada nama bandar raya Kuching di Sarawak kini ditukar kepada Lorong Kuching setelah dibakukan mengikut ejaan betul dalam Bahasa Melayu.

“Manakala, Lorong Lembah Permai 9 pula ditukar kepada Lorong Lembah Permai 1 atas isu praktikal yang menyukarkan penduduk terutama semasa menggunakan

perkhidmatan Grab dan urusan surat-menyurat.

“Jadi, sebahagian Lorong Lembah Permai 9 disambungkan ke Lebuh Lembah Permai 1 untuk memasukkan tiga rumah yang berada di lorong berkenaan,” ujar beliau pada sidang media dekat Lebuh Muntri dekat sini 9 Mei lalu.

Hadir sama, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pulau Tikus, Lee Chun Kit; Ahli Majlis bagi Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), P. Kaliyappan dan Jurutera Kanan MBPP, Zainuddin Mohamad Shariff.

Mengulas lanjut, Zairil yang juga ADUN Tanjong Bunga menjelaskan bahawa Kerajaan Negeri juga kini dalam proses permohonan untuk menukar beberapa lagi nama jalan pada masa akan datang sekiranya dipersetujui.

“Untuk makluman, salah satu jalan yang sedang diproses untuk ditukarkan adalah Jalan Cheong Fatt Tze untuk ditukar semula kepada Hong Kong Street atas permintaan penduduk setempat.

“Oleh kerana Cheong Fatt Tze adalah tokoh di Pulau Pinang, maka nama tersebut tidak boleh dihapuskan begitu sahaja, sebaliknya memerlukan proses untuk mencari jalan lain bagi tujuan diberikan nama berkenaan,” jelasnya.

الكلية الإسلامية التكنولوجية العالمية بينانج

KOLEJ ISLAM TEKNOLOGI ANTARABANGSA (KITAB)

PULAU PINANG

AMBILAN JANUARI, MEI & SEPTEMBER

REBAT ISTIMEWA UNTUK PENDAFTARAN AWAL

- **SIJIL/INTENSIF**
- **DIPLOMA 3 KREDIT SPM**
- **IJAZAH SARJANA MUDA (MQA : FA 1502)**

DISKAUN
RM500 UNTUK DIPLOMA
RM300 UNTUK INTENSIF

+60 4 835 1688

kolej islam teknologi antarabangsa pulau pinang-rasmi

www.kitab.edu.my

kitabpulaupinang

PBAPP ‘Juara Kontinjen’ sambutan Hari Pekerja kebangsaan

Oleh : AINUIL WARDAH SOHILLI

Gambar : PBAPP

GEORGE TOWN – Pasukan Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang (PBAPP) muncul sebagai ‘Juara Kontinjen’ sempena Sambutan Hari Pekerja 2019 peringkat kebangsaan yang diadakan di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC) 1 Mei lalu.

Menurut Ketua Pegawai Eksekutifnya, Dato’ Ir. Jaseni Maidinsa, pasukan PBAPP yang terdiri daripada 80 kakitangan itu, menerima trofi kejuaraan daripada Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad.

“Kejuaraan ini adalah kali kedua dalam tempoh tiga tahun yang mana pada tahun 2017, PBAPP turut menjuarainya di peringkat kebangsaan.

“(Kontinjen PBAPP) bersaing dengan 4,898 peserta yang mewakili 92 kontinjen lain dari seluruh Malaysia, termasuk pasukan yang lebih besar daripada organisasi terkemuka,” katanya melalui kenyataan media di sini baru-baru ini.

Persembahan bersemangat pasukan PBAPP yang melakukan beberapa gerakan mengikut muzik selama dua setengah jam berjaya memenangi hati panel hakim daripada Persekutuan Majikan Malaysia (MEF), Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC), Kongres Kesatuan Pekerja-Pekerja Dalam Perkhidmatan Awam (CUEPACS) dan Kementerian Sumber Manusia.

Selain Tun Dr. Mahathir, turut memeriahkan sambutan tersebut ialah Menteri Sumber Manusia, M. Kulasegaran; Menteri Kewangan, Lim Guan Eng dan Menteri Air, Tanah dan Sumber Asli, Dr. Xavier Jayakumar.



PASUKAN PBAPP yang muncul ‘Juara Kontinjen’ sempena Sambutan Hari Pekerja 2019 Peringkat Kebangsaan di PICC baru-baru ini.

Rumah Siap Dibina Sedia Dikunjungi

0124985503

**SIJIL PERAKUAN SIAP (CCC)
DIPEROLEH**

**TAMAN TASEK GELUGOR INDAH
@ TASEK GELUGOR, PENANG, MALAYSIA**

5 % Diskaun Bumiputera

pandangan tapak



SITE PLAN



KEDAI PEJABAT 3 TINGKAT
Keluasan Tanah 1485 k.p ke atas
Keluasan Bangunan 4021 k.p ke atas



RUMAH TERES 2 TINGKAT
Keluasan Tanah 1539 k.p ke atas
Keluasan Bangunan 2088 k.p ke atas



RUMAH BERKEMBAR 3 TINGKAT
Keluasan Tanah 3153 k.p ke atas
Keluasan Bangunan 3584 k.p ke atas

Exco sasar pengeluaran padi sehektar cecah enam tan

Teks & Gambar : **WATAWA NATAF
ZULKIFLI**

SEBERANG JAYA — Bagi mencapai taraf negara maju, kebergantungan kepada makanan import perlu dikurangkan, sebaliknya Malaysia perlu memajukan industri pertanian negara, seru Exco Pertanian & Industri Asas Tani, Pembangunan Luar Bandar dan Kesihatan, Dr. Afif Bahardin.

Menjadikan Belanda sebagai contoh terbaik, Afif menyatakan bahawa status negara maju boleh diukur apabila negara tersebut mampu menyediakan (menghasilkan) makanan yang cukup kepada rakyatnya sendiri.

“Walaupun Belanda bersaiz lebih kecil daripada Malaysia, namun mereka muncul sebagai negara yang menghasilkan produk pertanian kedua terbesar di dunia, bahkan ada syarikat dari sana yang menjadi pengeluar biji benih keenam terbesar di dunia.

“Jika dilihat kepada pengeluaran padi negara, kita di Malaysia dengan penduduk seramai 32 juta orang, tahap sara diri (SSL) untuk beras cuma mampu memenuhi kira-kira 70 peratus kegunaan sahaja berbanding Indonesia yang mana SSL negara tersebut untuk beras (94 peratus).

“Jadi ini yang patut diberikan penekanan iaitu memodenkan sektor pertanian negara... supaya ia mampu memenuhi keperluan dalam negara terlebih dahulu,” ucapnya pada Majlis Kempen Kawalan Perosak dan Penyakit Tanaman Padi Peringkat Negeri Pulau Pinang 2019 di sini 23 April lalu.

Hadir sama, Pengarah Pertanian Negeri Pulau Pinang, Mohd. Muhamin Ibrahim; Pengarah Kawasan Pembangunan Pertanian Bersepadu Pulau Pinang, Nor Mazirah Teh serta rombongan khas dari Jerantut, Pahang.

Sementara itu, mengulas mengenai kerosakan tanaman akibat serangan penyakit dan makhluk perosak, Afif memberitahu bahawa tahun lepas sebanyak 1,279 hektar tanah pertanian terlibat.

“Dalam usaha menangani perkara ini, pihak jabatan memberikan bantuan secara teknikal, malah pada masa sama golongan petani juga harus memberikan kerjasama bagi mengurangkan kesan dengan melakukan kawalan sendiri,” ujarnya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Seberang Jaya.

Serentak majlis yang berlangsung, Afif turut menyampaikan sumbangan insentif petak model pengurusan sebanyak



DR. Afif Bahardin (berkemeja hitam) bergambar kenangan dengan para penerima sumbangan pada Majlis Kempen Kawalan Perosak dan Penyakit Tanaman Padi Peringkat Negeri Pulau Pinang 2019 di sini baru-baru ini.

RM716,000 kepada koperasi-koperasi pertanian di daerah Seberang Perai Tengah.

Pada majlis sama, Afif turut menyasarkan pengeluaran padi sehektar tahun ini akan mencecah enam tan.

“Saya faham tentang cabaran-cabaranku-

yang dihadapi oleh pesawahan di negeri ini bagi mencapai sasaran tersebut, tetapi itu tidak boleh dijadikan sebagai alasan bahkan perlu dijadikan satu motivasi untuk meningkatkan kadar pengeluaran padi di Pulau Pinang,” jelasnya.



Sungai Pinang
Residency
Balik Pulau, Penang

26 UNIT RUMAH TERES 2 TINGKAT

Kehidupan Yang Ideal Di Kelilingi Alam
Semulajadi Yang Hijau, Teman Dan Nyaman



HAK MILIK
KEKAL

Min : RM568,000 • Mak : RM660,000

- ★ LOKASI TAPAK YANG STRATEGIK DAN DEKAT DENGAN KEMUDAHAN AWAM ★
- ★ PERSEKITARAN YANG SANTAI DAN SELESA ★
- ★ REKAAN YANG MODEN DAN KONTEMPORARI ★

DISKAUN 5%
UNTUK BUMIPUTERA



JUARA TIGA SDN. BHD. (674812-P)

No. 42, Jalan Servis, Off Jalan Burma, 10050 Pulau Pinang, Malaysia.
Tel: 04-229 7987 / 7988 Faks: 04-227 5988
E-mel : juaratiga@gmail.com

- | | | | | |
|-------------------------------|--------------------------------|---|--|---|
| • No. Lesen Pemaju | : 11081-2/08-2019/02519(L) | • Nama Pihak Berkusa Yang Meluluskan Pelan Bangunan | : Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) | • Bebanan Tanah : Digadaikan kepada OCBC Bank |
| • Tempoh Sah | : 27/08/2018 hingga 26/08/2019 | • No. Rujukan Pelan Bangunan | : MPPP/OSC/PB(6790)/14(LB) | • Jumlah Baki Unit : 26 unit |
| • No. Permit Iklan dan Jualan | : 11081-2/08-2019/02519(P) | • Tarikh Pemajuan Dijangka Siap | : December 2019 | • Harga Minima : RM568,000.00 |
| • Tempoh Sah | : 27/08/2018 hingga 26/08/2019 | • Jenis Pegangan Tanah | : Hakmilik Kekal | • Harga Maxima : RM660,000.00 |

Tapak PKS di Batu Kawan, komitmen Kerajaan Negeri

KERAJAAN Negeri sentiasa komited dalam memudah cara serta membantu para usahawan muda di negeri ini.

Menurut Exco Pertanian & Industri Asas Tani, Pembangunan Luar Bandar dan Kesihatan, Dr. Afif Bahardin, Kerajaan Negeri mempunyai tapak untuk usahawan muda yang berhasrat mengembangkan

perniagaan mereka.

"Kita sememangnya mempunyai tapak perusahaan kecil dan sederhana (PKS) di Batu Kawan bagi membolehkan usahawan muda di negeri ini menguruskan perniagaan mereka di situ."

"Dari segi modal, saya sarankan usahawan muda yang berminat boleh mengemukakan kertas kerja kepada



STEVEN Sim Chee Keong (berbaju biru) menyantuni para pelajar SK Bukit Minyak bersempena lawatan beliau di sini baru-baru ini.

Setahun memerintah, RM4.87 juta demi naik taraf kemudahan sekolah rendah sekitar Parlimen Bukit Mertajam

Oleh : ZAINULFAQAR YAACOB
Gambar : AHMAD ADIL MUHAMAD

MACHANG BUBUK - Menyambut ulang tahun pertama Pakatan Harapan (PH) mengambil alih Putrajaya serta kekal mentadbir negeri, Timbalan Menteri Belia & Sukan, Steven Sim Chee Keong memberitahu bahawa sejumlah RM4.87 juta peruntukan telah dibelanjakan untuk projek-projek pembangunan sekolah-sekolah rendah di sekitar kawasan Parlimen Bukit Mertajam yang diwakilinya.

Beliau berkata demikian ketika menyerahkan cek sumbangan RM10,000 kepada pihak pentadbir Sekolah Kebangsaan (SK) Bukit Minyak di sini.

"Pecahan peruntukan pembangunan untuk sekolah rendah dalam kawasan Parlimen Bukit Mertajam dalam tempoh setahun ini (9 Mei 2018 hingga 9 Mei 2019), kita telah belanjakan RM4.87 juta, (daripada sumber) peruntukan Parlimen saya, daripada Kerajaan Negeri dan Kerajaan Pusat untuk semua sekolah rendah di Bukit Mertajam.

"Hari ini (10 Mei 2019), kita datang ke Sekolah Kebangsaan (SK) Bukit Minyak untuk menyerahkan peruntukan RM10,000 yang dimohon oleh pihak sekolah," jelasnya pada majlis berkaitan.

Bercakap pada sidang media sama, Guru Besar, Latifah Md. Yusof memberitahu bahawa peruntukan itu akan dibelanjakan untuk membeli lima unit penyaman udara yang uzur, termasuk pemasangan dua unit di bilik komputer sekolah.

Beliau turut merakamkan penghargaan atas tindakan segera Chee Keong berhubung kelulusan peruntukan berwajib.

Rombongan kerja Ahli Parlimen berkaitan turut melawat keadaan kemudahan-kemudahan di sekitar sekolah, termasuk kelas murid-murid istimewa yang menyertai Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI).

Mengulas lanjut, Chee Keong memberitahu bahawa permohonan terbaru pihak pentadbiran sekolah iaitu kira-kira RM50,000 untuk membina tandas orang kurang upaya (OKU) akan diberi keutamaan.

pihak-pihak berkaitan seperti MTDC (Malaysia Technology Development Corporation), MARA (Majlis Amanah Rakyat), SME Corp. dan lain-lain.

"Kerana saya faham untuk buka kilang bukanlah satu modal yang kecil, sebaliknya memerlukan jutaan ringgit, dan untuk itu pihak-pihak berkaitan boleh membantu," katanya ketika menerima kunjungan usahawan mi segera, MyMee Minda, Mohammad Ilias Zulkifli di pejabatnya baru-baru ini.

Ketika ditemui, Mohammad Ilias, 22, memaklumkan bahawa beliau kini bertapak di Jawi, tetapi kilang bagi memproses mi terletak di Alor Setar, Kedah.

"Oleh sebab itu, saya berhasrat untuk membuka sebuah kilang di Pulau Pinang bagi menampung permintaan yang kian meningkat, dan saya berharap perjumpaan saya hari ini adalah bagi mendapatkan pandangan Exco.

"Memang menjadi harapan saya untuk memenuhi permintaan serta mengembangkan lagi perniagaan berdasarkan mi segera yang menyihatkan ini berbanding mi segera biasa di pasaran.

"Sekiranya penghasilan dapat dilakukan pada skala yang lebih besar, saya yakin produk ini dapat diperluaskan bagi memenuhi permintaan pelanggan yang bertambah," ujarnya yang kini memasarkan produknya secara



DR. Afif Bahardin (kiri sekali) dan Mohammad Ilias Zulkifli (tengah) menujukkan produk MyMee Minda dalam kunjungan beliau di sini baru-baru ini.

dalam talian.

Tambah Mohammad Ilias, produknya turut menembusi pasaran Singapura dan Thailand.

"Produk ini mudah diterima kerana kandungan mi tersebut dicampurkan dengan makanan sunah, tanpa penambah perisa seperti MSG (monosodium glutamate), wax, dan bahan-bahan kimia lain berbanding produk lain di pasaran kini.

"Semuanya bermula apabila saya melihat tiada produk mi segera di pasaran yang menyihatkan," ceritanya kepada Buletin Mutiara.

Sebelum sampai ke tahap ini,

Mohammad Ilias memberitahu bahawa beliau pernah mencuba pelbagai jenis perniagaan seperti kosmetik, kopi, makanan tambahan dan lain-lain.

"Namun, berkat doa emak saya, alhamdulillah, lima bulan memulakan perniagaan ini, kira-kira dua juta bungkus mi segera terjual.

"Saya memang berhasrat untuk memasarkan mi segera ini ke pasar raya, namun setelah diteliti, beberapa perjanjian yang pada saya kurang memihak kepada syarikat kami, saya terpaksa menolak," jelas beliau.

Salam Aidilfitri
Amalkan 10 Tips
Keselamatan Makanan
Semasa Perayaan Di Rumah

1 Amalkan kebersihan diri dan cuci tangan sebelum mengendalikan makanan	2 Pilih bahan mentah yang segar	3 Cuci bahan mentah dengan bersih	4 Masak makanan sehingga mendidih
5 Guna peralatan yang bersih dan tidak sumbing	Salam Aidilfitri		
6 Tutup makanan dengan sempurna			
7 Tempoh hidangan tidak melebihi 4 jam dari makanan dimasak	8 Elakkan pemanasan berulang	9 Jangan simpan lebih banyak makanan dalam peti sejuk lebih dari 3 hari	10 Buang segera sisa makanan
 BAHAGIAN KESELAMATAN DAN KUALITI MAKANAN Facebook BKKMHQ Twitter BKKMPutrajaya			

Nama ADUN	No Tel/ No Faks
N.26 PADANG KOTA YAB Chow Kon Yeow chowkonyeow@penang.gov.my	(T) 04 - 226 0218 (F) 04 - 226 0218
N.03 PINANG TUNGGAL YB Dato' Ir. Zakiyyuddin Abdul Rahman	(T) 04 - 575 6526 (F) 04 - 575 6526
N.16 PERAI YB Prof. Dr. P. Ramasamy ramasamy@penang.gov.my	(T) 04 - 383 9131 (F) 04 - 383 9131
N.07 SUNGAI PUYU YB Phee Boon Poh pheeboonpoh@penang.gov.my pheeboonpoh@yahoo.com	(T) 04 - 262 0860 012 - 480 5495 (F) 04 - 261 8745
N.10 SEBERANG JAYA YB Dr. Afif Bahardin	(T) 04 - 390 5109 (F) 04 - 390 5109
N.15 PADANG LALANG YB Chong Eng chong.eng@penang.gov.my	(T) 04 - 530 3028 (F) 04 - 530 3028
N.29 DATO' KERAMAT YB Jagdeep Singh Deo jagdeepsinghdeo@penang.gov.my	(T) 04 - 226 2464 (F) 04 - 227 2464
N.37 BATU MAUNG YB Dato' Hajji Abdul Halim Hussain pusatkhidmat37@gmail.com	(T) 04 - 626 1442 (F) 04 - 626 1442
N.08 BAGAN JERMAL YB Soon Lip Chee	(T) 04 - 331 0163
N.22 TANJONG BUNGA YB Zairil Khir Johari	(T) 04 - 890 3866
N.34 PAYA TERUBONG YB Yeoh Soon Hin	(T) 04 - 827 8868 (F) 04 - 827 8868
N.28 KOMTAR YB Teh Lai Heng komtarN28@gmail.com	(T) 04 - 227 7068 (F) 04 - 227 7068
N.02 BERTAM YB Khaliq Mehtab Mohd. Ishaq	(T) 013 - 430 6400 (P) 04 - 576 7606
N.06 TELOK AYER TAWAR YB Mustafa Kamal mustafakamal.mkba@gmail.com	(T) 04 - 351 1732
N.09 BAGAN DALAM YB Satees A/L Munianandy n9.bagandalam@gmail.com	(T) 04 - 313 3990
N.11 PERMATANG PASIR YB Muhammad Faiz Bin Fadzil faizfadzilamanah@gmail.com	(T) 04 - 521 1106
N.12 PENANTI YB Dr. Norlela Ariffin norlela.ariffin@gmail.com	(T) 04 - 538 2871 (F) 04 - 538 4871
N.13 BERAPIT YB Heng Lee Lee berapit@dappg.org	(T) 017 - 813 3509 (F) 04 - 540 0006
N.14 MACHANG BUBOK YB Lee Khai Loon klee78@gmail.com	(T) 013 - 399 0519 (F) 04 - 551 1442
N.17 BUKIT TENGAH YB Gooi Hsiao-Leung gooihsiaoleung@penang.gov.my	(T) 04 - 507 5001 (F) 04 - 507 5001
N.18 BUKIT TAMBUN YB Goh Choon Aik	(T) 04 - 502 5818 (F) 04 - 506 2138
N.19 JAWI YB H'ng Mooi Lye jawi@dappg.org	(T) 04 - 594 1163 (F) 04 - 594 3163
N.20 SUNGAI BAKAP YB Dr. Amar Pritpal Abdullah ybadunsungailbakapn20@gmail.com	(T)
N.21 SUNGAI ACHEH YB Zulkifli Ibrahim n21adungsacheh@gmail.com	(T)
N.23 AIR PUTIH YB Lim Guan Eng limguaneng@penang.gov.my	(T) 04 - 829 0614
N.24 KEBUN BUNGA YB Jason Ong Khan Lee kebunbunga24@gmail.com	(T) 04 - 826 5451 (F) 04 - 826 5451
N.25 PULAU TIKUS YB Lee Chun Kit pulautikus@dappg.org	(T) 04 - 228 5298 (F) 04 - 229 4294
N.27 PENGKALAN KOTA YB Gooi Zi Sen pengkalankota@dappg.org	(T) 04 - 250 1522 (F) 04 - 250 1523
N.30 SUNGAI PINANG YB Lim Siew Khim limsiewkhim@penang.gov.my	(T) 04 - 657 6630 (F) 04 - 658 6630
N.31 BATU LANCANG YB Ong Ah Teong batulancang@dappg.org	(T) 04 - 280 4411 (F) 04 - 280 4422
N.32 SERI DELIMA YB Syerleena Abdul Rashid 32seridelima@gmail.com	(T) 04 - 659 5611 (F) 04 - 659 5611

NAMA ADUN	No Tel/ No Faks
N.33 AIR ITAM YB Joseph Ng Soon Siang airitam@dappg.org	(T) 04 - 829 9143
N.35 BATU UBAN YB Kumaresan A/L Aramugam kumar.harapan35@gmail.com	(T) 04 - 668 1062 (F) 04 - 668 1062
N.36 PANTAI JEREJAK YB Dato' Saifuddin Nasution	(T)
N.38 BAYAN LEPAS YB Azril Mahathir Aziz ambasegaria.aam@gmail.com	(T) 04 - 649 3976 (F) 04 - 649 3976
N.39 PULAU BETONG YB Haji Mohd. Tuah Ismail	(T) 04 - 866 0214
N.40 TELUK BAHANG YB Zolkifly Md. Lazim	(T)
DAP PENANG HQ dappg@streamyx.com	(T) 04 - 228 8482 (F) 04 - 228 8514
PKR PENANG HQ	(T) 04 - 397 0115
-	(T)

NAMA ADUN PEMBANGKANG	No Tel/ No Faks
N.01 PENAGA YB Ustaz Yusni Mat Piah	(T)
N.04 PERMATANG BERANGAN YB Nor Hafizah Othman	(T)
N.05 SUNGAI DUA YB Muhamad Yusoff Mohd. Noor	(T)
PEGAWAI PENYELARAS KADUN	No Tel/ No Faks
N.01 PENAGA Md. Khalil Salleh novafast63@gmail.com	(T) 012 - 598 4881
N.04 PERMATANG BERANGAN Dato' Jasmin Mohamad jmmohamed002@gmail.com	(T) 018 - 468 6610
N.05 SUNGAI DUA Yusri Isahak ysregnot@gmail.com	(T) 019 - 337 4055

Talian Kecemasan & Perkhidmatan Awam

POLIS, AMBULANS, BOMBA & PENYELAMAT	999	JPJ	04-656 4131
DIREKTORI TELEFON	103	JABATAN PENDAFTARAN	04-398 8809
OPERATOR ANTARABANGSA	101		04-226 5161
HOTLINE MBPP	04-263 7637	PENANG GLOBAL TOURISM (PGT)	04-263 1166
ANGKATAN PERTAHANAN AWAM	04-228 9012	TOURISM MALAYSIA	04-261 0058
BIRO PENGADUAN AWAM	04-263 6893	KERETAPI BUKIT BENDERA	04-828 8880
SEKRETARIAT KERAJAAN NEGERI	04-262 1957	FERI (GEORGETOWN)	04-210 2363
KASTAM	04-262 2300	(BUTTERWORTH)	04-310 2377
IMIGRESEN	04-250 3419	JAMBATAN PP	04-398 7419
WCC (Women's Centre for Change)	04-228 0342	STesen KERETAPI BUTTERWORTH	04-261 0290
Pusat Perkhidmatan Wanita (Seberang)	04-398 8340	PERSATUAN PERLINDUNGAN KANAK-KANAK	04-829 4046
EPF	04-226 1000	CAP	04-829 9511
SOCSCO	04-238 9888	BEFRIENDERS PENANG	04-281 5161
		PERPUSTAKAAN PP	04-281 1108
			04-229 8555

Program-Program Emas



Program-Program Emas Kerajaan Negeri Pulau Pinang

**SENARAI NAMA AHLI MAJLIS
MPSP 2019**

Nama	Telefon
MPSP	04 - 549 7555
Anuar Yusoff	016 - 461 6390
A'ziss Zainal Abiddin	017 - 938 9192
Cheen Goon Hooi	012 - 402 0923
David Marshel a/l Pakianathan	019 - 412 3397
Dr. Seow Kweng Tian	012 - 507 2229
Heng Yeh Shuan	016 - 261 2460
Jason Raj a/l Kirupanantha	014 - 905 8113
Johnson a/l Anthonymsamy	012 - 424 5745
Kang Yau Chuang	010 - 829 3904
Khong Chee Seong	011 - 1522 6628
Kumaran A/L Krishnan	012 - 464 4697
Marshidaliza Marzuki	011 - 3929 9023
Mohd Saifullah Abd. Nasir	013 - 770 1001 013 - 503 3349
Mohd Sharmizan Mohamad Nor	011 - 1110 6456
Mohamad Akmal Azhar	019 - 518 5145
Ong Jing Cheng	012 - 758 3779 016 - 445 5709
Ooi Yong Wooi	016 - 421 1196
Shuhada Abdul Rahim	010 - 380 7672
Tan Chee Teong	012 - 401 7718
Tan Cheong Heng	012 - 487 3101
Tengku Rasidah Tengku Kamarudin	019 - 473 1323
Wong Chee Keet	012 - 451 1312
Zaini Awang	019 - 546 3115
Zulkiply Ishak	013 - 431 6161

SENARAI PEGAWAI-PEGAWAI PEMBANTU KEWARGANEGARAAN PULAU PINANG

Bil.	Nama	Daerah	Pejabat / Unit Kewarganegaraan	No. Telefon
1.	Yeap Choon Keong	Timur Laut	Bilik Perkhidmatan Awam, Tingkat 3, KOMTAR.	013 - 449 0366
2.	Velan A/L Kalimuthu	Barat Daya		018 - 394 4537
3.	K. Krishnasamy	Seberang Perai Utara		012 - 488 1553
4.	P. Rachenamorthy	Seberang Perai Tengah		019 - 457 2271
5.	Vadi Velan A/L Subramaniam	Seberang Perai Selatan		011 - 1144 1816

Nota:

Orang awam dipohon menghubungi Pegawai-Pegawai Pembantu Kewarganegaraan untuk menetapkan temujanji masing-masing.

**SENARAI NAMA AHLI MAJLIS
MBPP 2019**

Nama	Telefon
MBPP	04 - 259 2020
Ahmad Azrilal Tahir	019 - 541 4818
Aidi Akhbal Mohamed Zainon	012 - 464 3004
Azahari Aris	016 - 499 2580
Azli Ibrahim	011 - 2432 9007
Dr. Chee Heng Leng	017 - 333 9366
Francis a/l Joseph	012 - 474 3321
Gerald Mak Mun Keong	016 - 452 6499
Gooi Seong Kin	016 - 457 1271
Hari Krishnan a/l Ramakrishnan	010 - 505 5571
Harvindar Singh a/l Darshan Singh	012 - 428 2250
Kaliyappan a/l P. Renganathan	012 - 407 7276
Latifah Hussainsa	013 - 436 1999
Nurliyana Mohd Ramzi	011 - 3922 4080
Nur Zarina Zakaria	011 - 1578 5098
Ong Kean Peng	012 - 629 1133
Rohaizat Hamid	019 - 510 0075
Saiful Azwan Abd. Malik	016 - 463 2787
Shahrudin Mohamed Shariff	012 - 428 3160
Shung Yin Ni	012 - 413 9246
Tan Hooi Peng	012 - 498 6212
Tan Seng Keat	012 - 438 6191
Theng Jie Wey	016 - 418 7108
Vino Dini a/p Chandragason Pitchy	016 - 439 9358
Wong Yuee Harng	016 - 439 9121

**SIDANG REDAKSI
BULETIN MUTIARA**
Penulis:

YAP LEE YING
AINUL WARDAH SOHILLI
ZAINULFAQAR YAACOB
NORSHAHIDA YUSOFF
WATAWA NATAF ZULKIFLI
SUNARTI YUSOFF

Jurugambar/Juruvideo:

LAW SUUN TING
ALISSALA THIAN
AHMAD ADIL MUHAMAD
DARWINA MOHD. DAUD
ALVIE CHENG CHIN WEI
NOOR SITI NABILAH NOORAZIS
CHAN KOK KUAN
ADLEENA RAHAYU AHMAD RADZI

Jurugrafik:
IDZHAM AHMAD
NUR AFIAQAH ZAINUDI

Bagi sebarang maklum balas, sila hantar ke:

Editor BULETIN MUTIARA,
Tingkat 47, Komtar, 10503 Penang
Telefon : 04-650 5468 ; Fax : 04-261 5923
Email: buletinmutiara.bpkn@gmail.com

Layari

 www.buletinmutiara.com
 [buletinmutiara](#) | ChowKonYeow

 [chowkonyeow](#)
 [@chowkonyeow](#)

Jagdeep hargai cabaran portfolio baru Kerajaan Tempatan, komited lakukan yang terbaik

TANGGAL 9 Mei 2019, genap setahun Pakatan Harapan mentadbir negeri Pulau Pinang bagi penggal ketiga sejak tahun 2008.

Pelbagai dasar, perancangan serta pelan telah dan sedang dirangka bagi membangunkan negeri ini yang secara tidak langsung menunjukkan betapa seriusnya pimpinan Pakatan Harapan Pulau Pinang berusaha memberi kesejahteraan kepada rakyatnya.

Wartawan Buletin Mutiara, **AINUL WARDAH SOHILLI** bersama-sama jurufoto, **ALISSALA THIAN** sempat menemu bual secara eksklusif Exco Perumahan, Kerajaan Tempatan dan Perancangan Bandar dan Desa, JAGDEEP SINGH DEO sempena setahun Pakatan Harapan Pulau Pinang mentadbir negeri ini, dan sejauh mana Manifesto Pilihan Raya Umum Ke-14 (PRU14) Pulau Pinang yang mengandungi 68 janji ditunaikan.

Pulau Pinang sebagai negeri contoh

10 tahun dahulu, rakyat Pulau Pinang membuat pilihan yang berani dan ternyata tepat dengan memilih Pakatan Rakyat (ketika itu) untuk mengambil alih tumpuk pentadbiran negeri.

Kini, Pulau Pinang bukan sahaja menjadi negeri contoh di peringkat pentadbiran Kerajaan Persekutuan Pakatan Harapan, malah turut menjadi model terbaik untuk Malaysia Baharu.

"Pulau Pinang menerajui semua negeri-negeri lain di Malaysia dari segi pencapaian dalam pentadbiran, dan kita (rakyat Pulau Pinang) berasa bangga apabila menjadi teladan di peringkat Kerajaan Persekutuan."

"Pentadbiran Pakatan Harapan di Pulau Pinang sudahpun mencapai 11 tahun, namun, di peringkat Kerajaan Persekutuan masih baru, setahun, maka rakyat perlulah realistik dalam menilai pencapaian pentadbiran di peringkat Kerajaan Persekutuan."

"Di Pulau Pinang pun mengambil masa lama dan setelah tiga penggal, segala cabaran dan usaha gigih sebagai sebuah kerajaan baharu menampakkan hasil yang memberangsangkan... sehingga Pulau Pinang menjadi negeri yang bukan sahaja lebih bersih, lebih hijau, lebih selamat dan lebih sihat, tetapi juga diiktiraf dunia dalam pelbagai lapangan."

"(Dan) saya berharap dengan visi *Penang2030* yang digagaskan oleh Ketua Menteri, Y.A.B Tuan Chow Kon Yeow, program-program yang direncana akan memberi kemakmuran serta kesejahteraan kepada rakyat di negeri ini," ujarnya sebagai mukadimah.

Beliau yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Datuk Keramat melahirkan kesyukuran apabila sepanjang menjadi Exco Kerajaan Negeri, beliau mendapat kerjasama yang baik sama ada daripada penjawat awam mahupun (pihak) berkepentingan lain dan

berharap agar kerjasama yang terjalin erat dapat dikenalkan pada masa hadapan.

Perumahan untuk rakyat

Menyentuh mengenai portfolio 'Perumahan' yang diterajui beliau sejak penggal lalu, Jagdeep gembira menyatakan bahawa janji Pakatan Harapan Pulau Pinang dalam Manifesto PRU14 lalu bukan sahaja tercapai malah cemerlang.

"Dalam manifesto, kita (Pakatan Harapan Pulau Pinang) berjanji untuk menyediakan 75,000 unit rumah pelbagai kategori untuk rakyat sehingga tahun 2025.

"Walau bagaimanapun, saya berbangga apabila sehingga hari ini, kita telah melepas janji kita iaitu dengan membina 29,959 unit rumah kos rendah, kos sederhana rendah dan mampu milik; 23,567 unit sedang dibina dalam pelbagai peringkat binaan dan telah diluluskan untuk pembinaan sebanyak 48,528 unit menjadikan keseluruhannya mencapai 102,054 unit.

"Bukan itu sahaja, dalam soal penyelenggaraan juga, Kerajaan Negeri telah membelanjakan RM174.6 juta bagi 50 skim perumahan awam sejak 2008 dan RM32 juta melalui Tabung Penyelenggaraan Maksimum 80 Peratus Pulau Pinang (TPM80PP) bagi 370 perumahan swasta yang layak sejak 2013," jelasnya.

Cabarai portfolio baru, capai status 'Negeri Pintar'

Menurut Jagdeep, beliau sangat menghargai cabaran yang diberikan oleh Kerajaan Negeri untuk menerajui portfolio 'Kerajaan Tempatan'.

"Meskipun ia merupakan portfolio baru bagi saya... saya amat hargai kerana saya sukakan cabaran dan saya telah berikrar untuk memberikan sebaik baik bagi melaksanakannya," katanya.

Di bawah portfolio 'Kerajaan Tempatan',

Jagdeep berkongsi pencapaian yang berjaya dilakukan sejak setahun lalu. Antaranya, pemasangan 100 peratus lampu jalan menggunakan diod pancaran cahaya atau LED dalam tempoh lima tahun di bahagian pulau dan Seberang Perai ke arah mencapai status 'Negeri Pintar' serta pemasangan 1,175 unit kamera litar tertutup (CCTV).

"Malah Pulau Pinang menjadi negeri pertama di Malaysia yang menggunakan sistem CCTV penggambaran wajah.

"Bagi mencapai status 'Negeri Pintar' juga, kita (Kerajaan Negeri) baru-baru ini memperkenalkan Sistem Parkir Pintar yang akan beroperasi sepenuhnya dalam tempoh dua tahun selain menjadi negeri pertama di Asia yang terpilih untuk projek perintis berskala besar *Terragraph* dan *Facebook* bagi perkhidmatan internet pantas tanpa wayar berkelajuan tinggi.

"Kita turut berikrar untuk menjadikan Pulau Pinang lebih hijau dengan menanam 100,000 batang pokok untuk tempoh lima tahun akan datang, namun, saya telah arahkan agar kedua-dua pihak berkuasa tempatan (PBT) untuk menggandakannya.

"Maka, 200,000 batang pokok perlu ditanam dalam tempoh lima tahun akan datang di samping lebih 300,000 batang pokok yang telah ditanam sejak tahun 2008 bagi mendepani perubahan iklim melampaui pada masa hadapan.

"Bukan itu sahaja, saya turut mengarahkan agar Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) dan Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) menjalankan pemeriksaan berkala di premis serta kompleks makanan bagi membolehkan ia diiktiraf dengan penggredan kebersihan Gred A menjelang tahun hadapan," tegasnya.

Salah satu yang sedang diusahakan adalah status 'Bandar Raya' bagi MPSP.

"Saya gembira untuk memaklumkan bahawa pihak

kita telah menghantar kertas kerja yang sepatutnya kepada Kerajaan Persekutuan untuk pertimbangan dan berharap ia dapat direalisasikan tahun ini," maklumnya.

Selain itu, Pulau Pinang juga menjadi negeri pertama di Malaysia yang mempunyai perpustakaan digital dan kini Perpustakaan Digital Pulau Pinang Fasa 2 turut beroperasi bersebelahan bangunan Fasa 1 di Jalan Masjid Negeri.

Pulau Pinang turut berbangga apabila berjaya mencapai kadar semula 42 peratus berbanding kadar purata kebangsaan hanya 24 peratus membuktikan segala inisiatif hijau Kerajaan Negeri berjaya.

Rancangan Struktur Negeri Pulau Pinang 2030

Sejak sekian lama tertangguh, akhirnya Rancangan Struktur Negeri Pulau Pinang 2030 (RSNPP2030) diluluskan oleh Kerajaan Negeri dan kelulusan turut diperoleh daripada Majlis Perancang Fizikal Negara (MPFN).

"Dengan kelulusan RSNPP2030 ini, saya amat berharap segala perancangan di peringkat Kerajaan Tempatan dapat dimuktamadkan dalam tempoh terdekat dan dilaksanakan di bawah portfolio berkaitan.

"Misalnya, projek *Gurney Wharf* yang bakal menjadi ikon baharu tarikan pelancongan Pulau Pinang bakal disempurnakan tidak lama lagi, yang mana saya difahamkan, proses tambakan akan siap dalam tempoh tiga bulan ini.

"Di bawah portfolio Perancangan Bandar dan Desa juga, Kerajaan Negeri akan meneruskan pemberian geran berjumlah RM50,000 maksimum kepada rumah ibadat bukan Islam (RIBI) di negeri ini, yang mana sehingga kini telah membelanjakan RM5.46 juta bagi 139 permohonan," ulasnya.

Harapan

Menurut Jagdeep, banyak cabaran yang harus diempuhi oleh pentadbiran sesebuah kerajaan, malah rakyat meletakkan harapan yang tinggi untuk melihat pembaharuan.

"Oleh itu, saya amat berharap agar pentadbiran baharu di peringkat Kerajaan Persekutuan dapat membantu Kerajaan Negeri untuk membawa lebih banyak lagi pembaharuan yang dapat dinikmati oleh rakyat keseluruhannya.

"Bukan sahaja dari segi pemilikan rumah dan kadar penolakan pinjaman perumahan yang tinggi, tetapi juga lain-lain inisiatif serta perancangan yang bukan sahaja meningkatkan daya huni negeri malah juga menambah baik kehidupan serta kesejahteraan rakyat.

"Apapun, saya sangat berbangga dengan pentadbiran Pakatan Harapan Pulau Pinang, syabas, saya tidak mungkin dapat melakukannya seorang diri dan kepada Malaysia Baharu, tahniah," katanya mengakhiri temu bual yang diadakan di pejabatnya di Komtar baru-baru ini.

Apabila ditanya sejauh mana beliau menilai pencapaian pentadbiran Kerajaan Negeri Pakatan Harapan Pulau Pinang, dengan bersahaja beliau berkata, hanya rakyat mampu nilainya.



JAGDEEP Singh Deo.

Perkasa amanat dipertanggungjawabkan, fokus Ahmad Zakiyuddin

Oleh : NORSHAHIDA YUSOFF

Gambar : ALISSALA THIAN

PERANAN masjid sebagai sebuah institusi ibadah kini giat dikembangkan sejajar dengan arus perkembangan zaman dan ia memainkan peranan penting dalam kehidupan masyarakat Islam ke arah membina kemajuan ummah.

Di atas paksi itu, Dato' Ir. Ahmad Zakiyuddin Abdul Rahman yang genap setahun memegang jawatan sebagai Exco Hal Ehwal Agama Islam, Pembangunan Industri dan Perhubungan Masyarakat selepas Pilihan Raya Umum Ke-14 (PRU14) telah memperkenalkan Gagasan Membangunkan Khaira Ummah yang diilhamkan beliau sendiri melalui inti penting seruan al-Quran dalam Surah Ali Imran ayat 110 berbunyi:

"Kamu adalah umat terbaik yang ditampilkan untuk manusia, (kerana kamu) menyuruh berbuat yang makruf dan mencegah dari yang mungkar, dan beriman kepada Allah'

Jelasnya, pembangunan dan kecemerlangan ummah bermula daripada sejauh mana berkesannya institusi serta pengimaranan masjid.

"Mengimarahkan masjid adalah tugas yang berkait rapat dengan konsep kejadian manusia iaitu melaksanakan amar makruf dan nahi mungkar.

"Masjid bukanlah berperanan sebagai tempat ibadah semata-mata, tetapi ia merangkumi konteks yang lebih meluas seperti pusat dakwah Islam, pendidikan, kesihatan, kebajikan dan sosial ekonomi juga boleh dirancang serta dijalankan di masjid... dengan pendekatan yang betul usaha-usaha ini mampu memperbaiki dan menaikkan taraf umat Islam.

"Bila masyarakat Islam rasa terbela, maka agama Islam itu sendiri akan terbela dan kuat," kata beliau yang merupakan Timbalan Ketua Menteri I pada sesi wawancara bersama-sama Buletin Mutiara baru-baru ini.

Menyentuh mengenai program-program pengimaranan masjid, Ahmad Zakiyuddin difahamkan cuba untuk mendekati ahli-ahli khariah masjid dengan melakukan jelajah di masjid-masjid yang kurang melaksanakan aktiviti atau program.

"Kita turun padang jelajah masjid-masjid pertengahan untuk menyuntik semangat kepada ahli-ahli khariah (masjid) agar lebih bersemangat mengadakan program pengimaranan masjid.

"Bukan bermakna saya kurang fokus kepada masjid-masjid yang sememangnya sudah hebat atau masyhur, tetapi sebab masjid-masjid ini kebanyakannya sering melaksanakan pelbagai program.

"Atas tujuan sama, saya seiringkan dengan program Gerakan Subuh Seramai Jumaat iaitu satu pendekatan bagi mengumpulkan seramai masyarakat Islam yang boleh bagi melaksanakan subuh secara berjemaah.

"Bila kita (Islam) boleh gerakkan (jemaah) subuh ini agar saf tidak kosong, maka pada waktu sembahyang yang lainnya seperti Zuhur, Asar, Maghrib dan Isyak semestinya tidak ada masalah... kita tumpu yang paling susah iaitu Subuh, insyaAllah waktu yang lainnya akan berjalan lancar.

"Bila semakin ramai umat Islam datang ke masjid, lebih mudah untuk kita (Kerajaan Negeri) gerakkan apa-apa aktiviti membangunkan ummah," ujarnya sambil menyifatkan program Gerakan Subuh Seramai Jumaat yang telah dijalankan di beberapa daerah mendapat sambutan menggalakkan ekoran masyarakat Islam faham apa yang beliau cuba fokuskan.

Menurut Ahmad Zakiyuddin, bagi membangunkan khaira ummah, pendidikan sangat berkait rapat dengan pemahaman umat Islam tentang agama itu sendiri.

"Apabila masyarakat Islam itu faham apa itu agama, mereka akan melakukan ibadah dengan betul, faham akan tanggungjawab mereka sekaligus mengambil inisiatif untuk menjadi manusia atau umat Islam yang lebih baik, InsyaAllah.

"Bagi memperkasa dan menjadikan Pulau Pinang sebagai sebuah pusat kecemerlangan pendidikan Islam dan pusat pembangunan intelektual Islam, beberapa perancangan telah dilakukan iaitu mewujudkan Institut Syed Sheikh Al-Hadi serta membangunkan Sekolah Islam Antarabangsa yang pertama.

"Seperti yang diketahui, Syed Sheikh Al-Hadi ini adalah tokoh gerakan reformasi agama ketika tahun awal 20-an yang mana beliau banyak menyumbangkan pemikiran Islam bukan sahaja di Pulau Pinang, malah juga rantau ini.

"Ini yang kita ingin ambil iaitu semangat kerja dan pemikiran beliau untuk kita terapkan di dalam agenda pembangunan Islam di Pulau Pinang kelak.

"Ia masih di peringkat perancangan, dan kita harap tahun hadapan institut ini boleh mula beroperasi dengan menerbit, melaksana kajian dan mempromosikan konsep Islam sebagai Rahmatan Lil'Alamin," jelasnya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pinang Tunggal.

Manakala, tambahnya, Sekolah Islam Antarabangsa akan dibangunkan oleh Yayasan Islam Pulau Pinang iaitu sebuah anak syarikat yang menerima geran tahunan daripada pihak Kerajaan Negeri.

Mengulas lanjut, Ahmad Zakiyuddin menyatakan bahawa sekolah berkaitan akan dibangunkan di tanah Kerajaan Negeri dekat kawasan Sungai Ara dan dijangka siap dua tahun lagi.

"Sekolah ini dimodulkkan daripada sekolah antarabangsa di Singapura yang mana pembelajarannya adalah berdasarkan pendidikan Islam a n t a r a b a n g s a sepenuhnya. Ia mampu melahirkan pemikir elit Islam dan juga

pemimpian Islam pada masa akan datang," katanya.

Mengulas mengenai perancangan beliau dalam memperkasakan lagi agama Islam di Pulau Pinang, Ahmad Zakiyuddin mencadangkan agar Kelas Al-Quran dan Fardhu Ain (KAFA) Menengah diperkenalkan lanjutan daripada KAFA sedia ada bagi pelajar sekolah rendah.

"Cadangan mewujudkan KAFA Menengah ini adalah bagi menghindarkan remaja daripada membuang masa dan terjebak dengan perkara tidak berfaedah luar daripada waktu sekolah.

"Buat masa ini, cadangan ini dalam perhatian pihak Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), dan saya percaya mereka tengah meneliti dan jika berjaya dilaksanakan, ia adalah seperti apa yang kita (Kerajaan Negeri Pulau Pinang) rancangkan," jelasnya.

Perhubungan Masyarakat

Bagi Ahmad Zakiyuddin, penubuhan Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK) telah selesai dijalankan dengan kekuatan 370 MPKK di seluruh Pulau Pinang.

"Penubuhannya telah selesai, cuma sekarang kita (Kerajaan Negeri) ingin memperkemaskan lagi pentadbiran MPKK ini di peringkat kampung dengan memberikan latihan serta pembangunan kapasiti agar mereka berkhidmat dengan lebih mantap dan cemerlang.

"Setakat ini, latihan-latihan kepada semua ahli MPKK dilantik telah dijalankan oleh pihak Kerajaan Negeri, pejabat daerah serta Kementerian Pembangunan Luar Bandar (KPLB).

"Semua 370 MPKK ini masih di bawah KPLB, namun dalam masa terdekat mungkin ada sedikit perubahan apabila MPKK Kampung Baru dan 13 MPKK lagi akan dikeluarkan.

"Mereka (14 MPKK) ini akan tubuh sendiri dan berada di bawah pemantauan K e m e n t e r i a n Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) yang mana program-program yang dijalankan akan berkait rapat dengan perkhidmatan k a m p u n g - k a m p u n g baru, sama ada K a m p u n g Baru Cina, Kampung Baru

IR. Ahmad Zakiyuddin Abdul Rahman.

India atau Melayu," ujarnya.

Selain itu, Ahmad Zakiyuddin turut memaklumkan bahawa pihak Kerajaan Negeri kini sedang melaras perjalanan Rukun Tetangga dengan kerjasama Jabatan Perpaduan Negara.

"Dulunya, Rukun Tetangga ini di bawah Kerajaan Persekutuan, kita (Kerajaan Negeri) tidak boleh terlibat sama, tapi kini ia telah diselaraskan perjalanan dan peranannya.

"Justeru, melaluinya telah dirancang penubuhan Komuniti Harapan (KH) iaitu dua KH bagi Dewan Undangan Negeri (DUN) dan Parlimen (1).

"Secara dasarnya, KH berperanan untuk memperkenalkan khidmat jabatan kerajaan kepada masyarakat sekaligus merapatkan khidmat Kerajaan Negeri dan Persekutuan kepada rakyat.

"Di Pulau Pinang, kebanyakan DUN dan Parlimen di Seberang Perai Utara (SPU) telah ditubuhkan KH dan mula menjalankan aktiviti setempat seperti di Pinang Tunggal," maklum beliau.

Pembangunan Industri

Jawatankuasa MMK Pembangunan Industri telah memainkan peranannya untuk menyediakan polisi, dasar dan perancangan keseluruhan pembangunan industri di Pulau Pinang.

Ahmad Zakiyuddin memberitahu bahawa bagi menyelaras kerja-kerja penyelenggaraan di kawasan industri, Kerajaan Negeri melalui pihak Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) telah menubuhkan satu jawatankuasa iaitu *Business and Industrial Park Enhancement Council* (BIPEC) pada awal tahun ini yang dipengerusikan oleh beliau sendiri.

Jawatankuasa tersebut antara lainnya berperanan untuk melihat serta meneliti isu-isu berkaitan kuasa dan bidang kuasa agensi-agensi yang terlibat dengan kerja-kerja penyelenggaraan, naik taraf serta pemuliharaan khususnya di kawasan-kawasan industri.

"Contohnya, seperti sebelum ini terdapat maklum balas bahawa berlakunya percanggahan atau pertindihan di antara agensi pihak berkuasa tempatan (PBT), Jabatan Kerja Raya (JKR), Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS), pemaju kawasan dan lain-lain mengenai bidang kuasa untuk melaksanakan kerja-kerja penyelenggaraan di kawasan industri tertentu.

"BIPEC akan meneliti isu-isu seumpama ini dan penyelaras akan dibuat supaya masalah-masalah ini dapat diselesaikan di antara semua agensi terlibat," katanya.

Selain itu, untuk memastikan industri datang atau terus melabur di Pulau Pinang, Ahmad Zakiyuddin berkata, Kerajaan Negeri sedaya-upaya cuba untuk menyediakan tenaga kerja yang berkemahiran terutamanya dalam bidang STEM (sains, teknologi, kejuruteraan dan matematik).

"Untuk mereka datang melabur di sini, apa yang penting adalah modal insan. Adakah Pulau Pinang mampu menyediakan modal insan yang berkemahiran, cukup dan mampu mencapai tahap ekspektasi yang diingini... ini adalah faktor untuk kita yakinkan pelabur," ulasnya.



Dasar Keterangkuman Gender, kurangkan ketidaksamarataan jantina dalam membuat keputusan

Oleh : NORSHAHIDA YUSOFF

Gambar : ALISSALA THIAN

PELAKSANAAN serta pengenalan Dasar Keterangkuman Gender (DKG) di Pulau Pinang baru-baru ini adalah kejayaan terbesar bagi Exco Pembangunan Wanita, Keluarga, Keterangkuman Gender dan Agama Selain Islam, Chong Eng selepas sekian lama beliau memperjuangkannya.

Menurutnya, dasar yang pertama diwujudkan dalam negara tersebut adalah bagi mengurangkan ketidaksamarataan jantina serta meningkatkan kesedaran sivik masyarakat.

"Selaras dengan visi Penang2030, dasar ini perlu menjadi tanggungjawab Anggota Majlis Mesyuarat Kerajaan (MMK) Negeri untuk memastikan semua ketua jabatan dan agensi Kerajaan Negeri melaksanakan DKG di jabatan dan MMK masing-masing berdasarkan garis panduan dan latihan yang telah diberikan."

"Ketua Jabatan dan agensi hendaklah mengumpul Sex Dissaggregated Data (SDD) serta laksanakan Bajet Gender dan Partisipatori (GRPB) di pejabat masing-masing," kata beliau pada sesi wawancara khas bersama-sama Buletin Mutiara bersempena ulang tahun pertama sebagai



CHONG Eng.

Exco berkaitan selepas Pilihan Raya Umum Ke-14 (PRU14) baru-baru ini.

Dasar yang diperkenalkan berkaitan menyasarkan nisbah 40:40:20 sebagai penanda aras baharu dalam usaha meletakkan golongan wanita setanding atau sama dengan lelaki dalam membuat keputusan di setiap jabatan mahupun agensi negeri.

Jelas Chong Eng, dengan pendekatan tersebut, tiada satu golongan pun sama ada lelaki ataupun wanita akan memonopoli serta mendominasi lebih daripada 60 peratus.

"Nisbah 40:40:20 ini adalah lelaki sebanyak 40 peratus, perempuan (40 peratus) dan lelaki ataupun wanita (20 peratus).

"Jadi, golongan lelaki ataupun wanita 'mempunyai' sekurang-kurangnya 40 peratus di sesuatu jabatan atau agensi negeri sekaligus mencapai kadar kesaksamaan gender," ujarnya lanjut.

Menurut Chong Eng, di sesetengah bidang contohnya, sektor kerajaan mahupun bidang politik, proses membuat keputusan lazimnya tidak mempunyai wakil wanita yang cukup.

"Apabila perwakilan wanita tidak cukup dalam proses membuat keputusan, maka akan berlaku pengagihan sumber tidak sama rata.

"Mengapa ini terjadi, kerana setiap golongan dan peringkat umur adalah berbeza keperluan dan keinginan... apabila dasar DKG ini diguna pakai, proses membuat keputusan turut akan mengambil kira pandangan serta perspektif wanita," jelasnya yang juga Ahli Dewan Undangan

Negeri (ADUN) Padang Lalang.

Chong Eng memberitahu bahawa kejayaan pelaksanaan DKG dicetuskan sendiri oleh Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow.

"Beliau (Kon Yeow) sangat berbeza, idea ini beliau yang cetuskan... tiada negeri lain seumpamanya di Malaysia yang melaksanakannya, kerana di kebanyakan negeri hanya ada satu atau dua saja wanita di peringkat pembuat keputusan.

"Tanpa sokongan pemimpin lelaki seperti Ketua Menteri, DKG ini tidak akan terlaksana," maklum beliau dalam nada gembira.

Ditanya mengenai respons terhadap dasar tersebut selepas dilancarkan Mac lalu, Chong Eng menyatakan bahawa buat masa kini, ketidaksamarataan yang ketara berlaku dalam kalangan buruh di perkhidmatan pihak berkuasa tempatan (PBТ).

"Buruh ini 100 peratus semuanya adalah lelaki, kenapa kita tidak membuka peluang kepada golongan wanita?

"Adakah mereka fikirkan bahawa kerja-kerja seperti menyapu jalan, memotong rumput, mencuci longkang tidak sesuai dengan golongan wanita? Jika dulu, makamak kita semuanya lakukan sendiri malahan kerja-kerja berat juga," ulas beliau.

BANDAR CASSIA, BATU KAWAN

HARGA JUALAN
RM 168,000-
RM 220,000

KELUASAN RUMAH :
900 - 1000 kaki persegi

SKOR QLASSIC 74%

**04 - 613 9999
04 - 505 0001**

**KINI ANDA
MAMPU**

www.pmm.gov.my

HARGA JUALAN
RM 250,000-
RM 300,000

KELUASAN RUMAH :
850 - 1000 kaki persegi

dua RESIDENSI
TELUK KUMBAR

HARGA JUALAN
RM 200,000-
RM 250,000

KELUASAN RUMAH :
850 - 1000 kaki persegi

Kini dibuka kepada orang ramai.*

Dua Residensi - Pemaju: Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang | Nama Pihak Berkua yang Metulukan Pelan Bangunan: Majlis Bandaraya Pulau Pinang | Nombor Rujukan Pelan Bangunan: MPPB/OSC/PB(6163)/13(LB) | Pajakan Negeri: 99 Tahun (Tarikh Tamat Pajakan: 23/12/2115) | Tarikh Dijangka Siap: Jun 2019 | Bebanan Tiada | Jumlah Unit Jenis B (700kp): 353 unit | Harga Jualan Jenis B (700kp): RM72,500 | Jumlah Unit Jenis 850kp: 174 unit | Harga Jualan Jenis 850kp: RM250,000 (Min) - RM275,000 (Maks) | Jumlah Unit Jenis C3 (1000kp): 204 unit | Harga Jualan Jenis C3 (1000kp): RM300,000 (Min) - RM330,000 (Maks) | No. Lesen Pemaju Perumanan: 8924-5/10-2019/03051(P) Tempoh Sah: 24/10/2018 - 23/10/2019 | No. Permit Iklan & Jualan: 8924-5/10-2019/03051(P) Tempoh Sah: 24/10/2018 - 23/10/2019

Jiran Residensi - Pemaju: Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang | Nama Pihak Berkua yang Metulukan Pelan Bangunan: Majlis Perbandaran Seberang Perai | Nombor Rujukan Pelan Bangunan: MPSP/40/20-24/38 | Pajakan Negeri: 99 Tahun (Tarikh Tamat Pajakan: 23/11/2115) | Tarikh Dijangka Siap: Jun 2019 | Bebanan Tiada | Jumlah Unit Jenis B (700kp): 353 unit | Harga Jualan Jenis B (700kp): RM72,500 | Jumlah Unit Jenis C2 (850kp): 150 unit | Harga Jualan Jenis C2 (850kp): RM200,000 (Min) - RM220,000 (Maks) | Jumlah Unit Jenis C3 (1000kp): 204 unit | Harga Jualan Jenis C3 (1000kp): RM250,000 (Min) - RM275,000 (Maks) | No. Lesen Pemaju Perumanan: 8924-6/11-2019/0964(L) Tempoh Sah: 18/11/2017 - 17/11/2019 | No. Permit Iklan & Jualan: 8924-6/11-2019/0964(P) Tempoh Sah: 18/11/2017 - 17/11/2019

* Sekatan Keputusan: Taraf yang disemirik ini tidak boleh dipindah milik, dicagar, pajak, pajakan kecil atau sebarang bentuk urusniaga tanpa kebenaran Pihak Berkua Negeri.
- Hurusan ciri-ciri di dalam ini adalah cadangan sahaja serta semua ilustrasi dan gambaran adalah gambaran artis sahaja dan adalah tertakluk kepada perubahan sebagaimana yang dianggap sesuai oleh pihak pemaju atau sebagaimana yang dinasihatkan oleh pakar-pakar perunding atau diperlukan oleh pihak berkua.
- Sila rujuk kepada Surat Perjanjian Jual Beli bagi unit sebenar untuk mendapatkan spesifikasi dan penerangan yang telah diluluskan oleh pihak berkua dan unit sebenar akan dibina dengan sejawarnya.

* Tertakluk kepada syarat-syarat.





TABUNG AMANAH PINJAMAN PENUNTUT NEGERI PULAU PINANG

Pejabat Setiausaha Kerajaan, Paras 25, KOMTAR, 10503 Pulau Pinang

Tel : 04-6505165 / 6505391 / 6505627

Fax : 04-2613453

Layarilah Laman Web : <http://www.penang.gov.my>

Pentadbiran ini dalam usaha mengesas semula peminjam dan perjamin mengikut senarai di bawah. Dipohon penama tersebut menghubungi pihak pentadbiran bagi tujuan pembayaran dengan kadar segera sebelum diambil tindakan selanjutnya. Orang ramai juga boleh tampil untuk memberi maklumat mengenai penama yang berkenaan.

(Sila abaikan notis ini jika pembayaran telah dibuat)

No Akaun Peminjam	: 11637 : MALVIN JUAN A/L SELVANATHAN - 92070107**** 9-G-1 PERMATANG DAMAR LAUT, BAYAN LEPAS 11960 PULAU PINANG	No Akaun Peminjam	: 11638 : MUHAMAD FIRDAUS BIN ABDUL MAJID - 88080707**** 785 LORONG 2/1A TAMAN SRI WANG, SUNGAI PETANI 08000 KEDAH	No Akaun Peminjam	: 11640 : MOHAMAD SYAFIQ HELMI BIN MOHAMAD ASRI - 92100101**** 1-17-3 TAMAN SRI PINANG, JALAN VETERINARY 10150 PULAU PINANG	No Akaun Peminjam	: 11642 : MOHD HAFIZI BIN KAMARUZZAMAN - 88090107**** NO. 83 LORONG 8/SS1, BANDAR TASEK MUTIARA 14120 SIMPANG AMPAT, SPS BADRULZAMAN BIN KAMARUZZAMAN - 78083003****
Penjamin 1	: MARSHALL A/L ROBERT - 84061507**** 88A-05-13 TAMAN SRI RELAU, JALAN PAYA TERUBONG 11900 BAYAN LEPAS, PULAU PINANG	Penjamin 1	: MUHAMMAD AL-AMIN BIN ABDUL MAJID - 92012307**** 785 LORONG 2/1A, TAMAN SRI WANG, 08000 SUNGAI PETANI, KEDAH	Penjamin 1	: MOHAMAD ASRI BIN MOHD MOKHTAR - 64062508**** NO.65 KAMPUNG BOR 33400 LENGGONG, PERAK	Penjamin 1	: 14120 SIMPANG EMPAT, SPS KARTINI BINTI KAMARUZZAMAN - 84081907****
Penjamin 2	: RENUGA A/P SANMUGAM - 75100707**** 792-P MUKIM 13, SUNGAI DUA 11700 GELUGOR, PULAU PINANG	Penjamin 2	: FATIMAH BINTI MOHD ALI - 51053002**** 785 LORONG 2/1A, TAMAN SRI WANG, 08000 SUNGAI PETANI, KEDAH	Penjamin 2	: JAMILAH BINTI ABDUL MALEK - 64042101**** 1-17-3 TAMAN SRI PINANG, JALAN VETERINARY 10150 PULAU PINANG	Penjamin 2	: NO. 93 KAMPUNG PERAK, BUKIT SELAMBAU, SUNGAI PETANI 08010 KEDAH
No Akaun Peminjam	: 11643 : MUHAMMAD AZRUL ANUAR BIN YAHYA - 89081207**** 1-6-15 DESA PINANG 2, LEBUH SUNGAI PINANG 7, 11600 PULAU PINANG	No Akaun Peminjam	: 11645 : MOHAMAD KHAIRI BIN MD ISA - 88012107**** 22 LENGKOK KG MASJID 2, BAYAN LEPAS 11920 PULAU PINANG	No Akaun Peminjam	: 11647 : MUHAMMAD ASHRAF BIN KASSIM - 92010607**** 16-08-03 SERINA BAY, HILIR SUNGAI PINANG 11600 PULAU PINANG	No Akaun Peminjam	: 11648 : NUR HAQIQA BINTI ZULKIFLI - 92060307**** 1251 MK 9 KAMPUNG PAYA, TELUK KUMBAR 11920 PULAU PINANG
Penjamin 1	: MUHAMMAD HAFIZ BIN YAHYA - 88050907**** 62-2-14 PINANG COURT 2, LEBUH SUNGAI PINANG 1, 11600 PULAU PINANG	Penjamin 1	: MUHAMMAD KHAIRULNIZAM BIN MD ISA - 82122807**** 22 LENGKOK KAMPUNG MASJID 2, 11920 BAYAN LEPAS, PULAU PINANG	Penjamin 1	: KASSIM BIN ABDUL RAHMAN - 62052571**** 16-08-03 SERINA BAY, HILIR SUNGAI PINANG, 11600 PULAU PINANG	Penjamin 1	: ZAITON BINTI AMIR - 67050607**** 1251 MUKIM 9, KAMPUNG PAYA, TELUK KUMBAR 11920 PULAU PINANG
Penjamin 2	: MOHD AZMI ADAM BIN HUSSAIN - 76020807**** 3-E BATU UBARAN, 11700 GELUGOR, PULAU PINANG	Penjamin 2	: NOR MADHIHAH BINTI MOHD NOOR - 82050302**** 22 LENGKOK KAMPUNG MASJID 2, 11920 BAYAN LEPAS, PULAU PINANG	Penjamin 2	: KAMARULZAMAN BIN KADER MYDIN - 73111407**** 16-12-3A SERINA BAY, HILIR SUNGAI PINANG, 11600 PULAU PINANG	Penjamin 2	: ZAHARAH BINTI AMIR - 64060207**** 1105E-15-11 SAUJANA HEIGHTS, JLN TELUK KUMBAR, BAYAN LEPAS, 11920 PULAU PINANG
No Akaun Peminjam	: 11651 : NORKARTINI BINTI AZIZAN - 92120502**** BLOK 05-19-09 SRI IVORI, JALAN LENGGOK ANGSANA, 11500 AIR ITAM, PULAU PINANG	No Akaun Peminjam	: 11656 : NADIAH IDAYU BT MD JALALUDDIN - 88032107**** M-G-3 FLAT UDA FASA 4A, TANJUNG TOKONG 10470 PULAU PINANG	No Akaun Peminjam	: 11659 : SUKANYA A/P BASKARAN - 93080507**** 1-M, JALAN TUN MOHD SALLEH ISMAIL, BANDAR BARU AIR ITAM 11500 PULAU PINANG	No Akaun Peminjam	: 11665 : SAIFOLNIZAM BIN HASHIM - 75042007**** G-U-7 DSHIRE VILLA, SEKSYEN 4, KOTA DAMANSARA 47810 PETALING JAYA, SELANGOR
Penjamin 1	: NORKAMSAINI BINTI AZIZAN - 82053002**** BLOK 05-19-09 SRI IVORY, JALAN LENGGOK ANGSANA, 11500 AIR ITAM, PULAU PINANG	Penjamin 1	: LIYANA MASTURA BINTI MD JALALUDDIN - 83061807**** NO. 8 JALAN 8/35F, TAMAN SERI BANGI, SEKSYEN 8, BANDAR BARU BANGI, 43650 SELANGOR	Penjamin 1	: AMARAPATHY A/P ANGUSAMY - 68032407**** 1-M JALAN TUN MOHAMMED SALLEH ISMAIL, BANDAR BARU AIR ITAM 11500 PULAU PINANG	Penjamin 1	: SABARINA BINTI ABU BAKAR - 76050407**** G-U-7 DSHIRE VILLA, SEKSYEN 4, KOTA DAMANSARA, 47810 PETALING JAYA, SELANGOR
Penjamin 2	: ZALEHA BINTI ZAINOL - 59061402**** BLOK 05-19-09 SRI IVORY, JALAN LENGGOK ANGSANA, 11500 AIR ITAM, PULAU PINANG	Penjamin 2	: SAIRULDIN BIN IBRAHIM - 83060803**** NO. 8 JALAN 8/35F, TAMAN SERI BANGI, SEKSYEN 8, BANDAR BARU BANGI, 43650 SELANGOR	Penjamin 2	: BHAVAANI DEIVI A/P BASKARAN - 89050207**** 1-M JLN TUN MOHD SALLEH ISMAIL, BANDAR BARU AIR ITAM 11500 PULAU PINANG	Penjamin 2	: HELMI BIN HASHIM - 85092407**** BERHAMPIRAN 318-A MUKIM 6, PONDOK UPEH, BALIK PULAU 11000 PULAU PINANG
No Akaun Peminjam	: 11667 : AINUR NADWA BINTI AHMAD RIDZWAN - 92081607**** 1633 KAMPUNG AMAN 13220 KEPALA BATAS, SPU	No Akaun Peminjam	: 11668 : HENG CHOOON HOW - 80041508**** 90-8-3 LORONG SEREMBAN 10150 PULAU PINANG	No Akaun Peminjam	: 11672 : AMIRUL HAFIZY BIN ZAINOL - 88110907**** 528 MUKIM D, JALAN BHARU 11000 BALIK PULAU, PULAU PINANG	No Akaun Peminjam	: 11679 : PUTERI NURNABILA BINTI MEGAT HARON - 91020707**** 170-1 JALAN KAMPUNG MELAYU, AIR ITAM 11500 PULAU PINANG
Penjamin 1	: AHMAD RIDZWAN BIN MOHD SALLEH - 60110507**** NO.1633 KAMPUNG AMAN 13220 KEPALA BATAS, SPU	Penjamin 1	: CHIAM PEI SHAN - 81021007**** NO. 42 LORONG TEMBAGA 11600 PULAU PINANG	Penjamin 1	: KHAIRUL NAZMI BIN ZAINOL - 85031907**** NO.528 MUKIM D, JALAN BHARU, 11000 BALIK PULAU, PULAU PINANG	Penjamin 1	: MEGAT HARON BIN MEGAT HASSIM - 6601007**** 170-1 JALAN KAMPUNG MELAYU 11500 AIR ITAM, PULAU PINANG
Penjamin 2	: HASNAH BINTI ABDUL HALIM - 61051502**** NO.1633 KAMPUNG AMAN 13220 KEPALA BATAS, SPU	Penjamin 2	: YAP KWAI PING - 75111214**** NO. 26 GAT LEBUH ACEH 10300 PULAU PINANG	Penjamin 2	: ABDUL RASHID BIN OMAR - 74110607**** NO.81 MUKIM D, JALAN BHARU, 11000 BALIK PULAU, PULAU PINANG	Penjamin 2	: ABDUL RAHMAN BIN ABDUL RAHIM - 74051307**** 2A-20-07 LINTANG HAJAH REHMAH, MUTIARA HEIGHTS 11600 PULAU PINANG
No Akaun Peminjam	: 11682 : NUR SAFIRAH BINTI AHSANUDDIN - 90051407**** 665 MUKIM 8, KAMPUNG PAYA 14000 BUKIT MERTAJAM	No Akaun Peminjam	: 11683 : NOOR HUSNA BINTI MOHD SHAFIE - 91062507**** LOT 481 PLOT 1 PERMATANG PASIR 13500 PERMATANG PAUH	No Akaun Peminjam	: 11685 : NUR HIDAYAH BINTI MOHD IDRIS - 88062107**** 60-2-2 PINANG COURT 2, LEBOH SUNGAI PINANG 1, 11600 PULAU PINANG	No Akaun Peminjam	: 11686 : MASZUIN BINTI MD HATTA - 81050807**** 5-3-12 PANGSAPURI JELUTONG INDAH, LENGGOK HAJI AHMAD, JELUTONG 11600 PULAU PINANG
Penjamin 1	: MARIAM BINTI MAD ISA - 72071102**** TS 5758 MUKIM 9, TANAH LIAT 14000 BUKIT MERTAJAM	Penjamin 1	: MOHD KHAIRUL ANUAR BIN MOHD SHAFIE - 80121812**** NO.4352 JALAN PERMATANG BULUH, SIMPANG EMPAT 13210 KEPALA BATAS, SPU	Penjamin 1	: NURUL Akmar BINTI MOHD IDRIS - 83072902**** B-T02-11 BLOK B, JALAN P15, PARCEL 15-12A, PRESINT 15, 62050 PUTRAJAYA	Penjamin 1	: MOHD SAHRUL BIN MOHD SAH - 79103001**** NO.21-A JALAN BUKIT DUMBAR, 11600 JELUTONG, PULAU PINANG
Penjamin 2	: NOORHAM BIN SALLEH - 72062902**** NO.1432 MUKIM 8, KAMPUNG PAYA 14000 BUKIT MERTAJAM	Penjamin 2	: ABDUL SAMAD BIN ARSHAD - 79073107**** 158 JALAN SUTERA IDAMAN 3, TAMAN SUTERA IDAMAN 08000 SUNGAI PETANI, KEDAH	Penjamin 2	: MOHD SHAHRIZAL BIN MOHD ANUAR - 79062308**** B-T02-11 BLOK B, JALAN P15, PARCEL 15-12A, PRESINT 15, 62250 PUTRAJAYA	Penjamin 2	: MASZLIN BINTI MD HATTA - 80052107**** NO.21-AJALAN BUKIT DUMBAR, 11600 JELUTONG, PULAU PINANG
No Akaun Peminjam	: 11688 : MOHD FAUZI BIN MD IDROS - 80102207**** 2777 MASJID TIMAH 13700 PERAI	No Akaun Peminjam	: 11690 : NORSHILA BINTI RAMLEE - 85061307**** 578 SAMA GAGAH, PERMATANG PAUH 13500 BUKIT MERTAJAM	No Akaun Peminjam	: 11691 : EZZATUL AKMAL BINTI MOHD. NASIR - 88091307**** 1672 LORONG MASJID, PONGSU SERIBU 13200 KEPALA BATAS, SPU	No Akaun Peminjam	: 11692 : HAIZATUL IZUANA BINTI YAACOB - 80850607**** 203-A MUKIM 9, KAMPUNG MASJID, TELUK KUMBAR, BAYAN LEPAS 11920 PULAU PINANG
Penjamin 1	: ZURAIDA BINTI MD IDROS - 76030107**** NO.2777 MASJID TIMAH 13700 PERAI	Penjamin 1	: FAIRUL IZHAR BIN MOHD ALIAS - 81060903**** NO.578 SAMA GAGAH 13500 PERMATANG PAUH, BUKIT MERTAJAM	Penjamin 1	: ZAMZURI BIN DAUD - 73050407**** NO.27 JALAN BAIDURI INDAH 1, TAMAN BAIDURI INDAH 08000 SUNGAI PETANI, KEDAH	Penjamin 1	: HAIZATUL IZAWATY BINTI YAACOB - 80041102**** NO.403-A MUKIM 9, KAMPUNG MASJID, 11920 TELUK KUMBAR, PULAU PINANG
Penjamin 2	: MUHAMAD NADRI BIN OMAR - 75042002**** NO.2777 MASJID TIMAH 13700 PERAI	Penjamin 2	: NURHAYATI BINTI MOHD YUSOF - 79070308**** 317 LORONG BERINGIN 6, TAMAN BERINGIN 09000 KULIM, KEDAH	Penjamin 2	: SAADIAH BINTI DAUD -(MINGGAL DUNIA) NO.10389 LORONG MASJID, PONGSU SERIBU 13200 KEPALA BATAS, SPU	Penjamin 2	: MOHD SYAMSUL HASRIN BIN MOHD HARITH - 77032308**** 1-7-23A LORONG AZIZ IBRAHIM, NIBONG INDAH, SG. NIBONG 11900 BAYAN LEPAS, PULAU PINANG
No Akaun Peminjam	: 11694 : MOHD AZLAN BIN MOHD YUSOFF - 85041017**** NO.1 SOLOK NIPIAH 3, TAMAN HAJI MOHD AMIN 13500 PERMATANG PAUH	No Akaun Peminjam	: 11700 : ZUHAIRA BINTI MOHD MEERASA - 88012107**** 363 JALAN MADRASAH, JELUTONG 11600 PULAU PINANG	No Akaun Peminjam	: 11702 : SAKINAH BINTI YAHAYA - 90051907**** NO.629 MK21 GUAR PERAHU 14400 BUKIT MERTAJAM	No Akaun Peminjam	: 11703 : SIVAKUMAARAN A/L SUPRAMANIAM - 89040607**** BLK 3-12-10 JALAN LENGGOK ANGSANA, SRI IVORY, FARLIM 11500 PULAU PINANG
Penjamin 1	: JEMILAH BINTI MAT - 58090707**** NO.1 SOLOK NIPIAH TIGA, TAMAN HAJI MOHD AMIN 13500 PERMATANG PAUH	Penjamin 1	: MOHD MEERASA BIN MD IBRAHIM - 56022907**** NO.363 JALAN MADRASAH 11600 JELUTONG, PULAU PINANG	Penjamin 1	: YAHAYA BIN ISMAIL - 60080209**** NO.629 MUKIM 21, GUAR PERAHU 14400 KUBANG SEMANG, BUKIT MERTAJAM	Penjamin 1	: NAGAMAH A/P MUNIYANDY - 59020808**** 3-12-10 JALAN LENGGOK ANGSANA, SRI IVORY, FARLIM 11500 PULAU PINANG
Penjamin 2	: NABILAH BINTI RAZALI - 84121107**** SEK. KEB. BATU MUDA, JALAN IPOH 51200 KUALA LUMPUR	Penjamin 2	: PARTIBAN A/L KUMARAISEN - 85072207**** NO.65 JALAN CHAN SIEW TEONG, TANJUNG BUNGAH 11200 PULAU PINANG	Penjamin 2	: MOHD NASIM BIN HUSSIN - 87100307**** NO.7829 NYIOR SEBATANG 13300 TASEK GELUGOR, SPU	Penjamin 2	: PUNITHAMALAR A/P SUPRAMANIAM - 83071607**** 3-12-10 JALAN LENGGOK ANGSANA, SRI IVORY, FARLIM 11500 PULAU PINANG
No Akaun Peminjam	: 11708 : ABDUL MUIZ BIN RAZALI - 93091107**** NO.1434 MK 5, PADANG TEMUSU 13100 PENAGA, SPU	No Akaun Peminjam	: 11709 : FARAHIYAH BINTI MOHD BAHUDDIN - 85102507**** HSE 02-6-0, MELINSUNG SUMMER BAY APARTMENT 89600 PAPAR, SABAH	No Akaun Peminjam	: 11710 : SABURA BT KADERSAH MERICAR - 84032207**** NO.6 SOLOK SUNGAI PINANG, GEORGETOWN 11600 PULAU PINANG	No Akaun Peminjam	: 11712 : MUHAMMAD SYAHIR NASRI BIN MOHD NOOR - 93102507**** 8241 PERMATANG BERANGAN(A) 13300 TASEK GELUGOR, SPU
Penjamin 1	: RAZALI BIN ABU BAKAR - 58072807**** NO.1434 MK 5, PADANG TEMUSU , 13100 PENAGA, SPU	Penjamin 1	: ABDUL RASHID BIN TIANOK - 73091212**** HSE 02-6-0, MELINSUNG SUMMER BAY APARTMENT, 89600 PAPAR, SABAH	Penjamin 1	: ABUD WAHAB MERICAR - 90012807**** NO.6 SOLOK SUNGAI PINANG 11600 GEORGETOWN, PULAU PINANG	Penjamin 1	: ZULKIFLI BIN AHMAD - 75071009**** 1842 C KAMPUNG SELAMAT 13300 TASEK GELUGOR, SPU
Penjamin 2	: NABILAH BINTI RAZALI - 84121107**** SEK. KEB. BATU MUDA, JALAN IPOH 51200 KUALA LUMPUR	Penjamin 2	: BUKHARI BIN BAKAR - 66040502**** 1138A BEREK POLIS KUBANG SEMANG 14400 BUKIT MERTAJAM	Penjamin 2	: FATIMAH BINTI KADERSAH MERICAR - 78090807**** NO		

Lip Chee fokus realisasi visi jadikan sukan sebagai gaya hidup

Oleh : WATAWA NATAF ZULKIFLI
Gambar : CHAN KOK KUAN

BERSUKAN bukan sahaja boleh menyihatkan tubuh badan malah ia juga mampu menjadi ejen perpaduan bagi masyarakat berbilang bangsa di negeri ini.

Menyedari hakikat itu, Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah merangka pelbagai program bagi pembangunan sukan di bawah portfolio Belia dan Sukan yang dipimpin oleh Exconya, Soon Lip Chee.

Lip Chee berkata, fokus beliau pada masa ini adalah merealisasikan hasrat Kerajaan Negeri untuk menjadikan sukan sebagai gaya hidup melalui program Sukan Untuk Semua.

Beliau berharap agar melalui program tersebut segenap lapisan masyarakat tanpa mengira latar belakang akan memilih sejenis sukan sebagai gaya hidup dan hobi untuk diceburi.

“Melului program ini, kita (Kerajaan Negeri) ingin mempromosikan semua jenis sukan kepada masyarakat dan bukan hanya sukan-sukan terkenal sahaja.

“Justeru, pada tahun ini kita mulakan dengan mempromosikan satu bulan sukan, dan pada tahun hadapan, kita akan kembangkan kepada dua jenis sukan (sebulan).

“Pendekatan ini adalah cara untuk mencari bakat dan atlet baharu kerana kita tidak tahu di mana dan siapa di sebalik bakat yang bakal kita cungkil itu,” ujar beliau dalam temubual bersama-sama Buletin Mutiara sempena setahun pentadbiran Kerajaan Negeri Pakatan Harapan Pulau Pinang sejak memenangi Pilihan Raya Umum Ke-14 (PRU14) pada 9 Mei lalu.



SOON Lip Chee.

Kompleks Sukan Pelbagai Guna

Setelah membatalkan pembinaan velodrom di persisir Queensbay Mall, Lip Chee menyatakan Kerajaan Negeri memohon agar projek tersebut digantikan dengan Kompleks Sukan Pelbagai Guna.

Katanya, pembinaan kompleks tersebut pada masa akan datang boleh menempatkan pelbagai jenis gelanggang sukan seperti bola tampar, bola keranjang, judo, sepak takraw, bola jaring dan banyak lagi di bawah satu bumbung.

“Apa sahaja jenis sukan boleh menggunakan kompleks ini sekaligus memudahkan persiapan Kerajaan Negeri untuk menganjurkan temasya Sukan Malaysia (SUKMA) yang mana Pulau Pinang dijangka menjadi tuan rumah pada 2022 atau 2024,” jelasnya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Bagan Jermal.

Dewan Serbaguna Ampang Jajar

Selain itu, Lip Chee turut menjelaskan bahawa Kerajaan Negeri juga sedang menaik taraf Dewan Serba Guna Ampang Jajar untuk

mewujudkan gelanggang pelbagai guna yang sesuai bagi semua jenis sukan berbanding hanya 32 acara sukan sahaja pada masa ini.

“Di situ juga mungkin akan ditempatkan kolam akuatik bertaraf antarabangsa, cuma sekarang kita perlu menunggu pihak Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) membawa cadangan ini ke peringkat mesyuarat Exco untuk diperhalusi,” katanya sambil menyatakan bahawa projek pembangunan itu termasuk dalam peruntukan RM275 juta yang ditawarkan dalam manifesto PRU14 lalu.

Pembangunan sukan badminton

Bagi menggilap bakat-bakat baru dalam sukan badminton, Kerajaan Negeri turut bekerjasama dengan Persatuan Badminton Malaysia (BAM) untuk mewujudkan sebuah akademi sukan berkenaan bertempat di Sungai Pinang.

“Status terkini dalam perbincangan lanjut, ianya berfungsi sebagai akademi bagi mencungkil bakat-bakat sukan badminton di zon utara, Kerajaan Negeri akan menyediakan tanah manakala akademi tersebut akan dikendalikan oleh BAM,” ujarnya.

Kawasan Seberang Perai Selatan (SPS) jelas Lip Chee, juga tidak ketinggalan daripada pembangunan sukan apabila Kerajaan Negeri turut membelanjakan RM7 juta untuk menyiapkan sembilan gelanggang badminton dekat Bukit Panchor yang akan dinamakan sebagai Bukit Panchor Arena.

MoU peringkat antarabangsa

Melihat prestasi negara-negara tertentu dalam acara sukan tertentu, Lip Chee turut memberitahu bahawa beberapa memorandum

persefahaman (MoU) telah ditandatangani oleh Kerajaan Negeri pada tahun lalu bagi melahirkan jaguh sukan di negeri ini.

“Contohnya, kita hantar atlet boling ke Korea Selatan, hantar atlet wushu ke China, hantar atlet ke Okayama, Jepun untuk sukan judo.

“Kita juga bercadang untuk hantar atlet tinju dan muay thai ke Thailand untuk berlatih di sana dan sukan-sukan lain juga mengikut kesesuaian.

“Bagi saya program MoU seperti ini adalah lebih murah jika dibandingkan dengan mengambil jurulatih import yang mana ianya melibatkan jumlah kewangan yang lebih besar,” jelasnya.

e-Sports

Mengulas lanjut, Lip Chee turut memberi bayangan untuk menyiapkan arena e-Sports yang semakin mendapat tempat dalam kalangan belia.

Menurut beliau, buat masa ini, Kerajaan Negeri sedang mencari lokasi yang sesuai untuk mewujudkan e-Sports Arena dan e-Sports Club di bahagian pulau.

“Sebagai permulaan dan cabaran terdekat bagi e-Sports, melalui Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang (MSNPP) sedang mempersiapkan diri untuk bertanding pada Sukan Malaysia (SUKMA) Johor, tahun hadapan.

“Sebanyak tujuh pingat emas akan dipertandingkan pada SUKMA, jadi hujung tahun ini kita bercadang untuk adakan satu pertandingan e-Sports untuk membuat pemilihan atlet ke SUKMA,” katanya menutup bicara bersama-sama Buletin Mutiara.

TABUNG AMANAH PINJAMAN PENUNTUT NEGERI PULAU PINANG

Pejabat Setiausaha Kerajaan, Paras 25, KOMTAR, 10503 Pulau Pinang Tel : 04-6505165 / 6505391 / 6505627 Fax : 04-2613453

Layarilah Laman Web : <http://www.penang.gov.my>



Pentadbiran ini dalam usaha mengesan semula peminjam dan penjamin mengikut senarai di bawah. Dipohon penama tersebut menghubungi pihak pentadbiran bagi tujuan pembayaran dengan kadar segera sebelum diambil tindakan selanjutnya. Orang ramai juga boleh tampil untuk memberi maklumat mengenai penama yang berkenaan.

(Sila abaikan notis ini jika pembayaran telah dibuat)

No Akaun Peminjam : 11725 Penjamin 1 : JAMIL BIN JUSOH - 72060107*** Penjamin 2 : KAMARUDIN BIN SAID - 61112407*** No.822 PAYA KELADI MASJID 13200 KEPALA BATAS, SPU	No Akaun Peminjam : 11729 Penjamin 1 : SANJAY DEVA A/L THEVENDRAN - 91052807*** 31, LORONG AIR TERJUN 10350 GEORGETOWN, PULAU PINANG	No Akaun Peminjam : 11731 Penjamin 1 : OOI CHONG BENG - 64090207*** NO.32 JALAN FETTES 11200 GEORGETOWN, PULAU PINANG	No Akaun Peminjam : 11732 Penjamin 1 : HOE WEI CHIEN - 84010707*** 88-4-11 PUNCAK ERSKINE, BLOK A 11200 PULAU PINANG
No Akaun Peminjam : 11736 Penjamin 1 : GANESON A/L SINNASAMY - 75040608*** NO.16 LORONG GAMELAN INDAH 5, TAMAN GAMELAN INDAH 14200 SUNGAI BAKAP, SPS	No Akaun Peminjam : 11741 Penjamin 1 : UTHAYA KUMAR A/L M THAYALAN - 83040908*** NO. 20 SOUTH WARD, 31250 TANJUNG RAMBUTAN, PERAK	No Akaun Peminjam : 11742 Penjamin 1 : TANUSHALINI A/P MOROTER - 87092607*** BAHAGIAN PENERANGAN, PEJABAT KETUA MENTERI, TINGKAT 47 KOMTAR 10503 PULAU PINANG	No Akaun Peminjam : 11744 Penjamin 1 : SHOBIA A/P SANDARAKASAN - 71020301*** 88-13-5 VISTA GAMBIER CONDO, CHANGKAT BUKIT GAMBIER 2, 11700 GELUGOR, PULAU PINANG
No Akaun Peminjam : 11747 Penjamin 1 : JOHAN BIN YAACOB - 61071407*** NO.43 LORONG 41, TAMAN GUAR PERAHU 14400 BUKIT MERTAJAM	No Akaun Peminjam : 11750 Penjamin 1 : RAZALI BIN MOHD MUSTAFA - 65032202*** BATU 10 1/2, KAMPUNG TERAP 09800 KULIM, KEDAH	No Akaun Peminjam : 11753 Penjamin 1 : MOHAMED YUSRI BIN SEHAT - 86022735*** 2929 MUKIM 16, KAMPUNG TASEK JUNJONG 14120 SIMPANG EMPAT, SPS	No Akaun Peminjam : 11755 Penjamin 1 : MUHAMMAD YASSER BIN BAHRUDDIN - 82112102*** 59 PERSIARAN SEMBILANG, BANDAR SEBERANG JAYA 13700 PERAI
No Akaun Peminjam : 11748 Penjamin 1 : SALMIAH BINTI CHE LAH - 58050607*** NO.49 JALAN 2, TAMAN GUAR PERAHU 14400 KUBANG SEMANG	No Akaun Peminjam : 11752 Penjamin 1 : KHAIRUDIN BIN ZAINOL - 75020402*** UNIT KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJA, KAMPUS KEJURUTERAAN UNIVERSITI SAINS MALAYSIA 14300 NIBONG TEBAL, SPS	No Akaun Peminjam : 11754 Penjamin 1 : AHMAD NUAIM BIN GHAZALI - 60083007*** NO.53 JALAN TASEK 22, BANDAR SERI ALAM 81750 MASAI, JOHOR	No Akaun Peminjam : 11756 Penjamin 1 : MOHD SALEHIDDIN BIN OMAR@SHAFIE - 84041514*** NO.122 MUKIM 20, KUBANG ULU 14400 BUKIT MERTAJAM
No Akaun Peminjam : 11756 Penjamin 1 : SYED MUZTAQIM ALI BIN SYED MAZHAR ALI - 92010907*** RB-7-9 PERSIARAN BAYAN 3, TAMAN TUNAS MUDA 11900 BAYAN LEPAS, PULAU PINANG	No Akaun Peminjam : 11757 Penjamin 1 : MOHD SOHAIDI BIN REJAB - 66040107*** NO.210 MUKIM 20, PENANTI GATE 14000 BUKIT MERTAJAM	No Akaun Peminjam : 11758 Penjamin 1 : MOHD SALEHIDDIN BIN OMAR@SHAFIE - 84041514*** NO.124 MUKIM 20, KUBANG ULU 14400 BUKIT MERTAJAM	No Akaun Peminjam : 11759 Penjamin 1 : MOHD SOHAIDI BIN REJAB - 66040107*** NO.210 MUKIM 20, PENANTI GATE 14000 BUKIT MERTAJAM
No Akaun Peminjam : 11758 Penjamin 1 : SYED MAZHAR ALI BIN SYED AZAM ALI - 61041207*** RB-7-9 TAMAN TUNAS MUDA, PERSIARAN BAYAN 3, 11900 BAYAN LEPAS, PULAU PINANG	No Akaun Peminjam : 11759 Penjamin 1 : MOHD SOHAIDI BIN REJAB - 66040107*** NO.210 MUKIM 20, PENANTI GATE 14000 BUKIT MERTAJAM	No Akaun Peminjam : 11760 Penjamin 1 : MOHD SOHAIDI BIN REJAB - 66040107*** NO.210 MUKIM 20, PENANTI GATE 14000 BUKIT MERTAJAM	No Akaun Peminjam : 11761 Penjamin 1 : MOHD SOHAIDI BIN REJAB - 66040107*** NO.210 MUKIM 20, PENANTI GATE 14000 BUKIT MERTAJAM
No Akaun Peminjam : 11760 Penjamin 1 : SYED AL IMRAN BIN SYED MANSOR ALI - 85012107*** NO.36-U JALAN 200, 11500 AIR ITAM, PULAU PINANG	No Akaun Peminjam : 11761 Penjamin 1 : MOHD SOHAIDI BIN REJAB - 66040107*** NO.210 MUKIM 20, PENANTI GATE 14000 BUKIT MERTAJAM	No Akaun Peminjam : 11762 Penjamin 1 : MOHD SOHAIDI BIN REJAB - 66040107*** NO.210 MUKIM 20, PENANTI GATE 14000 BUKIT MERTAJAM	No Akaun Peminjam : 11763 Penjamin 1 : MOHD SOHAIDI BIN REJAB - 66040107*** NO.210 MUKIM 20, PENANTI GATE 14000 BUKIT MERTAJAM



KETUA Menteri mendengar penerangan berkaitan perisian terbaru teknologi oleh wakil syarikat yang mengambil bahagian dalam pameran bersempena program Transformasi Digital Bersama Cisco di sini baru-baru ini.

Komitded pastikan Pulau Pinang kekal berdaya saing dalam era digital

Oleh : **SUNARTI YUSOFF**
Gambar : **ALVIE CHENG**

PANTAI JEREJAK — Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow menyatakan bahawa Kerajaan Negeri akan terus berusaha memastikan Pulau Pinang kekal berdaya saing dalam era digital hari ini.

Beliau berkata, sekiranya digabungkan antara teknologi dan inovasi, maka Pulau Pinang mempunyai potensi untuk membina model kepimpinan digital yang unggul.

“Ia adalah tanggungjawab semua pihak bagi memastikan Pulau Pinang sedia untuk bersaing dalam perkembangan era digital selain kekal relevan serta berdaya saing.

“Malah, Kerajaan Negeri juga begitu komited untuk mengurangkan kebergantungan terhadap tenaga kerja kurang mahir terutama bagi sektor perkilangan.

“Justeru, terdapat beberapa kursus latihan disediakan oleh Kerajaan Negeri bagi melahirkan tenaga kerja yang celik teknologi sebagai persediaan untuk kita menggunakan pakai sistem perkilangan pintar kelak,” ucapnya pada Program Transformasi Digital Bersama Cisco Bagi Industri Pembuatan di sini 30 April lalu.

Turut hadir, Presiden Cisco ASEAN Naveen Menon; Pengurus Besar Cisco Malaysia Albert Chai; Pengarah Wilayah Cisco ASEAN dan Pengurus Besar untuk Pengedaran serta Pemasaran Perniagaan

Kecil Sederhana (SMB), Bidhan Roy serta Pengurus Kanan Bahagian Operasi Pembuatan Cisco Malaysia C.L. Lee.

Mengulas lanjut, Kon Yeow menjelaskan bahawa salah satu matlamat dalam visi *Penang2030* yang dilancarkan tahun lepas adalah untuk menaik taraf ekonomi dengan memberikan penekanan terhadap menyediakan industri pembuatan dalam era digital.

“Pihak pengilang di negeri ini telah memperkenalkan teknologi Revolusi Industri Keempat (IR4.0) seperti inisiatif automasi dan pendigitalan yang mampu mendorong pertumbuhan berteraskan inovasi dalam industri utama serta membolehkan Pulau Pinang menjadi negeri pintar menjelang 2030.

“Justeru, sekarang adalah masa yang tepat bagi pengilang di Pulau Pinang menggunakan peluang ini untuk muncul sebagai pelopor dalam industri pembuatan digital dan seterusnya melonjak ke tahap global,” katanya.

Difahamkan, Kerajaan Negeri menjalinkan kerjasama dengan syarikat seperti Cisco untuk membentuk inisiatif strategik bagi membangunkan ekosistem digital yang mantap.

Usahasama tersebut juga merupakan sebahagian daripada perancangan Kerajaan Negeri untuk beralih ke arah ekonomi berdasarkan pengetahuan dan bernilai tinggi di Pulau Pinang.

RAFFEL II
RESIDENCE

KEMEWAHAN MODEN DI LOKASI PREMIUM



- Rumah Teres 3-tingkat yang menampilkan seni bina dan reka bentuk kontemporari
- Lokasi yang tenang dan dikelilingi oleh kejiranan yang mapan di Bukit Gambier, Penang
- Akses mudah ke Universiti Sains Malaysia, Pusat Komersial Egate, Tesco, Jambatan Pulau Pinang, Zon Perindustrian Bebas Bayan Lepas, Bandar Georgetown dan pelbagai kemudahan yang lain
- 6 bilik tidur dan 6 bilik mandi
- Hakmilik Kekal



UNTUK KETERANGAN LANJUT, SILA HUBUNGKAN:

+604 229 6288 | www.bsgproperty.com

THE GALLERIA

52, Jalan Sultan Ahmad Shah, 10400 Penang, Malaysia.

T:+604 229 6288 F:+604 228 0188

BSG Property®

Program tanam pokok bakau, ADUN puji inisiatif pihak terlibat

Oleh : ZAINULFAQAR YAACOB
Gambar : NOOR SITI NABILAH NOORAZIS

JAWI - Lebih 50 mahasiswa Universiti Sains Malaysia (USM) menyertai program menanam 100 anak pokok bakau anjuran bersama pertubuhan bukan kerajaan (NGO), Sahabat Alam Malaysia (SAM) dan Jabatan Perhutanan Negeri.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Jawi, Jason H'ng Mooi Lye ketika berucap pada majlis itu memberitahu bahawa program komuniti sebegini seharusnya diperbanyakkan memandangkan hutan paya bakau di Daerah Seberang Perai Selatan (SPS) kini dipercayai kian terancam.

"Hutan paya bakau amat penting dalam mengimbangi ekosistem bumi, serta turut memberi pelbagai faedah kepada manusia

sama ada daripada segi ekonomi maupun (impak) sosial.

"Namun, hutan paya bakau kini diancam kemusnahannya, sama ada berpunca oleh fenomena alam semula jadi maupun aktiviti manusia."

"Inisiatif pelbagai pihak tampil untuk melindungi dan memulihara sumber alam semula jadi khususnya di Daerah Seberang Perai Selatan (SPS) adalah sangat dipuji," jelasnya dalam program komuniti tersebut pada 21 April 2019 di sini.

Menurut Mooi Lye, 'Bakau Minyak', 'Kurap', 'Tumu Merah' dan 'Tumu Putih' antara jenis anak pokok bakau yang ditanam dalam program komuniti pada kali ini.

Dalam perkembangan berkaitan, beliau turut merakamkan penghargaan atas penyertaan Unit Nelayan Changkat dalam program penanaman bakau.



JASON H'ng Mooi Lye (duduk, tengah) bersama-sama wakil-wakil penganjur dan para peserta yang mengambil bahagian dalam penganjuran program berkaitan baru-baru ini.

'Rakan Taman' pertama dilancar galak sukarelawan pelihara taman kejiranan

AIRITAM - Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK) Kampung Bharu mengambil inisiatif pertama di peringkat negeri dengan mewujudkan 'Rakan Taman' untuk melaksanakan kerja-kerja sukarelawan bagi menjaga, memelihara dan menyelenggara kemudahan awam di taman kawasan berkenaan.

Pelancarannya disempurnakan Ahli Parlimen Bukit Bendera, Wong Hon Wai.

Menurut Hon Wai, Rakan Taman adalah sebuah organisasi sukarelawan bagi menggalakkan masyarakat melakukan kerja-kerja sukarela seperti menjaga serta memelihara kawasan taman kejiranannya.

"Ia adalah Rakan Taman pertama yang diwujudkan di Pulau Pinang.

"Saya percaya dengan semangat

sukarelawan dalam kalangan komuniti setempat mampu menjadikan taman kejiranannya sekitar kawasan ini lebih terjaga dan terpelihara," ujarnya pada majlis berkenaan di sini 4 Mei lalu.

Serentak itu, turut dilancarkan adalah program pengasingan sisa di punca bagi Kawasan Dewan Undangan Negeri (KADUN) Air Putih.

Hadir sama Pengarah Khidmat Pengurusan Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), Mohamed Akbar Mustapha yang mewakili Datuk Bandar MBPP.

Mohamed Akbar ketika berucap memberitahu bahawa inisiatif hijau berkaitan adalah selaras dengan seruan Jabatan Landskap Negara terhadap pihak berkuasa tempatan (PBT) bagi mewujudkan 'Rakan Taman' dalam

menjaga dan memelihara kawasan kejiranannya masing-masing.

"Jabatan Landskap Negara menggalakkan PBT menjalankan kerjasama erat dengan 'Rakan Taman' untuk memastikan kawasan kejiranannya berada dalam keadaan bersih serta indah melalui landskap yang sentiasa terpelihara dan mampan.

"Ia (Rakan Taman) ini berperanan membantu pihak Majlis menjaga, memelihara dan menyelenggara kawasan taman melalui sumbangan tenaga, input maupun peralatan secara sukarela oleh komuniti setempat.

"Pelaksanaan ini juga mendorong kepada penjanaan pendapatan seperti pelaksanaan kebun komuniti serta program kitar semula sisa kebun untuk dijadikan baja kompos," jelasnya.

Pertandingan Halaman Rumah Bersih dan Indah didik masyarakat amal gaya hidup lestari

SEBERANG JAYA - Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) dengan kerjasama syarikat South Island Garment Sdn. Bhd. buat julung kalinya menganjurkan Pertandingan Halaman Rumah Bersih dan Indah dekat Dewan KAFA Kampung Permatang Nibong di sini 4 Mei lalu.

Yang di-Pertua MPSP, Dato' Sr. Rozali Mohamud berkata, penganjuran pertandingan berkenaan adalah untuk mendidik penduduk luar bandar supaya mengamalkan gaya hidup yang lestari.

"Sebab itu kriteria-kriteria yang diambil kira dalam pertandingan ini adalah halaman bersih, penghasilan kompos, penanaman pokok bunga dan sayur-sayuran serta amalan pengasingan sisa di punca.

"Kita (MPSP) percaya bahawa

walaupun didikan dilaksanakan melalui pertandingan, tetapi sekiranya sikap ini diamalkan secara berterusan, ia akan menjadikan kampung-kampung terlibat sebagai kawasan yang lestari.

"Kita juga merancang untuk memperluaskan pertandingan ini kepada 24 lagi kampung di Seberang Perai supaya hasrat untuk mencapai status bandar lestari lebih cepat dicapai sebelum tahun 2022," katanya kepada Buletin Mutiara selepas merasmikan program berkenaan dekat Dewan KAFA Kampung Permatang Nibong pada 4 Mei lalu.

Turut hadir, Pengurus Besar South Island Garment Sdn. Bhd., Lim Eng Chuan; Pengurus Koperasi Kerjaya Permatang Nibong Berhad, Rosli

Ishak; Pengurus Koperasi Lestari Alam Sekitar Seberang Perai Berhad, Anas Mohd. Kassim; wakil syarikat E-Idaman Sdn. Bhd. serta komuniti setempat.

Mengulas lanjut, Rozali menjelaskan bahawa penganjuran pertandingan tersebut juga mampu meningkatkan indeks kebahagiaan penduduk di Seberang Perai.

"Walaupun kita hanya salah satu bandar di negara ini, Seberang Perai tidak mahu ketinggalan daripada penduduk dunia yang sudah mula memperkenalkan indeks kebahagiaan.

"Hal ini juga sesuai dengan visi Penang2030- A Family Focused Green and Smart State" yang menjadi hala tuju Kerajaan Negeri ketika ini," jelasnya.

Kitar semula sambil jana pendapatan, serta program Recycle for Life

SEBERANG JAYA - Penduduk di Seberang Perai digalakkan untuk menyertai program Recycle for Life iaitu satu inisiatif kitar semula sambil menjana pendapatan yang dibangunkan oleh syarikat I-Edaman Sdn. Bhd. dengan kerjasama Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP).

Yang di-Pertua MPSP, Dato' Sr. Rozali Mohamud menyatakan bahawa melalui program tersebut, setiap individu berdaftar akan menerima satu kad elektronik yang mana setiap kali mereka membawa barang kitar semula, mereka akan diberikan ganjaran wang.

"Wang tersebut akan dikreditkan melalui kad elektronik dan para peserta boleh berbelanja di pasar raya yang diiktiraf pihak syarikat iaitu Pasaraya EconSave Bukit Mertajam dan juga Butterworth.

"Bukan sahaja membantu penduduk menjana pendapatan, malah program ini juga akan mempercepatkan lagi kadar kitar semula selain menyokong usaha Kerajaan Negeri ke arah pengasingan sisa di punca demi mencapai visi Penang2030," katanya kepada Buletin Mutiara selepas merasmikan Pertandingan Halaman Rumah Bersih dan Indah dekat Dewan KAFA Kampung Permatang Nibong di sini 4 Mei lalu.

Turut serta, Ketua Unit Perniagaan I-Edaman bagi cawangan Kedah dan Perlis, Afzaruuddin Anuar.

Mengulas lanjut, Rozali menjelaskan bahawa bagi peringkat pertama, pihaknya telah membuka pusat pengumpulan barang kitar semula di Ibu Pejabat MPSP Bandar Perda dan di Kampung Permatang Nibong.

"Mengikut perancangan, kita (MPSP) akan pungut pada hari Rabu terakhir setiap bulan dan pada masa akan datang kita (MPSP) akan memperluaskan pusat pengumpulan ke lima lokasi lagi," ujarnya.

Bagi yang berminat untuk menyertai program berkenaan boleh hadir sendiri ke Ibu Pejabat MPSP atau hubungi Ahli-Ahli Majlis atau juga melayari laman web www.mpsp.gov.my bagi mendapatkan kad kitar semula berkenaan.

MPBN platform belia ketengah usul pembangunan negara

GEORGE TOWN — Majlis Perundingan Belia Negara (MPBN) masih lagi relevan dan akan terus konsisten memainkan peranan sebagai satu platform perbahasan untuk golongan belia, ujar Exco Belia dan Sukan, Soon Lip Chee.

Menurut beliau, MPBN merupakan medium untuk belia mengetengahkan usul dan isu pembangunan negara sama ada di peringkat nasional maupun antarabangsa.

"MPBN perlu terus membahaskan suara-suara belia yang menyumbang kepada pembangunan negara.

"Saya percaya jika ini dilaksanakan secara terancang dan tersusun, kita bukan saja mampu memberikan lebih peluang kepada masyarakat terutamanya generasi muda di peringkat akar umbi, malah agensi-agensi kerajaan di peringkat tersebut juga dapat

melibatkan diri dengan aktif dalam agenda pembangunan belia negara," ujar Lip Chee ketika mempengerusikan MPBM Peringkat Negeri Pulau Pinang di sini 9 Mei lalu.

Hadir sama, Pengarah Jabatan Belia dan Sukan Negeri Pulau Pinang, Zul Fadhlil Abd. Aziz, Datuk T. Narenasagaran (Ketua Polis Pulau Pinang) dan Lim Swee Bok (Pengerusi Majlis Belia Negeri Pulau Pinang).

Sebelum itu, Lip Chee menyempurnakan pemberian watikah pelantikan ahli dan penasihat MPBN Pulau Pinang.

Tambah Lip Chee, MPBN bukan sahaja bertindak sebagai sebuah badan perundingan, malah berevolusi menjadi sebuah institusi polisi dan dasar penting di dalam agenda transformasi negara melalui penglibatan golongan belia dalam negara.

"Saya amat berharap agar



SOON Lip Chee (berkot kelabu) ketika mempengerusikan MPBM Peringkat Negeri Pulau Pinang di sini baru-baru ini.

platform MPBN ini digunakan sebaik-baiknya bagi mencetus dan membincangkan secara telus akan

mekanisme serta kaedah yang sesuai untuk para belia mencapai minda kelas pertama yang

diharapkan, malah menyediakan mereka selaras dengan harapan kita menuju #youthpower," katanya.

Skate Plaza Taman Tuna penuhi keperluan belia minati sukan lasak

Teks & Gambar : SUNARTI YUSOFF

SEBERANG JAYA — Golongan belia yang meminati aktiviti sukan lasak kini pastinya teruja apabila pembinaan Skate Plaza Taman Tuna yang mula dibina sejak akhir tahun lalu telah siap sepenuhnya.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Seberang Jaya, Dr. Afif Bahardin berkata, pembinaan Skate Plaza di atas tanah Kerajaan Negeri berkeluasan 1,872 meter persegi itu adalah bagi memenuhi keperluan belia yang meminati aktiviti sukan lasak.

"Syukur kerana impian Seberang Jaya (penduduk) untuk mempunyai Skate Plaza sendiri akhirnya tercapai dengan bantuan

semua pihak.

"Skate Plaza ini adalah hasil inisiatif peminat sukan lasak yang mengadakan perbincangan bersama dengan saya dalam usaha mewujudkan satu taman rekreasi khas bagi aktiviti sukan lasak.

"Untuk makluman, semua sukan lasak seperti 'skate boarding' dan juga sukan BMX telah lama bertapak di Seberang Jaya iaitu di Taman Tuna yang menjadi tempat anak-anak muda mengisi masa lapang sehingga berjaya melahirkan legenda 'skate board' Asia, Pa'din Musa," katanya semasa merasmikan Skate Plaza Taman Tuna di sini 4 Mei lalu.

Hadir sama, Ahli Majlis bagi Majlis Perbandaran Seberang Perai, Shuhada

Abdul Rahim dan Bernard Cheen Goon Hooi; Setiausaha Perbandaran MPSP, Ir. Rosnani Mahmood; Pengerusi Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK) Jalan Tenggiri, Mohd. Khadari Mohd. Salleh serta komuniti setempat.

Dalam pada itu, Rosnani dalam ucapannya memaklumkan bahawa kos pembinaan dan menaik taraf taman rekreasi berkenaan adalah dibiayai melalui peruntukan MPSP berjumlah RM149,638

"Skate Plaza ini adalah pertama di Seberang

Perai yang disediakan khusus oleh MPSP untuk golongan muda.

"Ini membuktikan bahawa MPSP memandang berat kehendak penduduk selari dengan visi Penang2030 yang diilhamkan Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow," ujarnya.

Difahamkan, selain komponen-komponen utama seperti 'quarter pipe ramp, pyramid, rail dan stage', turut dinaik taraf adalah laluan pejalan kaki sepanjang 200 meter bagi kemudahan penduduk setempat.



DR. Afif Bahardin (tengah, bertopi merah), Ir. Rosnani Mahmood (bertudung kuning) bergambar kenangan bersama-sama komuniti setempat dan peminat sukan lasak skate boarding serta BMX pada Majlis Pelancaran Skate Plaza Taman Tuna di sini baru-baru ini.

INFOGRAFIK MAMMO PENANG

1. APA ITU MAMMO PENANG?
Program screenng mammogram percuma untuk wanita Pulau Pinang yang berumur 35 tahun dan ke atas.

2. BILA BERMULA?
2019 - 2022

3. SIAPAKAH YANG LAYAK?
Wanita yang berumur 35 tahun dan ke atas & bermastautin di Pulau Pinang atau seorang pengguna di negara ini.

4. MENGAPA SAYA PERLUKAN MAMMOGRAM?
Mammogram dapat mengesan kanker payudara pada peringkat awal sebelum simptom & ketumbuhan dapat dirosai pada payudara dan mengurangkan risiko keracunan disebabkan konser penyudara.

5. BAGAIMANA SAYA MAHU MENYERTAI PROGRAMINI?
Daftar di klinik Nur Sejatiher LPPKN
• Klinik Nur Sejatiher Barat : 04-525 3630
• Klinik Nur Sejatiher Seberang Perai : 04-390 4204
• Klinik Nur Sejatiher Jalan Burmali : 04-239 8640

6. JIKA LAYAK?
Pemohon yang layak akan menjalani pemeriksaan payudara klinikal oleh jururawat.

7. PERSEDIAAN SEBELUM MENJALANI MAMMOGRAM
• Lokukan pemeriksaan seminggu selepas had kerona pada masa itu payudara kurang sensitif.
• Tidak menggunakan deodoran, bedak, minyak wangi, krim, pada bahagian dada & ketulungan lepas menjelang pemeriksaan.
• Pakai pokalon yang sesuai kerana pokalon atas perlu ditanggalkan semasa pemeriksaan.

8. BAGAIMANA SEKIRANYA KEPUTUSAN MAMMOGRAM SAYA ABNORMAL?
Anda akan dirujuk kepada hospital atau pusat perubatan untuk penyelosutan lanjut. Keputusan mammogram abnormal tidak semestinya onto mempunyai konser. Pokar akan melakukan penyelosutan lanjut dan akan memberi nafahat dan rawatan yang bersesuaian.

Tiada istilah rakyat dipinggirkan dalam kamus Kerajaan Negeri – Ketua Menteri

Oleh : SUNARTI YUSOFF

Gambar : NOOR SITI NABILAH
NOORAZIS

BERTAM – Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow menyatakan bahawa sejak 2008, Kerajaan Negeri Pulau Pinang berusaha melaksanakan pelbagai program yang mampu memberi manfaat kepada seluruh rakyat di negeri ini tanpa mengira bangsa dan agama.

Beliau menegaskan bahawa di dalam kamus Kerajaan Negeri tidak pernah ada istilah manapun rakyat harus dipinggirkan dalam arus pembangunan pesat negeri Pulau Pinang.

“Itulah amalan Kerajaan Negeri sepanjang 11 tahun ini, dan kita memang menghargai rakyat yang memberi kesempatan kepada kita untuk menerajui kepimpinan di negeri Pulau Pinang.

“Justeru, saya percaya dalam tempoh 10 tahun ini rakyat telah melihat sendiri bagaimana Kerajaan Negeri membawa program-program yang memberi manfaat kepada

masyarakat di negeri ini secara keseluruhan,” katanya pada Majlis Penyampaian Hamper Sempena Hari Raya Aidilfitri anjuran pejabat Pegawai Penyelaras Khas Kepala Batas di sini 20 Mei lalu.

Hadir sama, Timbalan Ketua Menteri I merangkap Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pinang Tunggal, Dato’ Ir. Ahmad Zakiyuddin Abdul Rahman; ADUN Bertam, Khalid Mehtab Mohd. Ishaq; ADUN Teluk Air Tawar Mustafa Kamal Ahmad; ADUN Komtar merangkap Setiausaha Politik kepada Ketua Menteri, Teh Lai Heng; Pegawai Penyelaras Khas Ketua Menteri, Lay Hock Peng dan ramai lagi.

Pada majlis tersebut, sebanyak 600 hamper berupa keperluan asas diagihkan melalui Pejabat Pegawai Penyelaras Khas Ketua Menteri kepada golongan memerlukan dari kawasan Parlimen Kepala Batas dan Tasek Gelugor.

Selain itu, turut menerima sumbangan adalah lapan masjid dan surau di kawasan parlimen berkaitan.



KETUA Menteri dan Ir. Ahmad Zakiyuddin Abdul Rahman (kiri sekali) menyampaikan sumbangan kepada salah seorang penerima pada Majlis Penyampaian Hamper Sempena Hari Raya Aidilfitri anjuran pejabat Pegawai Penyelaras Khas Kepala Batas di sini baru-baru ini.

WOODSLAND PARK @ BUKIT MERTAJAM

Peluang Keemasan
untuk Pembeli Rumah Pertama

RUANG TAMU

BILIK TIDUR

DAPUR

HAKMILIK KEKAL

KELUASAN BINAAN
850 K.P.S.

HARGA JUALAN
RM200,000 KE ATAS

- Terdiri dari 1 blok 23 tingkat pangaspuri mampu milik yang terletak di Pusat Bandar Bukit Mertajam, kawasan bebas banjir.
- Rekabentuk yang moden, satu projek perumahan yang unik dan menarik.
- Menawarkan kemudahan-kemudahan komuniti yang sederhana dan selesa.
- Dikelilingi dengan pelbagai kemudahan awam, sekolah, pusat komersil dan kompleks F&B.



ABDUL Halim Hussain (kiri sekali) mencuba teknik penghasilan coklat sambil diperhatikan chef terkemuka yang dijemput khas bersempena penganjuran Kursus Asas Pembuatan Butik Coklat dan Western Coffee Roasting di sini baru-baru ini.

Ke arah lahirkan usahawan pembuatan butik coklat, kopi panggang

Teks & Gambar : **SITI HUMAIRA MOHAMED YASIN**

BUKIT TENGAH - Exco Perdagangan Antarabangsa & Dalam Negeri, Hal Ehwal Pengguna dan Pembangunan Keusahawanan, Dato' Abdul Halim Hussain berharap Pulau Pinang dapat melahirkan usahawan yang mahir dalam pembuatan butik coklat dan kopi panggang.

Perkara tersebut dinyatakan beliau ketika berucap pada Kursus Asas Pembuatan Butik Coklat dan Western Coffee Roasting dekat Penang Science Park di sini 4 Mei lalu.

"Seperti yang kita tahu, usahawan yang terdapat di Malaysia ialah usahawan 'beginners', usahawan yang mempunyai produk sedia ada dan usahawan 'migrate'.

"Bagi melahirkan usahawan yang memang benar-benar berkualiti, kita telah menjemput chef khas dari Itali yang mempunyai kepakaran dalam menghasilkan coklat.

"Justeru, diharapkan hasil pembelajaran kursus ini, para usahawan bukan sahaja dapat memperbaiki kualiti produk masing-masing, malah meningkatkan lagi kualiti produk yang sedia ada."


"Usahawan-usahawan ini juga mampu menjadi 'mentor' kepada usahawan lain selaras dengan langkah untuk mewujudkan jenama coklat baru yang dihasilkan oleh usahawan sendiri," ujarnya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Batu Maung pada penganjuran berkaitan.

Mengulas lanjut, Abdul Halim menyeru semua usahawan di Pulau Pinang untuk terus mengikuti program dianjurkan Kerajaan Negeri melalui Majlis Mesyuarat Kerajaan (MMK) Keusahawanan.

Dalam perkembangan berkaitan, Pengarah Easy Pack, Goh Toh Sin memberitahu bahawa inisiatif tersebut dilakukan untuk memberi pendedahan kepada usahawan dalam menceburkan diri terutamanya bumiputera terhadap industri coklat.


"Dengan menghadiri kursus asas ini, para usahawan boleh meningkatkan lagi keyakinan, kemahiran serta mampu bersaing dalam menghasilkan coklat bertaraf import.

"Oleh itu, diharapkan Pulau Pinang mampu melahirkan usahawan-usahawan yang berinovasi berdasarkan konsep teknologi serta mampu bersaing di pasaran dunia," jelasnya.



Sebagai Kejiraninan Yang Moden di Selatan Pulau Pinang

- Perumahan mampu milik terdiri daripada dua menara setinggi 32 tingkat
- Saiz unit sebesar 970 kaki persegi dengan pelan susun atur yang praktikal dan serbaguna untuk pilihan anda
- Dua tingkat kawasan rekreasi dengan kemudahan yang mengutamakan gaya hidup moden dan anggun
- 3 bilik tidur dan 2 bilik mandi
- Lokasi di Sungai Ara dengan akses mudah ke Jambatan Pulau Pinang, Lapangan Terbang Pulau Pinang, Zon Perindustrian Bebas Bayan Lepas, Pusat Membeli-belah Queensbay, Sunshine Square, Bandar Georgetown dan pelbagai kemudahan yang lain
- Hakmilik Kekal



UNTUK KETERANGAN LANJUT, SILA HUBUNGKAN:

+604 229 6288 | www.bsgproperty.com

THE GALLERIA

52, Jalan Sultan Ahmad Shah, 10400 Penang, Malaysia.

T:+604 229 6288 F:+604 228 0188

BSG | Property®

Fairview Residence - Pihak Pemaju: Potential Dual Sdn Bhd (1149032-A) - No. Lesen Pemaju: 19427-1/06/2020/0501(L) - Tempoh Sah: 02/06/2018 hingga 01/06/2020 - Permit Iklan dan Jualan: 19427-1/06/2020/0501(P) - Tempoh Sah: 02/06/2018 hingga 01/06/2020 - Pihak Berkuaasa Yang Meluluskan: Majlis Bandaraya Pulau Pinang - Bebanan Tanah: CIMB Bank Berhad (13491-P) - No. Pelan: MBPP/DSC/B9147/16(LB) - Jumlah Unit: 575 sahaja - Tarikh Dijangka Siap: March 2023 - Pegangan Tanah: Hakmilik Bebas - Harga Minimum: RM 408,000.00 - Harga Maksumum: RM 612,000.00 - Tertakluk kepada terma dan syarat

Cukai taksiran demi jayakan pelbagai projek ke arah kesejahteraan penduduk

Oleh : WATAWA NATAF ZULKIFLI
Gambar : ALISSALA THIAN

GEORGE TOWN – Bilangan pembayar cukai taksiran yang layak memenangi cabutan bertuah meningkat kepada 58,386 tahun ini, ujar Setiausaha Bandaraya bagi Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), Ir. Addnan Mohd. Razali.

Addnan berkata, MBPP menyambut baik peningkatan itu berbanding hanya 28,471 pembayar sahaja yang layak pada tahun lalu.

“Dalam menghargai pembayar-pembayar cukai yang membuat bayaran untuk satu tahun dan tiada tunggakan, 50 akaun terpilih dicabut untuk memenangi hadiah cabutan bertuah khas.

“MBPP berharap dengan peningkatan kesedaran menjelaskan cukai taksiran yang merupakan hasil utama setiap pihak berkuasa tempatan (PBT), ia dapat ditingkatkan setiap tahun dalam menjayakan pelbagai projek ke arah kesejahteraan penduduk di Pulau Pinang,” ujarnya pada Majlis Penyampaian Hadiah



IR. Addnan Mohd. Razali (berkot), barisan Ahli-ahli Majlis MBPP bergambar kenangan bersama-sama para pemenang sejurus Majlis Penyampaian Hadiah Kepada Penerima Hadiah Cabutan Cukai Taksiran di sini baru-baru ini.

Kepada Penerima Hadiah Cabutan Cukai Taksiran di sini 8 Mei lalu.

Hadir sama, Ahli-ahli Majlis bagi MBPP serta pegawai-pegawai MBPP terlibat.

Bagi pemenang tempat kedua, Melvin Low, 64, beliau menyifatkan inisiatif MBPP tersebut

wajar dipuji dalam menarik minat pembayar cukai taksiran.

“Masa hendak buat bayaran di kaunter, mereka beritahu saya tentang perkara ini (kelayakan cabutan bertuah) jadi saya terus buat, senang sahaja.

“Ini merupakan kali pertama saya masuk dan tidak sangka terus dapat bawa pulang televisyen 43 inci ini dan saya bercadang untuk membuat pembayaran sekaligus (setahun) pada masa akan datang,” jelasnya ketika ditemui Buletin Mutiara sejurus majlis berkaitan.

TAK NAK STRAW

Kempen Tak Nak Plastik Sekali Guna
停止使用一次性塑料产品

200 TAHUN
200年

200 tahun masa diperlukan untuk proses penguraian straw plastik

Malaysia menduduki tempat ke-8 di antara 10 negara teratas yang menyalahurus sisa plastik di dunia

Penggunaan straw plastik memudaratkan hidupan laut dan alam sekitar

200 tahun masa diperlukan untuk proses penguraian straw plastik

Malaysia menduduki tempat ke-8 di antara 10 negara teratas yang menyalahurus sisa plastik di dunia

Penggunaan straw plastik memudaratkan hidupan laut dan alam sekitar

Sebenarnya tiga jenis permainan dibentuk di bawah e-permainan ini iaitu pengkomposan (*compost hero*), perang terhadap sampah (*rubbish war*) dan pencemaran lautan (*ocean pollution*),” ujarnya ketika ditemui pada Majlis Penyampaian Hadiah e-Permainan Pendidikan Hijau di Ibu Pejabat MPSP dekat sini 11 Mei lalu.

Hadir sama, Setiausaha Perbandaran MPSP, Ir. Rosnani Mahmood; Dekan Fakulti Seni, Komputeran dan Industri Kreatif UPSI, Profesor Madya Dr. Mohd. Zahuri Khairani dan Ketua Projek e-Permainan Pendidikan Hijau, Profesor Dr. Mohd. Fauzi Sedon @ Mdon daripada Fakulti

e-Permainan Pendidikan Hijau, galak generasi muda peka isu alam sekitar

SEBERANG JAYA – Dalam menyemai rasa cintakan alam sekitar, Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) baru-baru ini menganjurkan Program e-Permainan Pendidikan Hijau dengan kerjasama Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI).

Program yang merupakan sebahagian daripada kempen kesedaran alam sekitar itu turut bermatlamat menggalakkan generasi muda kini peka akan isu berkaitan alam sekitar.

Yang di-Pertua MPSP, Dato’ Sr. Rozali Mohamud berkata, program tersebut mensasarkan penyertaan daripada sekolah-sekolah sekitar Seberang Perai.

“Program e-Permainan Pendidikan Hijau adalah suatu bentuk pendidikan digital atau *digital education tools* yang lebih dikenali sebagai ‘*Edutainment*’, iaitu sambil bermain diselitkan juga mesej-mesej berkaitan alam sekitar yang berdasarkan pedagogi pendidikan.

“Sebanyak tiga jenis permainan dibentuk di bawah e-permainan ini iaitu pengkomposan (*compost hero*), perang terhadap sampah (*rubbish war*) dan pencemaran lautan (*ocean pollution*),” ujarnya ketika ditemui pada Majlis Penyampaian Hadiah e-Permainan Pendidikan Hijau di Ibu Pejabat MPSP dekat sini 11 Mei lalu.

Hadir sama, Setiausaha Perbandaran MPSP, Ir. Rosnani Mahmood; Dekan Fakulti Seni, Komputeran dan Industri Kreatif UPSI, Profesor Madya Dr. Mohd. Zahuri Khairani dan Ketua Projek e-Permainan Pendidikan Hijau, Profesor Dr. Mohd. Fauzi Sedon @ Mdon daripada Fakulti

Seni, Komputeran dan Industri Kreatif UPSI.

Dalam pada itu, Naib Canselor UPSI, Datuk Dr. Mohammad Shatar Sabran ketika berucap memaklumkan bahawa program tersebut adalah inisiatif memasyarakatkan warga UPSI demi manfaat umum.

“Secara tidak langsung, melalui e-permainan, para pelajar sekolah dapat mengenal alam sekitar dan berasa seronok kerana aktiviti sebegini akan menjadi budaya yang diterjamahkan secara realiti dalam kehidupan sehari-hari mereka,” katanya.

Mengulas lanjut, dalam perkembangan berkaitan, Rozali memaklumkan pihaknya turut bekerjasama dengan UPSI bagi menjayakan Program ‘Economical Food Waste Composter’ (EFWC), iaitu suatu inovasi pengurusan sisa makanan menggunakan kaedah pengkomposan.

“Sisa-sisa makanan atau sisa-sisa buangan dapur akan diproses oleh mesin khas menggunakan motor untuk pengudaraan dan pembiakan mikroorganisma bagi mempercepatkan proses pengkomposan.

“Sehingga kini, kaedah EFWC diguna pakai oleh Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Jalan Damai, Bukit Mertajam; Pangaspuri Taman Pandan, Butterworth; Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK) Simpang Ampat di Taman Belibis, Seberang Perai Selatan dan Restoran De Pauh di Permatang Pauh.

“Malah, mesin tersebut turut dihadiahkan kepada Yang di-Pertua Negeri (TYT) untuk digunakan di kediaman beliau di Seri Mutiara,” jelasnya.



Sr. Rozali Mohamud.

MBPP rai pesara dan kakitangan cemerlang

Oleh : SITI HUMAIRA MOHAMED YASIN
Gambar : ALISSALA THIAN

GEORGE TOWN – Seramai 238 kakitangan Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) menerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) bagi tahun 2018.

Serentak itu, MBPP turut meraikan 111 kakitangan yang telah bersara tahun 2018 atas komitmen serta menabur bakti sepanjang perkhidmatan masing-masing.


Datuk Bandar MBPP, Dato' Ar. Yew Tung Seang menyatakan bahawa penganjuran berkaitan adalah sebagai pengiktirafan kepada warga MBPP yang menunjukkan prestasi cemerlang serta penghargaan kepada kakitangan yang bersara pada tahun 2018.

“Warga MBPP perlu berasa bangga kerana dapat diberi amanat dalam sektor perkhidmatan awam.

“Saya berharap agar warga MBPP dapat memberikan perkhidmatan yang paling cemerlang dan berpegang teguh kepada prinsip asas CAT (Cekap, Akauntabiliti dan Telus) dalam menjalankan tugas harian.

“Penerima APC dan semua warga MBPP merupakan pemangkin untuk merealisasikan aspirasi Majlis iaitu agenda hijau dan kebersihan selaras dengan visi Penang2030,” ucapnya pada majlis berkaitan di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Setiausaha Bandaraya, Ir. Addnan Mohd. Razali, Ahli-ahli Majlis,



ABDULL JABBAR KACHU MEERA.



S. PANGGAJAWALY.



DR. CHIN WEE LOON.

ketua-ketua jabatan dan wakil-wakil Kesatuan Sekerja.

Dalam pada itu, bagi pesara Pembantu Awam Perkhidmatan Perbandaran MBPP, **ABDULL JABBAR KACHU MEERA**, 61, beliau berasa bertuah serta bersyukur dengan penganugerahan diterima setelah 41 tahun menabur bakti.

“Saya minat dengan kerja ini kerana ia merupakan ‘senaman’ harian saya iaitu menguruskan sistem perparitan dengan baik selain bertugas menyapu sampah.

“Kenangan istimewa saya di MBPP ialah membantu mangsa banjir selama 10 hari sehingga larut malam.

“Walaupun ia memang memenatkan, tapi

kejadian alam itu memberi semangat kepada saya serta rakan-rakan yang lain untuk terus membantu mangsa-mangsa terlibat,” ujarnya ketika ditemui Buletin Mutiara sejurus majlis penyampaian.

Waris, S. Panggajawaly, 62, juga menceritakan komitmen mendiang suaminya, **A. NAGASAMY**, yang bertugas sebagai Pembantu Awam Perkhidmatan Perbandaran yang berjaya menabur bakti lebih 40 tahun di MBPP.

“Suami saya memang suka kerja dengan MBPP. Beliau amat komited dan menunjukkan komitmen tinggi, malah tidak akan mengambil sebarang cuti walaupun sakit,” responsya sambil berterima kasih kepada MBPP di atas

penghargaan yang diberikan kepada mendiang suaminya.

Salah seorang penerima APC, Pegawai Perubatan Kesihatan Persekutuan MBPP, DR. **CHIN WEE LOON**, 45, menyatakan bahawa berkhidmat di bawah pihak berkuasa tempatan (PBT) berkaitan merupakan perkara istimewa kepada dirinya kerana beliau mempelajari benda baru pada setiap hari terutamanya dalam membantu umum pada aspek kesihatan umum.

“Saya suka melihat masyarakat gembira dan berpuas hati apabila mereka menerima perkhidmatan yang telah ditawarkan,” ulasnya sambil mendedikasikan penghargaan tersebut kepada ahli keluarga yang banyak membantu beliau.



JAGDEEP Singh Deo diapit oleh Ar. Yew Tung Seang (kiri) dan Sr. Rozali Mohamud sambil menunjukkan sijil penganugerahan diterima pada sidang media di sini baru-baru ini.

MBPP, MPSP kekal dapat Gred 5 bintang

GEORGE TOWN - Exco Perumahan, Kerajaan Tempatan dan Perancangan Bandar & Desa, Jagdeep Singh Deo menzahirkan kegembiraan kerana kedua-dua pihak berkuasa tempatan (PBT) berjaya kekal mendapat lima bintang bagi tahun 2018, daripada Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT).

“Kepada Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) dan Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP), apabila mereka mencapai penggredan lima bintang pada tahun 2015, saya kata itu bukan perkara mudah yang senang dicapai, tapi, yang lagi susah dicapai adalah untuk kekal (pencapaian lima bintang),” jelasnya pada sidang media

selepas menyertai Mesyuarat Pertama Penggal Kedua Dewan Undangan Negeri Yang Ke-14 di Dewan Sri Pinang dekat sini pada 3 Mei lalu.

Turut serta, Datuk Bandar MBPP, Dato' Ir. Yew Tung Seang dan Yang di-Pertua MPSP, Dato' Sr. Rozali Mohamud.

Jagdeep yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Datuk Keramat memberitahu bahawa bagi tahun 2018, MBPP mendapat 95.8 peratus, sementara MPSP (95.9 peratus).

Pada tahun 2008, MBPP dan MPSP masing-masing mendapat gred 3 bintang, diikuti 4 bintang (2011 dan 2013), dan 5 bintang (2015 dan 2018).

Bajet Raya

Oleh: AKPK

TIDAK lama lagi, umat Islam akan menyambut lebaran setelah berpuasa sebulan di bulan Ramadan. Pasti banyak perkara perlu difikirkan untuk menyambut Hari Raya terutamanya bagi mereka yang sudah berkeluarga. Bajet Raya merupakan isu yang perlu diberi perhatian supaya dalam kegirangan meraikan Aidilfitri kita tidak terlebih berbelanja sehingga mendatangkan bebanan selepas hari raya.

Di sinilah kita harus bijak dalam merancang bajet untuk musim perayaan. Antara kepentingan menyediakan bajet adalah:

- Mengelakkan perbelanjaan yang berlebihan.
- Meletakkan keutamaan pada perbelanjaan keperluan.
- Tidak terbebani dengan hutang.
- Mempunyai wang yang mencukupi selepas Hari Raya.

Untuk menjayakan bajet ini, kita perlu mendisiplin diri untuk membuat perbelanjaan berdasarkan bajet yang telah ditetapkan.

Berikut ialah tip-tip perbelanjaan menyambut hari raya yang boleh diamalkan:

1. Berbelanja mengikut kemampuan

Di musim perayaan ini terdapat banyak pusat membeli belah yang mengajurkan jualan murah dan sebagainya. Bandingkan harga dan jangan terlalu gairah berbelanja disebabkan tawaran diskon yang menarik. Ingat! berbelanjalah mengikut kemampuan, bak kata pepatah “ukur baju di badan sendiri”.



2. Guna semula

Tidak semestinya setiap kali menyambut Hari Raya, segala persiapan seperti langsyir, set sofa dan perabot mesti diganti baru. Konsep guna semula boleh membantu kita berjimat dan wang lebihan yang ada bolehlah disalurkan ke tabungan wajib bulanan kita. Sedikit pengubahsuaian ke atas susun atur perabot dan dekorasi ringkas Hari Raya sudah mencukupi untuk menaikkan suasana Aidilfitri tanpa perlu berbelanja besar.

3. Rancang perjalanan balik ke kampung

Sudah menjadi tradisi setiap tahun, warga kota akan berduyun-duyun keluar menuju ke kampung halaman masing-masing menjelang Syawal. Buat perancangan awal tentang perjalanan ‘balik kampung’ anda. Jika memandu sendiri, pastikan kenderaan telah diselenggara dengan baik bagi mengelakkan kerosakan dan kejadian yang tidak diingini. Elakkan kesesakan trafik dengan mengikuti jadual perjalanan yang telah disyorkan oleh pengendali-pengendali lebuh raya utama. Bagi yang menaiki kenderaan awam pula, pastikan tiket telah ditempah awal dan elakkan membeli tiket di saat-saat akhir kerana harganya mungkin sudah menjadi lebih mahal.

4. Pastikan segala bayaran bulanan yang tetap telah dijelaskan

Jangan pula disebabkan kita terlalu gairah berbelanja untuk menyambut hari raya, bayaran ansuran pinjaman terabai, atau bayaran bil utiliti tertangguh.

Jelaskan semua ansuran pinjaman, bil utiliti, premium insurans, sewa rumah, duit tuisyen anak dan sebagainya sebelum berbelanja untuk menyambut raya. Bagi mereka yang menerima gaji awal dari majikan, berbelanjalah dengan berhemat supaya tidak kesempitan sementara menunggu gaji bulan berikutnya.

5. Berseronoklah secara sederhana – elakkan meminjam

Tidak salah untuk kita bergembira di Hari Raya, tetapi bersederhana dalam menyambut Hari Raya itulah yang sebaik-baiknya. Bukan sambutan besar-besaran itu yang menjadi ukuran, tetapi jalinan silaturahim sesama sanak-saudara, rakan taulan dan jiran tetangga itulah yang lebih utama. Tidak berbaloi rasanya jika kita berbelanja besar menyambut raya sehingga terpaksa membuat pinjaman peribadi ataupun menggunakan kad kredit yang sudahnya akan hanya membebankan diri kita sendiri menjelaskan hutang tersebut.

Dengan itu, AKPK berharap agar pembaca semuakan membuat keputusan kewangan yang bijak dalam menyambut hari raya yang bakal menjelma.

Dalam kesempatan ini, kami di AKPK ingin mengucapkan Selamat Hari Raya Aidilfitri, Maaf Zahir dan Batin.

Amalkan pengurusan kewangan berhemat sebagai budaya hidup.

Kempen Batu Uban Go Green, ADUN edar penyedut minuman logam dan bekas makanan biodegradasi

Oleh : WATAWA NATAF ZULKIFLI
Gambar : ADUN

BATU UBAN — Sebanyak 100 unit penyedut minuman logam dan bekas makanan mesra alam terbiodegradasi diedarkan di Kompleks Makanan Super Tanker, Taman Lip Sin di sini baru-baru ini.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Batu Uban, A. Kumaresan ketika ditemui berkata, edaran penyedut minuman logam dan bekas terbiodegradasi itu adalah salah satu inisiatif Kempen Batu Uban Go Green yang diadakan di sini.

Jelas beliau, inisiatif tersebut adalah sebagai permulaan dalam mendidik komuniti setempat agar mengamalkan budaya hidup hijau, sihat dan selamat.

“Ramai dalam kalangan masyarakat kita yang tidak tahu bahawa kebergantungan terhadap barang yang diperbuat daripada

plastik ini boleh memudaratkan jika digunakan secara berterusan untuk suatu tempoh yang lama.

“Plastik bukan sahaja mampu membawa ancaman besar kepada alam semula jadi, tetapi juga terhadap ekonomi dan kesihatan sekiranya gagal diuruskan dengan baik.

“Maka jalan terbaik adalah elakkan kebergantungan kita semua terhadap barang plastik sekali guna terutamanya,” katanya yang turut turun padang menyertai pasukan daripada Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK) setempat.

Mengulas lanjut, Kumaresan turut memberi cadangan agar syarikat-syarikat pengeluar barang yang boleh dikitar semula mendapat insentif sekiranya menerima barang kitar semula daripada pengguna.

“Melalui cara itu, apabila mereka (syarikat pengeluar) membeli semula daripada pengguna, sedikit-



A. Kumaresan (barisan hadapan, tiga dari kiri) bersama-sama MPKK setempat dan beberapa pengunjung menunjukkan penyedut minuman logam dan bekas terbiodegradasi yang diterima menerusi inisiatif Kempen Batu Uban Go Green di sini baru-baru ini.

sebanyak mampu menyelamatkan alam sekitar dan tapak pelupusan sampah.

“Kaedah ini sudah banyak dipraktikkan di negara-negara maju,” ujarnya yang meletakkan

harapan agar Batu Uban dapat menjadi kawasan contoh ke arah inisiatif hijau negeri.



LEE Khai Loon (kiri sekali) menunjukkan sijil MBOR yang diterima A. Santana Dass (dua dari kanan) ketika beliau tiba di garisan penamat dekat sini baru-baru ini.

Penunggang motosikal OKU rentas tiga negara cipta rekod MBOR

MACHANG BUBUK — Kudung sebelah tangan tidak menghalang A. Santana Dass menunggang motosikal berkuasa tinggi Yamaha R25 secara tanpa henti selama 24 jam dan sejauh 6,105 kilometer (km) merentasi Singapura, Malaysia, Thailand, Myanmar serta kembali ke garis penamat di Kawasan Dewan Undangan Negeri (KADUN) Machang Bubuk.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Machang Bubuk, Lee Khai Loon dan Ahli Majlis bagi Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP), Ong Jing Cheng yang menyambut konvoi Santana Dass bersama-sama 11 penunggang lain yang tiba pada pada jam 3 petang 26 April lalu.

Ketika berucap, Khai Loon menzahirkan rasa kagum dengan Santana Dass dalam mencabar diri,

sehingga berjaya diiktiraf sebagai Perjalanan Terpanjang Penunggang Motosikal Bertangan Satu (Persembahan Solo) dalam *Malaysia Book of Records* (MBOR).

Dalam pada itu, Santana Dass merakamkan penghargaan atas sumbangan Khai Loon dan tajaan syarikat aksesori motosikal *ViviMoto.com* dalam ekspedisi mencabar pada kali ini.

Katanya, beliau pada 15 Julai ini akan cuba merakamkan rekod terbaru dalam MBOR iaitu Perjalanan Terpanjang Penunggang Orang Kurang Upaya (OKU) sejauh 150,000km ke London dan pulang ke tanah air ini, melalui 15 negara dan akan singgah 30 sekolah OKU, yang dijangka disempurnakan pada 15 November 2019.



SYERLEENA Abdul Rashid (enam dari kiri) ‘menggayakan’ seragam Bomba bersempena Majlis Perasmian Program Kursus Bomba Komuniti di sini baru-baru ini.

ADUN seru masyarakat setempat serta Bomba Komuniti

Gambar : ADUN

SERI DELIMA — Kaedah pendedahan awal kebakaran adalah penting bagi membolehkan tindakan proaktif diambil untuk melindungi nyawa dan harta benda daripada risiko berlakunya perkara tidak diingini.

Menyedari kepentingan itu, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Seri Delima, Syerleena Abdul Rashid mengambil inisiatif menujuhan pasukan Bomba Komuniti Taman Tun Sardon dengan kekuatan 37 anggota.

Menurut beliau, Bomba Komuniti merupakan organisasi yang paling dekat dengan komuniti, dan penubuhan ia dapat memberikan respons yang lebih pantas sebelum tibanya pihak Bomba (Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia).

“Penubuhan ini merupakan satu inisiatif

yang mampu memberdayakan penduduk sekitar. Malah, menerusi usaha ini, kita akan melatih seberapa ramai umum untuk berdepan dengan situasi kebakaran,” ujarnya ketika Majlis Perasmian Program Kursus Bomba Komuniti di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Pengurus Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK) Bukit Gelugor, Mohd. Hafiz Abd. Aziz dan wakil-wakil dari Balai Bomba Jalan Perak, Daerah Timur Laut (DTL) serta Batu Kawan.

Tambah Syerleena, beliau menjangkakan bilangan ahli akan semakin meningkat ekoran pendaftaran masih lagi dibuka.

“Kita sedang mengadakan perbincangan untuk melaksanakan kursus tambahan dengan kerjasama Balai Bomba Jalan Perak.

“Jom serta kami!” seru beliau.



DANIEL Gooi Zi Sen (tiga dari kanan) dan Wong Yuee Harn (empat dari kanan) pada sidang media di sini baru-baru ini.



RUPA bentuk Pasar Lebuh Cecil kini.

Lima projek naik taraf TPS Lebuh Cecil

Oleh : WATAWA NATAF ZULKIFLI
Gambar : DARWINA MOHD. DAUD

PENGKALAN KOTA – Bagi menambah keselesaan di Tapak Peniaga Sementara (TPS) Lebuh Cecil, lima projek penarafan telah mula dilaksanakan dan dijangka siap dalam tempoh terdekat.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN)

Pengkalan Kota, Daniel Gooi Zi Sen ketika mengumumkan projek tersebut berkata, lima projek yang sedang dan akan dinaik taraf termasuk menambah 15 unit sinki, menggantikan perangkap minyak jenis plastik kepada logam tahan karat, naik taraf bumbung sisi, naik taraf laluan orang kurang upaya (OKU) dan menurap kawasan parkir.

“Masalah-masalah berbangkit ini telah

diutarakan kepada saya sejak kempen Pilihan Raya Umum (PRU) lalu, dan saya telah membawanya kepada pihak Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) untuk dipertimbangkan. Hasilnya, MBPP telah bersetuju berhubung kelima-lima masalah yang diutarakan.

“Susulan daripada itu, saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada pihak MBPP yang meluluskan projek naik

taraf ini,” ujarnya dalam satu sidang media dan lawatan ke TPS Lebuh Cecil di sini 18 April lalu.

Hadir sama, Ahli Majlis bagi MBPP, Wong Yuee Harn.

Tambah Yuee Harn, MBPP membelanjakan RM20,000 bagi menaik taraf bumbung sisi, 15 unit sinki (RM19,000) dan perangkap minyak (RM8,000),” jelasnya.



ZAIRIL Khir Johari (barisan belakang, tengah) merakam gambar kenangan bersama-sama jawatankuasa setempat, tenaga pengajar dan para peserta ketika lawatan khas ke penganjuran kelas-kelas berkaitan di sini baru-baru ini.

Kelas melukis dan kraf tangan, inisiatif pembangunan STEAM

TANJONG BUNGA – Sebagai menjayakan hasrat Kerajaan Negeri di dalam pembangunan STEAM (sains, teknologi, kejuruteraan, seni dan matematik), Pejabat Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Tanjong Bunga mengambil inisiatif khas menganjurkan Kelas Melukis dan Membuat Kraf Tangan pada setiap minggu.

Menurut ADUNnya, Zairil Khir Johari, bagi menjayakan penganjuran berkenaan, beliau memperuntukkan RM500 dan para pelajar serta individu yang berminat hanya perlu membayar RM10 bagi mempelajari salah satu bidang seni berkaitan.

“Kalau ambil kelas ini di luar memang agak mahal, jadi saya

rasa dengan adanya kelas seperti ini di sini iaitu pada setiap Ahad, ia dapat membantu segolongan ibu bapa yang mempunyai anak yang minat dalam bidang seni.

“Untuk kraf tangan, kita buka khas untuk pelajar 18 tahun dan ke atas, manakala kelas melukis adalah untuk kanak-kanak berusia empat hingga 17 tahun.

“Buat masa ini, difahamkan kelas melukis sudah penuh, tetapi kelas kraf tangan masih ada kekosongan,” katanya ketika meluangkan masa melawat penganjuran kelas berkenaan di sini 28 April lalu.

Hadir sama, Pengurus Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK) Tanjong Bunga, Damien

Fong Hoong Yew dan Pengurus Jawatankuasa Pembangunan Wanita dan Keluarga (JPWK) Tanjong Bunga, Poon Lee Fah.

Hoong Yew ketika ditemui memberitahu bahawa matlamat asal penganjuran tersebut adalah bagi membantu komuniti di Kawasan Dewan Undangan Negeri (KADUN) berkaitan.

Dalam pada itu, Lee Fah menyatakan bahawa program tersebut dilihat mampu membantu golongan wanita menjadikan seni kraf tangan sebagai sumber pendapatan sampingan.

“Antara kraf tangan awal yang direka termasuk bunga pandan dan ukiran sabun organik yang boleh dijadikan cenderahati,” jelasnya.



RAMKARPAL Singh (tiga dari kiri) dan Joseph Ng Soon Siang (dua dari kiri) menyampaikan sumbangan kepada Suid Othman di sini baru-baru ini.

Sumbangan sistem pembesar suara baharu imarahkan Ramadan

AIR ITAM – Ahli Parlimen Bukit Gelugor, Ramkarpal Singh memperuntukkan RM9,300 bagi pemasangan sistem pembesar suara baharu di Surau Kampung Melayu di sini sebagai mengimarahkan bulan Ramadan.

Sumbangan tersebut disempurnakan sendiri oleh ahli parlimen berkaitan kepada Pengurus surau berkenaan, Suid Othman di sini baru-baru ini.

Menurut Ramkarpal, sumbangan tersebut adalah susulan permohonan yang dibuat pada 25 April lalu, dan diharap ia dapat meningkatkan infrastruktur kawasan surau.

Hadir sama, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Air Itam, Joseph Ng Soon Siang dan ahli-ahli Jawatankuasa Surau Kampung Melayu.

Dalam pada itu, Suid yang ditemui bersyukur dengan sumbangan yang diberikan.


“Pertama sekali saya ingin mengucapkan terima kasih kepada pihak YB (Ramkarpal dan Soon Siang) yang amat prihatin dengan kami di sini.

“Peralatan di sini pun dah lama, jadi lepas ini harap YB dapat bantu kami lagi untuk naik taraf apa-apa yang perlu seperti tandas dan lain-lain,” ujarnya.

Lembaran Aidilfitri...



PELBAGAI pilihan fesyen untuk golongan wanita.



PEMBUAT songkok ternama di Little India.



WARGA kota mula membeli-belah sebagai persiapan menyambut Syawal.



ANTARA jenis kerepek yang dijual.



KERONGSANG yang menjadi pilihan golongan wanita.



SALAH satu kuih yang menjadi pilihan di hari lebaran.



ANEKA pilihan kuih-muih yang dijual di pasaran.



PERSALINAN baju Melayu dengan pelbagai warna.